

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 29**

**Isnin**

**18 Disember 2006**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 27)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 63)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Isnin, 18 Disember 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

**DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum itu sukacita bagi pihak Dewan Negara, saya mengalu-alukan kehadiran bersama kita pada pagi ini, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr) Kemaludin Al-Haj ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran anak Haji Muhamad Yasin, Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam..... [*Tepuk*] Terima kasih.

1. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, analisis statistik bilangan wanita yang terlibat dalam penagihan dadah dalam negara sehingga kini dengan pecahan mengikut negeri dan umur mereka.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi pihak Dewan Negara saya mengalu-alukan sekali lagi kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.... [*Tepuk*]

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1988 sehingga tahun 2006, seramai 5,586 penagih dadah wanita telah dikesan di Malaysia. Bagi tempoh 10 bulan ini, seramai 372 orang penagih wanita telah dikesan. Saya hanya akan sebut 5 buah negeri yang mengikut jumlah yang dikesan di antara bulan Januari hingga Oktober ini.

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah (<i>orang</i>)</b>
Pulau Pinang	58
Sarawak	50
Kelantan	47
Sabah	45
Kuala Lumpur	44

Daerah atau negeri yang paling kecil di Labuan iaitu 2 orang sahaja. Golongan wanita yang berumur ialah di antara 15 hingga 39 tahun. Sekian. Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya pada hari ini. Soalan tambahan saya. Setiap sedutan membawa padah dan dadah musuh negara. Adakah benar permasalahan ketagih dadah bermula daripada tabiat merokok dan apakah punca utama yang menyebabkan wanita-wanita terjebak dengan penagihan dadah? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Punca sebenarnya kita tidak dapat kenal pasti tetapi daripada laporan yang saya terima, sama ada ini betul atau tidak, ia bermula daripada merokok. Tetapi sekarang ini, dadah jenis sekarang ini tidak payah merokok, ia hanya pakai pil, jadi tidak payah rokok pun. Ini adalah punca yang biasa kita dapati.

Mengenai wanita ini, saya kurang pasti. Kadang-kadang mereka ini sama juga seperti lelaki, mereka ikut rakan sebaya atau mereka ini mencuba. Itu sahaja. Atau kadang-kadang mereka ingin berseronok di hujung minggu di pusat-pusat hiburan. Biasanya macam itulah.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah daripada jumlah tersebut, berapa ramai yang melibatkan pelajar-pelajar termasuk pelajar sekolah dan juga universiti yang menghisap dadah dan adakah tidak, statistik wanita yang menjadi pengedar dadah? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih, Yang Berhormat. Di sini saya hanya ada dari segi usia, iaitu 18 hingga 39, yang kebanyakan mereka itulah. Maknanya inilah golongannya, antaranya berkemungkinan adalah pelajar dan ada juga yang bekerja. Tetapi saya akan bagi secara *detail*, kerana jawapannya adalah agak spesifik. Terima kasih.

2. **Tuan Lee Chee Keong** minta Perdana Menteri menyatakan, strategi-strategi yang lebih berkesan dalam usaha kita membanteras gejala rasuah memandangkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah atau CPI, merosot dari tempat ke 39 pada tahun lalu ke tempat ke 44 pada tahun ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah awal kerajaan telah mengarahkan BPR untuk mengkaji punca-punca yang menyebabkan kedudukan negara jatuh. Oleh sebab kajian yang dijalankan berbentuk persepsi, maka kajian yang teliti perlu dilaksanakan untuk melihat di manakah sebab utama yang menjadikan kedudukan negara jatuh, walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam usaha memerangi rasuah di negara ini.

Walaupun kajian ini berbentuk persepsi atau pendapat, kerajaan tetap mengambil perhatian yang serius ke atas kejatuhan tersebut. Kerajaan melalui BPR selaku institusi utama membanteras rasuah serta pelbagai agensi yang lain akan terus berusaha untuk memerangi rasuah melalui strategi *punitive* dan pencegahan.

Di samping itu juga, usaha untuk meningkatkan kecekapan, menambahbaikkan amalan, sistem dan prosedur serta mengurangkan kerenah birokrasi akan terus diberikan tumpuan. Faktor-faktor ini jika dapat dipertingkatkan, sekali gus mencegah rasuah dalam sektor awam serta mengubah persepsi orang ramai terhadap tahap rasuah di negara ini.

Di samping itu juga, kerajaan akan terus berusaha untuk membudayakan masyarakat berintegriti melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional yang diselaraskan oleh Institut Integriti Malaysia selaku institusi utama ataupun *lead agency*. Usaha ini juga memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan tugas membanteras dan memerangi rasuah mestilah merupakan usaha kolektif yang dilakukan bersama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Chee Keong, kemudian Tuan Lee Sing Chooi dan kemudian Tuan Tay Puay Chuan.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya kenaikan gaji dan elaun bagi anggota-anggota PDRM memang kononnya merupakan suatu langkah memerangi amalan rasuah. Saya ingin tahu daripada pandangan Yang Berhormat adakah usaha ini berkesan dan kalau berkesan adakah kenaikan gaji akan dipanjangkan kepada jabatan-jabatan lain. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada jaminan kenaikan gaji boleh menjamin bahawa rasuah akan boleh dibanteras sebab sikap orang ramai juga adalah merupakan suatu faktor yang penting. Kita kena ingat bahawa rasuah ini bukan sahaja yang menerima tetapi yang memberi dan sikap rakyat Malaysia pada umumnya suka menyelesaikan masalah dengan cara cepat.

Mereka kalau kena trafik denda tidak mahu dikenakan saman walau pun sudah salah tetapi sanggup bayar untuk melepaskan diri. Begitu juga kalau mereka beratur untuk di pejabat-pejabat, mereka tidak sanggup tunggu lama maka mereka hulurlah untuk dapat cepat, jadi kenaikan gaji tidak semestinya boleh membanteras rasuah kerana selagi sikap masyarakat Malaysia, 'Malaysia Boleh', boleh bagi rasuah, itu akan menjadi faktor penghalang yang besar dalam kita hendak membanteras rasuah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pemerintahan di bawah pimpinan Pak Lah ini selalu menekankan usaha-usaha untuk anti rasuah yang dihadapi PPIM, IIM dan usaha-usaha yang lain. Mengapa kedudukan itu masih tidak bertambah baik tetapi merosot. Di mana silapnya persepsi itu. Macam mana kita hendak menggiatkan usaha-usaha untuk menggiatkan lagi anti rasuah ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, itu kena tanya Indeks Persepsi Rasuah lah, tanya dia apa sebab? Kerana daripada segi apa yang kita buat, semuanya telah kita buat.

Ia merupakan persepsi. Lagi banyak orang bercakap, lagi banyak orang berkata, banyak rasuah. Mungkin juga Yang Berhormat dahulu semua masalah rasuah disapu bawah karpet. Kita tidak begitu liberal dahulu, tiada siapa boleh bercakap. Sekarang semua orang boleh bercakap, bukan sahaja Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara tetapi semua orang boleh bercakap, jadi masuk surat khabarlah.

Apabila masuk surat khabar, dia jadi persepsi. Itulah di antara perkara yang mungkin menyebabkan kita punya indeks jatuh disabitkan kerana jauh lebih liberal daripada dahulu. Kita tidak pernah mahu menyapu semua masalah di bawah karpet. Semua orang boleh bercakap, jadi apabila boleh bercakap mungkin persepsi itu menyebabkan orang menganggapkan bahawa Malaysia ini rasuah. Ini mungkin di antaranya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Tay Puay Chuan.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kebenaran CPI ini jika dikaitkan dengan keadaan rasuah di dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan itu dijawab dengan baik oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kemungkinan persepsi berubah sebab semata-mata sebab kita lebih terbuka. Tetapi walau bagaimanapun ...

**Tuan Tay Puay Chuan:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Sejauh mana ia menggambarkan keadaan sebenarnya. Ada kebenaran dia tak? Itu soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak boleh hendak menjawablah sebab kalau tanya daripada saya sahaja daripada segi kerajaan, kita telah mengambil berbagai-bagai tindakan. Banyak tindakan yang telah kita ambil untuk memastikan kita boleh melawan rasuah. Tetapi kalau persepsinya masih begitu, kita tidak boleh buat apa-apa.

Yang sebenarnya kita tidak ada satu mekanisme yang boleh menunjukkan dengan secara tepat iaitu bahawa rasuah telah kurangkah apa? Itu tidak boleh kita lakukan, melainkan statistik yang kita ada iaitu berapa yang telah kita dakwa dalam mahkamah, berapa yang telah disiasat, itu mungkin boleh digunakan sebagai pengukur tetapi itu daripada segi kita. Mungkin tidak diterima oleh CPI.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya boleh membenarkan tiga pertanyaan Yang Berhormat.

**3. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Pelancongan menyatakan tahun 2007 merupakan Tahun Melawat Malaysia, apakah unjuran kerajaan dari sudut jumlah pelancong dan pendapatan daripada rancangan ini dan berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh kerajaan dalam mempromosikan program ini.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, unjuran Tahun Melawat Malaysia 2007 sememangnya bertujuan untuk menarik

kedatangan lebih ramai pelancong asing ke negara kita. Pada tahun hadapan, tahun 2007, kementerian menasaskan 20.1 juta pelancong asing dengan pendapatan daripada pertukaran wang asing yang dijanakan sebanyak RM44.5 bilion.

Bagi memastikan kejayaan unjurannya, promosi yang agresif dijalankan dalam dan luar negara serta penganjuran acara-acara di peringkat negeri dan juga yang bertaraf antarabangsa. Perbelanjaan keseluruhan melibatkan promosi dalam dan luar negara, penganjuran acara serta kempen di peringkat negeri adalah sejumlah RM250 juta. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Soon kemudan Dr. Puad.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih yang kementerian. Kita sedia maklum bahawa banyak peruntukan telah disalurkan sama ada kerajaan mempunyai satu dasar untuk menyelaraskan kementerian-kementerian berkaitan dengan pelancongan, tentang masalah-masalah pelancong membuat aduan seperti harga teksi yang tidak berpatutan dan harga makanan yang tidak seimbang. Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Datuk Soon. Sememangnya kita ada dasar supaya kita boleh meningkatkan kedatangan pelancong asing ke negara kita. Jawatankuasa yang kita tubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja Kementerian melalui agensinya Tourism Malaysia bersama dengan pihak industri pelancongan iaitu seperti persatuan agensi pelancongan MATTA dan juga persatuan *hotel*.

Memang kita ada bincang mengenai isu-isu yang berbangkit dan juga kita ada satu jawatankuasa lagi iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Kemudahan Masuk ke Malaysia dan Isu-isu Pelancong Asing yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti pihak polis, pihak imigresen, MAS, Air Asia, MAB dan juga pihak Persatuan Industri Pelancongan.

Isu-isu yang kita bincangkan seperti Yang Berhormat katakan tadi, isu imigresen, isu pengurusan lapangan terbang, isu keselesaan dan keselamatan para pelancong semasa berada di Malaysia, perintihan dan kebersihan destinasi pelancongan dan juga status jerebu, kawalan penyakit berjangkit dan juga aduan pelancong asing dan isu-isu penipuan khidmat teksi bukan sahaja di bandar raya tetapi juga di KLIA. Isu-isu ini telah kita perbincangkan, kita mencari langkah untuk mengatasinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Puan dan sebelum itu ....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Soalan yang sama Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu saya merakamkan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar. Silakan Dr. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Soalan yang sama Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang sama.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Sharipah Aminah, kemudian Datuk Yaakob.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Kita dimaklumkan yang promosi untuk pelancongan ini di kontrol oleh pihak kementerian dan negeri-negeri tidak dibenarkan membuat promosi sendiri. Adakah perkara itu benar. Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih atas soalan itu. Memang seperti kementerian yang lain, kementerian melalui agensinya iaitu Tourism Malaysia yang membuat promosi di dalam negeri dan juga di negara-negara luar. Memang daripada pihak kementerian atau kerajaan negeri, memang mereka ada EXCO yang menjaga bidang pelancongan ini.

Memang kita selalu ada mesyuarat. Setahun ada empat kali mesyuarat untuk kita bincang mengenai isu bagaimana kita boleh mempromosikan destinasi pelancongan di negeri masing-masing dan mereka boleh ikut bersama dengan kita apabila menteri atau timbalan menteri mengadakan rombongan untuk mempromosikan pelancongan di luar negara.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah daripada kos promosi yang dibuat oleh kementerian dengan unjuran pendapatan yang akan diperoleh oleh masyarakat Malaysia, sejauh mana pihak kementerian memantau dari segi keuntungan ini, faedah yang akan diperoleh oleh masyarakat bandar dan juga masyarakat luar bandar? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob di atas soalan ini. Dari segi keuntungan atau pendapatan, contohnya pada tahun 2005 sejumlah 16.4 *million* pelancong asing datang ke negara kita dan pendapatan kita adalah sebanyak RM32 bilion. Kalau dibandingkan dengan promosi yang kita buat iaitu hanya lebih kurang 180 juta. Angka ini memang kecil kalau dibandingkan dengan pendapatannya. Angka ini pun kita tidak berpuas hati kalau kita bandingkan dengan negara lain seperti Singapura. Singapura membelanjakan peruntukan wang yang besar iaitu SGD2 *billion*. Oleh sebab itu, kalau hendak dibandingkan dengan negara yang lain kita mestilah menambahkan sedikit peruntukan.

Yang Berhormat ada mengatakan isu di bandar dan luar bandar, mengenai soalan itu kita akan membincangkan dengan kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan. Itu terpulang kepada mereka kerana kita memang ada memberikan peruntukan kepada mereka membuat *maintenance* dan juga promosi. Kita memang tidak ada angka yang terperinci mengenai isu ini.

4. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan jumlah pekerja tempatan yang masih terlibat dalam sektor perladangan negara kita dan adakah golongan ini sebahagian daripada mereka yang terjejas akibat daripada *mainstream development*. Adakah mereka diberi peluang untuk memiliki kemudahan perumahan dan kemudahan asas yang lain oleh syarikat-syarikat perladangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]:** Tuan Yang di-Pertua, sektor perladangan merupakan salah satu sektor

yang masih berintensifkan buruh. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini hampir 589,000 pekerja di sektor perladangan. Daripada jumlah tersebut kira-kira 204,000 atau 35% adalah terdiri dari pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan terdapat segelintir pekerja tempatan di sektor perladangan yang terjejas akibat daripada *mainstream development*, dengan izin. Sebagai contoh, pembangunan kawasan luar bandar yang pesat turut melibatkan penukaran syarat penggunaan tanah ladang kepada aktiviti ekonomi lain seperti perkilangan dan perumahan. Akibatnya banyak kawasan ladang yang terletak di pinggir bandar kini telah bertukar menjadi kawasan perumahan, kilang dan lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menyediakan secara institusi dan secara rangka undang-undang (*institutional and legal framework*) dengan izin bagi menjaga kebajikan para pekerja di negara ini. Akta-akta perundangan seperti Akta Kerja 1955, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, dan Akta Pampasan Pekerja 1952 akan ditadbirkan oleh Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia menetapkan dan menggariskan hak serta perlindungan bagi para pekerja.

Berhubung dengan kemudahan pekerja ladang, dimaklumkan bahawa majikan hanya bertanggungjawab menyediakannya semasa tempoh pekerja ladang bekerja. Selain perumahan, kemudahan asas lain seperti bekalan air, elektrik, dewan komuniti, klinik ladang dan pusat asuhan kanak-kanak juga disediakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah dalam strategi perancangan untuk menggabungkan Sime Darby, Kumpulan Guthrie dan Golden Hope, adakah pihak PNB mengambil kira kebajikan pekerja di mana jumlah kakitangan yang terlibat adalah cukup besar iaitu Sime Darby seramai 28,000 pekerja, Golden Hope seramai 26,000 dan Kumpulan Guthrie seramai 50,000 orang supaya masa hadapan mereka lebih terjamin dan akan juga menikmati keuntungan daripada penggabungan ini.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Krishnan di atas soalan tadi. Sepertimana yang saya sebutkan di dalam jawapan, kebanyakan perkara yang melibatkan *service conditions* dengan izin, pekerja-pekerja di ladang adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan penggabungan tiga syarikat besar yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Penggabungan itu masih cadangan atau sudah dilaksanakan?

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Ia masih di peringkat cadangan. Tiga syarikat besar ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan kerajaan pun tidak buat apa-apa pendirian mengenainya, betul atau tidak?

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Ya. Oleh kerana ini satu keputusan *business (business decision)* terpolung kepada syarikat-syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa menasihati syarikat-syarikat perladangan di atas

hal ehwal pekerja-pekerja di ladang-ladang, keselesaan hidup, perumahan dan sebagainya. Tetapi kebanyakannya di bawah Akta Kerja 1955 adalah di bawah bidang kuasa kementerian lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pada suatu ketika dahulu, rancangan perumahan di ladang-ladang ini menjadi satu keutamaan apabila ladang-ladang ini dimajukan dan ramai pekerja di ladang ini kadang-kadang bertabur. Oleh kerana itu pihak kerajaan melalui kementerian dan kerajaan-kerajaan negeri ada rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja yang telah pun dilaksanakan menyebabkan mereka duduk di rumah-rumah yang dibina kerana mereka ini sudah beratus-ratus tahun memberi sumbangan kepada kemajuan LADA, kemajuan pemilik ladang Sime Darby dan sebagainya. Apabila tiba-tiba kawasan ini dimajukan mereka kadang-kadang *detach* yang menjadikan masalah sosial dan sebagainya di kawasan bandar. Oleh itu saya hendak bertanya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, apa perkara yang Yang Berhormat hendak tanyakan?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Jadi saya hendak bertanya, apakah pihak kerajaan masih lagi menetapkan rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang dilakukan sepertimana yang pernah dilakukan pada sebelum ini.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad di atas soalan tadi.

Memang ada rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja dari ladang-ladang yang dijalankan oleh kerajaan. Tetapi ada juga rancangan-rancangan perumahan yang dilaksanakan oleh pemaju. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan ladang-ladang ini tanahnya dibeli oleh pemaju dan selepas itu, ada yang membina rumah dan kemudahan lain untuk pekerja-pekerja di situ dan saya pun suka mengambil peluang ini memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah menubuhkan satu Jawatankuasa Modal Insan dan Jawatankuasa Modal Insan ini ialah untuk menarik minat remaja termasuk anak-anak pekerja di ladang-ladang untuk menceburi diri dalam bidang komoditi dan perladangan dan kita akan memberitahu macam mana mereka boleh mengambil bahagian melalui kursus-kursus dan sebagainya. Sekian terima kasih.

5. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Perdana Menteri menyatakan berapa kes siasatan BPR dihantar kepada Peguam Negara belum di bawa ke mahkamah dan berapa kes siasatan BPR yang belum dihantar ke mahkamah belum dibicarakan dan berapa kes sedang di bicara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 8 kes telah dihantar ke pejabat Peguam Negara yang belum

dibawa ke mahkamah. Sementara itu, tiada kes BPR yang dihantar ke mahkamah yang belum di bicarakan. Setakat ini kes BPR yang sedang dibicarakan di mahkamah ialah sebanyak 521 kes.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Lee Sing Chooi kemudian Tuan Tan Bon You.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam proses ini, pernah ada aduan atau BPR dapat maklumat dia kaji dan lepas itu dia pergi peguam, pergi mahkamah bicara terhadap keputusan. Dan setiap proses ini mungkin mengambil masa yang berlainan dan sesetengah itu lebih kompleks dari satu berbanding dengan yang lain. Selalunya apakah tiada fasa atau *time range* untuk setiap proses tersebut dan juga di manakah *bottleneck* selalunya dan dengan izin dan apakah usaha untuk mengurangkan atau menangani *bottleneck* itu. Adakah pengambilan 300 orang kakitangan BPR itu akan menggiatkan lagi usaha-usaha ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang ini BPR dia setakat menyiasat sahaja. Jadi, apabila dia menyiasat dia bagi kepada Peguam Negara, dia punya kerja dah habislah. Jadi kalau kita banyakkkan juga pekerja di BPR pun tidak akan menyebabkan banyak kes akan di bicara di mahkamah. Apa yang berlaku di sini ialah di peringkat mahkamah. Kadangkala macam saya menjawab minggu lepas, sebahagian besar daripada kes-kes yang di tangguh perbicaraan disabitkan oleh kerana di atas permintaan peguam, 53%. Kemudian ada juga alasan yang kes tidak dijalankan disabitkan oleh kerana pihak pendakwa raya. Mungkin mereka berkursus atau pun mereka mengambil cuti pun boleh berlaku, 26% begitu. Dan yang *balance* itu disabitkan oleh kerana mahkamah yang tolak.

Jadi dia banyak fakta lah. Ada tiga pemain utama apabila perkara ini di bicara di mahkamah. Kemudian alasan-alasan yang menyebabkan dibolehkan diberikan penangguhan ini ada 56 alasan semua. Jadi, inilah semuanya yang menyebabkan kes tertunggak. Namun, kita telah pun meluluskan supaya 17 lagi hakim besar diwujudkan dan 7 di *court of appeal*.

Di bawah saya ingat mencukupi cuma dalam proses kita ini kalau di Mahkamah Seksyen kemudian dia ada rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Kemudian kepada Mahkamah Persekutuan dia boleh merayu. Daripada *high court* pergi ke *high court* dia boleh naik. Jadi kadang-kadang kes di peringkat *seksyen court* dah selesai tapi di merayu macam hari ini kita baca dalam surat khabar kes Sahar Arpan, dia telah pun didakwa oleh dua mahkamah dia didapati bersalah tetapi sekarang dia merayu ke atas. Ini yang melambatkan.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kerajaan telah menunjukkan ketegasan dalam membanteras gejala rasuah dan memberi banyak kursus kepada kakitangan kerajaan melalui AIM. Adakah kerajaan melalui AIM telah menggariskan satu jadual untuk memberi seminar atau kursus integriti politik kepada pemimpin politik Barisan Nasional di semua peringkat termasuk pemimpin daripada pembangkang dan adakah pihak kerajaan telah mengiktiraf metodologi yang digunakan dalam pengiraan CDI itu

yang dicipta oleh Profesor 'Lens Durm' daripada Jerman setelah delegasi AIM itu mengunjunginya baru-baru ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang kursus itu saya tidak boleh nak jawablah. Yang berkenaan dengan kursus-kursus yang kita berikan sememangnya kita mengadakan kursus. Tetapi kepada wakil rakyat, Ahli Parlimen, ADUN ke semuanya kita lulus untuk menjadi calon dalam Barisan Nasional, sudah tentu kena melalui proses tapisan dari segi bankrupsi sesi lepas, tidak ada kes rasuah. Jadi kita pada umumnya kita telah luluslah. Tapi ada yang tersangkut itu mungkin ada. Tapi untuk mengadakan kursus kalau Yang Berhormat hendak kita boleh panggil. Tidak ada masalah. Kita tidak seperti masyarakat lain, kita tidak dikecualikan untuk diberikan kursus kalau kita mahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dah banyak dah pertanyaan tambahan.

**6. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan jumlah pelajar mengikut jantina yang telah memasuki IPTA. Nyatakan berapakah jumlah graduan yang mendapat kelas kepujian mengikut kaum.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 79,337 orang pelajar telah pun tamat pengajian di IPTA pada sesi akademik 2005/2006. Jumlah ini merangkumi 50,227 orang pelajar perempuan dan 29,110 orang pelajar lelaki. UiTM merupakan universiti yang menghasilkan paling ramai graduan iaitu seramai 25,560 orang yang terdiri daripada 17,151 orang pelajar perempuan dan 8,409 orang pelajar lelaki. Daripada jumlah 79,337 orang graduan yang dihasilkan daripada 17 buah IPTA, 485 orang merupakan graduan daripada peringkat Ph.D iaitu 196 orang pelajar perempuan dan 289 orang pelajar lelaki.

Selain daripada itu, terdapat 6,785 orang yang merupakan graduan daripada peringkat sarjana yang terdiri daripada 3,501 pelajar perempuan dan 3,284 orang pelajar lelaki. 361 orang merupakan graduan daripada peringkat diploma lepasan ijazah di mana 197 orang perempuan dan 164 pelajar lelaki. 50,989 orang merupakan graduan peringkat sarjana muda yang terdiri daripada 33,271 orang perempuan dan 17,718 lelaki.

20,402 orang merupakan graduan peringkat diploma yang terdiri daripada 12,856 perempuan dan 7,546 lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, bagi *enrolment* untuk tahun 2005 dan 2006 seramai 307,733 pelajar sedang mengikuti pelbagai kursus pengajian di IPTA di peringkat PhD, sarjana, diploma lepasan ijazah, sarjana muda dan diploma. Pada masa kini semua program ijazah sarjana muda di Malaysia merupakan ijazah kepujian.

Bersabit dengan soalan yang dibangkitkan mengenai keluaran pelajar ijazah sarjana muda sesi akademik tahun 2005 dan 2006, bumiputera angkanya adalah seramai 36,193 orang sedangkan bukan bumiputera adalah sebanyak 11,966 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Kamarudin kemudian Tuan Munusamy.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, kalangan mereka yang mendapat kelas kepujian, adakah pihak kementerian secara automatik menyediakan biasiswa khas untuk mereka melanjutkan pelajaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara automatik menyediakan biasiswa.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan itu sebenarnya tidak timbul. Tiada yang automatik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada angka-angka yang telah diberi nampaknya lebih peratus daripada graduan-graduan adalah daripada golongan wanita. Adakah Kementerian Pengajian Tinggi membuat kajian apakah sebabnya pelajar-pelajar lelaki masih kurang ataupun setahun demi setahun nampaknya kekurangan pelajar-pelajar lelaki mendapat masuk ke IPTA atau ke IPTS. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu kerajaan kah yang jawab, bukan sebab lelaki-lelaki malas baca.

[Ketawa]

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tadi. Sebenarnya satu kajian telah pun dibuat oleh pihak kementerian dan adalah didapati bahawa pada keseluruhannya pelajar-pelajar perempuan adalah lebih *focus*, dengan izin ataupun lebih memberi tumpuan kepada pengajiannya baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat IPT. Sedangkan kaum lelaki walaupun dari segi nisbah pelajar di peringkat IPT khususnya di IPTA adalah kurang sekarang ini adalah sekadar 1 kepada 1.8.

Walaupun demikian, di politeknik dan kolej komuniti sekarang ini bilangan pelajar lelaki adalah mengatasi bilangan perempuan. Ini adalah trend yang sebaliknya di politeknik dan kolej komuniti. Dalam erti kata lain, kaum lelaki lebih cenderung kepada kursus-kursus pengajian teknikal. Sekian.

7. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan kenapakah MARA yang memperoleh geran kerajaan bagi mengeluarkan biasiswa kepada pelajar IPTA dan IPT luar negara tetapi menukarkannya kepada bentuk pinjaman yang mencecah suku juta ringgit yang tidak mampu dibayar oleh mereka walaupun bekerja sehingga 30 tahun.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat ahli Yang Berhormat pada masa ini dasar pembiayaan pendidikan MARA adalah dalam bentuk pinjaman. Walau bagaimanapun, skim pembiayaan tersebut boleh diubah dalam bentuk biasiswa sekiranya pelajar yang ditaja oleh MARA mencapai prestasi pendidikan yang cemerlang.

Manakala pelajar-pelajar yang tidak mencapai tahap kecemerlangan, dikehendaki membayar balik pinjaman yang telah diberikan. Dasar ini dilaksanakan sebagai satu insentif bagi menggalakkan pelajar berusaha lebih gigih bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Dr. Puad, tidak mahu tanya? Saya benarkan Yang Berhormat. Jangan Yang Berhormat merajuk pula, diam terus. *[Ketawa]*. Puan Hajah Wan Hazani.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah tidakkah kementerian membuat penyiasatan terlebih dahulu terhadap latar belakang pelajar-pelajar yang tidak mampu membayar pinjaman MARA sebelum mereka didakwa di mahkamah. Mesti ada sebab tertentu yang mereka tidak membayar. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah MARA begitu fleksibel sebelum kita dakwa di mahkamah, kita siarkan nama mereka di akhbar, kita siasat latar belakang mereka, kita jemput mereka untuk berunding dengan MARA untuk kita *schedule* kan kalau tidak dapat membayar dengan kadar yang ditetapkan, kita bolehkan bayar mengikut kemampuan mereka.

Tapi apa yang berlaku kepada peminjam-peminjam MARA, mereka terus hilang tidak dapat dijejak walaupun kita mengadakan berbagai-bagai-bagai cara termasuk melantik ejen-ejen untuk mengembalikan pinjaman itu kepada MARA. Jadi setakat ini, kalau kita tengok tunggakan pinjaman MARA sejak 1966 sudah pun mencecah RM8 bilion dan kutipan yang kita terima baru RM413 juta, itu pulangan yang kita dapat setelah kita melantik ejen, kita membuat perundingan, kita wujudkan kaunter-kaunter di peringkat negeri, daerah dan persekutuan. Terima kasih.

8. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah kadar kemiskinan di negeri Sabah berada di tahap yang tertinggi di Malaysia. Apakah langkah-langkah dan jadual pelaksanaan rancangan bagi mengatasi gejala kemiskinan bagi negeri Sabah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat berdasarkan kepada penyiasatan pendapatan isi rumah yang dijalankan bagi tahun 2004 kadar kemiskinan di negeri Sabah masih lagi tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Iaitu 23% manakala kadar kemiskinan tegar pula ialah 6.5%.

Antara faktor yang menyebabkan kadar kemiskinan yang tinggi di negeri Sabah ialah lokasi atau tempat tinggal yang jauh di pedalaman menyebabkan isi rumah berkenaan sukar mendapat akses kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Selain itu kos bagi membawa pembangunan ke kawasan pedalaman juga adalah amat tinggi. Malahan

kebanyakannya isi rumah yang tinggal di kawasan pedalaman masih menjalankan aktiviti ekonomi yang *subsistence* yang tidak memberikan pendapatan yang tinggi.

Manakala faktor-faktor lain yang turut menyumbang insiden kemiskinan yang tinggi termasuklah saiz rumah yang besar, tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah serta sikap sesetengah daripada isi rumah yang tidak mempunyai pendapatan terutamanya di sektor pertanian dan perladangan. Secara elektif juga harga barangan dan perkhidmatan di negeri Sabah adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kos pengangkutan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua dalam tempoh rancangan jangka Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-3 dan Rancangan Malaysia Ke-8, strategi pembasmian kemiskinan diteruskan melalui usaha menyediakan peluang-peluang untuk meningkatkan pendapatan melalui pelaksanaan program-program ekonomi bagi golongan miskin. Di samping itu langkah juga diteruskan untuk memastikan golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapat akses sewajarnya kepada kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, infrastruktur, kesihatan, perumahan, pendidikan dan sebagainya.

Di antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan khususnya dalam tempoh RMK8 ialah pelaksanaan program-program membasmi kemiskinan secara lebih berfokus kepada kelompok-kelompok miskin dan miskin tegar terutamanya di kawasan pedalaman dan kumpulan-kumpulan yang masih belum menerima faedah daripada pembangunan negara. Selaras dengan usaha ini, skim pembangunan kesejahteraan rakyat (SPKR) dilaksanakan dan diperkukuhkan dengan merangkumi bukan sahaja program-program ekonomi yang dapat menjana pendapatan tetapi projek-projek juga projek sosial dan fizikal termasuk latihan dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas.

Di samping itu, badan bukan kerajaan dan sektor swasta juga digalakkan memperluaskan pelaksanaan program dan skim-skim mereka untuk memberi peluang penglibatan yang lebih di kalangan isi rumah di bawah kategori kemiskinan tegar.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan akan ditumpukan kepada pelaksanaan program pembangunan masyarakat setempat. Program-program ekonomi bagi meningkatkan pendapatan golongan petani dan nelayan, program kredit mikro dan usahawan mikro bagi membantu isi rumah miskin menjalankan aktiviti ekonomi yang dapat menjana pendapatan.

Di samping itu, program latihan kemahiran juga dilaksanakan bagi melengkapkan ahli isi rumah miskin dengan kemahiran asas yang dapat meningkatkan peluang mendapat pekerjaan atau bekerja sendiri. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha membangunkan tanah adat, *native customary rights land* (NCR) dan tanah-tanah kampung tradisi yang berpotensi dengan program ekonomi khususnya berasaskan pertanian. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM100 juta diperuntukkan bagi negeri Sabah dan Sarawak untuk pembangunan tanah-tanah berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu pertanyaan cukuplah. Saya kasihan kepada Yang Berhormat Menteri. Hal ehwal Parlimen pun kena jawab, hal ehwal undang-undang pun kena jawab. Ini pula hal ehwal ekonomi pun kena jawab.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menjawab secara menyeluruh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini saya bagi kepada Tuan Maijol bin Mahap.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Dan saya juga ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah banyak berusaha untuk mengelolakan ataupun mencari jalan untuk mengatasi masalah kemiskinan tetapi ternyata masih begitu jauh jurang perbezaan iaitu 23% untuk Sabah berbanding dengan negeri lain 65%. Soalan saya ialah dalam pandangan kementerian, bilakah kemiskinan sifar di Sabah dapat dicapai?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kita ialah kerana jumlah penduduk tidak statik. Ia dinamis ia akan bertambah. Kalau sekiranya jumlah penduduk itu statik, kita boleh membuat satu *target* sekian-sekian tahun kita akan dapat selesaikan kemiskinan tegar. Tapi dalam usaha kita apabila kita menyelesaikan satu kumpulan maka ada kumpulan baru pula yang akan muncul. Jadi untuk menyatakan bahawa kita boleh tentukan dalam masa yang tertentu kemiskinan tegar itu boleh dibasmi itu agak sukar, luar daripada keupayaan kita. Namun usaha kita untuk terus melawan dan membasmi kemiskinan ini akan dilaksanakan.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemiskinan di Sabah bukan masalah Sabah sahaja tetapi ia juga masalah nasional. Mengikut rekod kadar kemiskinan di Sabah pada tahun 1995 ialah 6.2%, 1997, 22.1% dan tahun 2004, 23%. Mengikut rekod ini tidak ada penurunan angka kadar kemiskinan di Sabah.

Soalan saya ialah *time frame* untuk mengurangkan atau membasmi kemiskinan ini seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, soalan saya yang seterusnya ialah saya *suspect* dengan izin apabila kajian dibuat dahulu oleh kerajaan untuk mengenal pasti kadar kemiskinan di Sabah saya berpendapat bahawa ia juga merangkumi orang-orang PATI yang memegang MyKad yang memang miskin itu. Adakah ini sebenarnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah itu benar?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menganggap kemiskinan di Sabah sebagai masalah Sabah. Sebab itu kita hantar peruntukan banyak. Jadi tidak betul kalau ada persepsi merasakan seolah-olah Kerajaan Pusat tidak mengendahkan kerana ini merupakan masalah Sabah. Tidak benar.

Nombor dua, kita membuat kajian ke atas warganegara Malaysia bukan mereka yang tidak menjadi warga kita.

9. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil oleh kementerian dalam menggalakkan aktiviti pertanian bagi tujuan kegunaan sendiri kepada rakyat di negara ini memandangkan import makanan yang masih tinggi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melancarkan Kempen Bumi Hijau bagi menggalakkan aktiviti pertanian bagi tujuan kegunaan sendiri kepada rakyat di negara ini. Majlis pelancaran kempen ini di peringkat kebangsaan telah diadakan di daerah Hulu Langat, Selangor pada 3 Mac 2006 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan disusuli oleh majlis pelancaran di peringkat negeri. Program Buku Hijau ini meliputi tiga komponen iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur.

Bagi sektor tanaman melibatkan amalan bercucuk tanam, tanaman makanan berkonsepkan *kitchen garden* dengan izin atau *audible* landskap dengan menanam tanaman yang bersesuaian seperti sayur-sayuran dan ulam-ulaman di kawasan rumah. Komponen ternakan pula melibatkan aktiviti memelihara ayam kampung dan burung puyuh manakala sektor akuakultur menumpukan kepada aktiviti ternakan ikan keli dalam tangki kanvas, ternakan ikan tilapia dalam sangkar dan pelepasan ikan dalam kawasan pengairan umum. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad dahulu, kemudian Datuk Armani binti Haji Mahiruddin, kemudian Tuan Chua Kim Chuan.

**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kesan program ini yang telah dilaksanakan, telah berjaya mengurangkan kadar import makanan negara setakat ini?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sehingga kini, kita telah melibatkan 30,000 orang penduduk kawasan perumahan di mana mereka telah diberi latihan, taklimat pameran dan demonstrasi dan daripada jumlah itu 20,000 peserta telah dilibat secara langsung dalam projek tanaman sayur dan 5,000 pula di dalam penanaman secara komuniti.

Dari segi sama ada dengan jumlah ini telah dapat mengurangkan import sayur-sayuran, itu belumlah dapat kita pastikan sebab baru dilancar. Ada pula negeri yang belum membuat pelancaran Yang Berhormat. Jadi seperti saya tekankan tadi, ini adalah satu untuk kegunaan sendiri dan di mana kita namakan ia *addible* landskap bermakna taman di persekitaran perumahan kita bukan ditanam dengan bunga tetapi lebih kepada yang boleh kita makan. Terima kasih.

**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian memberi subsidi benih untuk aktiviti pertanian bagi tujuan kegunaan sendiri dan kalau ada nyatakan apakah jenis benih tersebut? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai permulaan pelancaran kesemua peserta diagihkan dengan biji benih dan baja sebagai permulaan dan juga dengan latihan-latihan, khususnya yang menggunakan seperti akuakultur tangki *fiber*, selepas itu dengan cara-cara menggunakan amalan pertanian yang baik dan penumpuan kita, kumpulan sasar utama kita ialah penduduk taman perumahan dan juga penghuni rumah pangsa, termasuk juga murid-murid-murid-murid sekolah. Sebab kita harus bermula dengan kawasan-kawasan perumahan, sebab amalan ini disarankan oleh Jemaah Menteri di dalam Mesyuarat Kabinet pada 19 Oktober 2005, sebab pada masa itu didapati harga barang yang begitu mendadak naik. Sebab itulah kita promosikan amalan ini supaya sekuang-kurangnya keperluan kita sendiri itu kita tidak terasa dengan mengeluarkan kewangan yang banyak. Terima kasih.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah petani-petani yang menjual bahan subsidi yang sepatutnya digunakan untuk meningkatkan produktiviti?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya tidak dapat menangkap tadi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah tindakan terhadap mereka yang menjualkan barangan yang diberi sebagai subsidi ini?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Oh, seperti baja dan sebagainya. Itu memang sesuatu yang tidak baik, sebab sepatutnya mereka gunakan sepenuhnya subsidi-subsidi yang kita bagi.

Di dalam konsep Buku Hijau ini, memang untuk mereka laksanakan. Jadi satulah yang kita akan ambil tindakan, kita tidak akan berikan kepada mereka yang sama. Tetapi sayangnya Yang Berhormat sebab ini adalah satu bantuan dan seharusnya mereka melaksanakan supaya dapat menjayakan segala program-program yang kita laksanakan. Memang ada Yang Berhormat tetapi kita juga memang memantau supaya perkara ini jangan berleluasa. Memanglah, kadang-kadang kita tidak nampak tetapi kalau sudah terlampau dengan kuantiti dan ramai sangat memang kita akan mengambil tindakan.

10. **Tuan Chiu Tiang Chai** minta Menteri Pelajaran menyatakan, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak kementerian untuk mengurangkan jurang prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar terutamanya dari segi kualiti guru, kemudahan infrastruktur dan prasarana serta baucar tuisyen di bawah Rancangan Tujuh Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri tidak lama dahulu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari terdapatnya jurang antara sekolah bandar dan luar bandar dalam pelbagai aspek. Oleh yang demikian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran telah meletakkan pembangunan pendidikan luar bandar sebagai fokus khusus bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar supaya semua

sekolah dan pelajar di luar bandar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. Antara usaha yang telah menjadi tumpuan kementerian adalah:-

- (i) meneruskan dan memantapkan lagi program-program bantuan tambahan kepada pelajar dengan menambah baik sistem penyampaian bantuan-bantuan ini dan penyelarasan akan dibuat dengan pelbagai pihak agar bantuan-bantuan dapat diberikan dengan lebih bermakna, selain dapat mengelak pertindihan dan pembaziran;
- (ii) melalui pendidikan di kawasan luar bandar kerajaan telah memperuntukkan RM1.15 bilion bagi program luar bandar. Selain daripada masalah infrastruktur asas seperti bekalan elektrik 24 jam dan bekalan air bersih kepada sekolah-sekolah di kawasan ini, kementerian juga sedar bahawa masalah yang paling besar adalah untuk memastikan guru-guru dapat dihantar ke kawasan luar bandar dan pedalaman. Dan ini bukanlah satu tugas yang mudah untuk menghantar guru-guru dari opsyen yang bertepatan, apatah lagi guru-guru pakar dan yang berpengalaman. Tiada gunanya kita mengadakan infrastruktur yang canggih jika tiada guru yang dapat hantar ke kawasan ini; dan
- (iii) bagi memastikan golongan di kawasan pedalaman ini benar-benar terbela, kerajaan telah menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara atau BBPN yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Badan ini telah mengenal pasti projek-projek berimpak tinggi ataupun *high impact project* ataupun HIP, secara ringkas. Dan projek-projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan meliputi pelbagai aspek seperti aspek infrastruktur dan asas peralatan, guru kurikulum dan program bantuan serta khidmat sokongan. Bagi memastikan anak-anak di kawasan luar bandar mendapat pendedahan pendidikan sejak dari peringkat awal lagi pula, BBPN akan membantu usaha memantapkan pelaksanaan kelas pra sekolah di luar bandar dengan menyediakan 2,400 kelas yang lengkap dengan kemudahan komputer yang dapat memberi faedah kepada hampir 61,000 anak-anak berumur antara lima, dan enam tahun.

Dan selain itu kita juga akan mempertingkatkan kelas pemulihan di luar bandar sebanyak 5,000 kelas bagi memperkukuhkan penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira, memperluaskan penawaran mata pelajaran vokasional atau MPV kepada 480 sekolah luar bandar bagi meningkatkan peluang pelajar yang kurang cenderung akademik,

membestarikan sekolah luar bandar khusus kepada sistem pengajaran dan pembelajaran termasuk penyediaan makmal komputer, pusat akses, kelengkapan tele-sidang dan web TV serta sistem komunikasi termasuk telefon satelit dan faksimile *wireless*.

**Tuan Chih Tiang Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya semasa Menteri Pelajaran menggulung berbahasan usul pendidikan pada Perhimpunan Agong UMNO yang ke-57, telah mengumumkan rancangan kementerian untuk mempercepatkan penyediaan bekalan elektrik 24 jam dan air bersih kepada lebih 2,000 sekolah luar bandar yang tiada kemudahan ini selewat-lewatnya akhir tahun depan berbanding rancangan awal pada 2020. Soalan saya, adakah hasrat murni ini boleh dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, penyediaan bekalan elektrik adalah satu-satunya projek yang telah dikenal pasti di bawah HIP yang saya sebut tadi iaitu *high impact project*. Dan melalui projek-projek yang berimpak tinggi ini, BBPN sendiri iaitu Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan membantu dan untuk memastikan kemudahan asas seperti bekalan 24 jam untuk 900 sekolah dan bekalan air bersih untuk 300 sekolah ditingkatkan. Dan waktu, *time frame* dengan izinnya, untuk projek-projek *high impact* ini adalah tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian berpuas hati dengan skim baucar tuisyen yang diadakan dan apakah ia mencapai matlamatnya. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua pada masa ini, kita tidak menerima apa-apa aduan, dan skim baucar tuisyen ini telah diterima dengan baiknya secara purata di negara ini. Memang pada masa-masa yang akan datang, di antara sasaran-sasaran projek berimpak tinggi adalah kita akan menurunkan peratus murid yang memerlukan skim baucar tuisyen supaya buat masa ini dalam 100%, kita kalau ada justifikasi, kita akan menurunkan kepada 80% selepas tamat tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

**[Soalan No. 11 – Tuan Hii Tiong Kuoh tidak hadir]**

12. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan, tanggungjawab kementerian memantau pembaziran yang berlaku di kementerian-kementerian seperti yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara dan tidakkah sebarang tindakan akan diambil.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957, adalah menjadi tanggungjawab semua anggota perkhidmatan kerajaan bukan terhad kepada Kementerian Kewangan sahaja, untuk memberi

keutamaan supaya perbelanjaan yang dilakukan memberi nilai terbaik sama ada dari segi kos dan faedah serta impak kepada rakyat. Peraturan ini sentiasa disemak dan dikemas kini melalui Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dari masa ke semasa. Selain langkah diambil di peringkat perancangan dan pelaksanaan, program projek turut dipantau dengan teliti mengikut jadual bagi mengelakkan program atau projek tertangguh.

Kerajaan juga melalui Pekeliling Perbendaharaan, Bil. 8, tahun 2004 telah mengarahkan agar Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun atau JPKA, yang dipengerusikan oleh KSU ditubuhkan di setiap agensi Kerajaan Persekutuan.

JPKA merupakan satu kaedah bagi mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun supaya berjalan lancar dan menepati kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957, serta Arahan Perbendaharaan Pekeliling dan Surat Pekeliling yang berkaitan. Sebarang kecuaiian dan kelalaian yang menyebabkan pembaziran wang kerajaan, akan dikenakan tindakan surcaj seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 18 Akta Prosedur Kewangan 1957, kemudian semakan 1972.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan memandang serius laporan yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara, dan bolehkah kita mendapat statistik tentang beberapa pembaziran perbelanjaan yang telah dibuat. Sedangkan tindakan-tindakan tadi telah pun dimaklumkan kepada kita oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiap penemuan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara yang didapati tidak memuaskan, dipantau oleh Kementerian Kewangan dan biasanya oleh sebab audit yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara ini memakan masa dan selalunya *after the fact*, dengan izin. Kebanyakan penemuan-penemuan yang negatif ini telah pun diambil tindakan sebaik sahaja pengumuman yang sedemikian ini dibuat ataupun laporan dikeluarkan. Yang mana yang tidak diambil tindakan segera, akan dipantau oleh Kementerian Kewangan melalui Bahagian Belanjawan atas segala teguran yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara.

Mengenai statistik-statistik yang menunjukkan kes-kes tertentu yang didapati tidak selaras dengan Akta Prosedur Kewangan 1957, saya boleh bagi sedikit angka. Bilangan pegawai yang diambil tindakan bagi kes kehilangan harta modal. Harta modal ini kalau komputer ke, kereta ke, tiba-tiba hilang dan sebagainya.

Tahun	Jumlah Pegawai
2002	33
2003	120
2004	40
2005	50

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada rekod ternyata laporan Audit Negara agak terlewat daripada tempoh yang ditetapkan. Adakah berpunca daripada kekurangan kakitangan dan sejauh mana lanjutan daripada laporan Audit Negara, pemantauan yang dibuat oleh *Public Accounts Committee* lebih berkesan dari segi mengawal pembaziran dan penyelewengan dalam peruntukan kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya yakin bahawa memandangkan begitu banyak agensi, jabatan yang perlu diaudit oleh Jabatan Audit Negara, sudah semestinya mengambil masa. Tambahan lagi bukan sahaja di peringkat pusat, tetapi juga di peringkat negeri-negeri. Jadi, soal sama ada ketidakcukupan kakitangan dan sebagainya saya rasa adalah sesuatu yang boleh ditentukan oleh Jabatan Audit Negara.

Tentang PAC, *Public Accounts Committee* yang juga meneliti kedudukan kewangan, tambah-tambah lagi berhubung dengan teguran-teguran yang tidak memuaskan. Ini juga sentiasa mendapat perhatian kerajaan dan juga kementerian kewangan sentiasa memberi kerjasama yang sepenuhnya apabila dipanggil untuk berbuat demikian oleh PAC dan seperti mana yang kita ketahui bahawa PAC sentiasa bermesyuarat dan berbincang mengenai perkara-perkara ini dari semasa ke semasa.

13. **Puan Mumtaz binti Md. Nawī** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah pendapatan kerajaan yang sepatutnya diperoleh hasil daripada penalti/remedi oleh kontraktor yang gagal menyiapkan projek atau gagal mematuhi terma projek sepanjang RMK-8 dan berapakah kutipan sebenar sehingga kini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendapatan hasil kerajaan daripada kutipan denda yang telah dikenakan kepada mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek-projek yang telah diluluskan serta tidak mematuhi syarat-syarat projek sepanjang RMK-8 adalah sebanyak RM28.46 juta iaitu RM4.49 juta pada tahun 2001, RM6.69 juta pada tahun 2002, sementara itu bagi tahun 2003, sebanyak RM20.87 juta. Pada tahun 2004, RM9 juta dan pada tahun 2005 adalah sebanyak RM5.41 juta.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mewajibkan insurans untuk melindungi semua kontraktor terhadap projek-projek yang dikeluarkan oleh kerajaan? Yang keduanya tentang apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan hasil ini diperoleh sepenuhnya dengan cepat kerana semua projek ini sepatutnya boleh dapat dengan cepatlah dia punya remedi. Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua perkara yang berhubung kait dengan obligasi pihak kontraktor terhadap kerajaan adalah termaktub dengan izin *contract document* yang telah pun tersedia dipakai dan tentulah dalam dokumen itu

ada *provision* dengan izin jikalau pihak kontraktor gagal untuk melaksanakan tugas dan tanggung jawab sebagaimana yang termaktub di dalam kontrak tersebut.

Namun demikian, secara umumnya setiap kontraktor yang hendak melaksanakan projek itu telah pun dikenakan dengan izin *performance bond* dan jikalau mereka tidak melaksanakan tanggung jawab itu, bahawa secara langsung *performance bond* itu dihapus kira dan dikembalikan kepada pihak kerajaan yang telah pun ditetapkan di dalam kontrak tersebut. Untuk menentukan sama ada *insurance guarantee* dapat dilaksanakan, saya percaya dan yakin bahawa ada *provision* dalam mana-mana kontrak supaya *insurance guarantee* pun boleh dikenakan. Terima kasih.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapa orang pemborong yang gagal menyiapkan projek dalam RMK-8 telah di senarai hitamkan atau *diblack listed* dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed :** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan spesifik dan saya perlu notis. Terima kasih.

14. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan Malaysia masih dikategorikan sebagai negara yang mengamalkan 'upah yang murah' berbanding beberapa negara Asia yang lain. Akibatnya pasaran kerja kita dikuasai oleh buruh asing yang tidak mahir. Apakah kerajaan tidak bercadang mengkaji skim gaji rendah tersebut agar paras produktiviti negara meningkat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk disatukan jawapan ini dengan soalan o. 23 dari Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah Omar kerana ia berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat untuk menyatakan Malaysia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Wan Ubaidah saya akan benarkan pertanyaan tambahan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Adalah kurang tepat untuk menyatakan Malaysia dikategorikan sebagai negara yang mengamalkan upah yang murah. Berbanding dengan negara Asia yang lain, kadar upah di Malaysia adalah kadar upah yang berdaya saing dan di antara yang terbaik di dalam Asian. Ini kerana kadar upah yang dibayar adalah berdasarkan produktiviti yang dihasilkan oleh seseorang pekerja. Ia dilaksanakan melalui beberapa sistem seperti berikut:

- (i) Melalui rundingan bersama di antara majikan dan pekerja. Sistem ini adalah berdasarkan kepada Perjanjian Bersama, *Collective Agreement* yang dipersetujui di antara majikan dan juga pekerja di mana salah satu faktor penting yang diambil kira adalah produktiviti pekerja. Berdasarkan juga kepada keupayaan majikan dan kebolehan pekerja. Didapati kebanyakan pekerja-pekerja yang berkesatuan tidak hanya menerima gaji pokok sahaja, tetapi mereka juga menerima beberapa jenis elaun

sebagai pendapatan tetap bulanan mereka. Walau pun gaji pokok mereka agak rendah, tetapi purata bulanannya adalah tinggi. Bagi yang telah lama bekerja, pendapatan purata minimum mereka melebihi RM1,000.00 sebulan.

- (ii) Sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti. Kementerian Sumber Manusia, telah dan sedang mempromosikan dasar untuk menetapkan gaji berasaskan produktiviti yang dikenali sebagai *Productivity Link Wage System* (PLWS) di mana gaji seseorang pekerja adalah berdasarkan kepada produktiviti kerjanya. Dasar ini bertujuan menjamin daya saing negara di samping menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup mereka.
- (iii) Majlis Penetapan Gaji (MPG) bagi tujuh sektor terpilih. Penubuhan MPG ini secara tidak langsung akan dapat membantu pekerja golongan bawahan meningkatkan taraf hidup mereka.

Pelaksanaan sistem ini melibatkan gaji yang merangkumi kombinasi pendapatan bulanan dan lain-lain bayaran yang lebih kerap. Kenaikan gaji tahunan, bonus tahunan dan lain-lain bonus yang tidak tetap. Sistem ini juga mengandungi gaji pokok, gaji yang mempunyai komponen tetap termasuk gaji pokok dan komponen tetap tambahan dalam bentuk bayaran boleh ubah. Tuan Yang di-Pertua, di antara tujuh sektor terpilih:

- (i) kerja hotel dan restoran;
- (ii) pekerja kedai seperti *supermarket*, *mall* dan lain-lain;
- (iii) pekerja di pawagam ataupun panggung wayang;
- (iv) pengendali, pemunggal kerja-kerja di pelabuhan, kargo, kapal, kontena dan sepeertinya;
- (v) pekerja-pekerja klinik swasta;
- (vi) pengawal-pengawal keselamatan sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan
- (vii) pekerja-pekerja am bagi pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kan ada baik Yang Berhormat beri peluang kepada sesiapa yang mungkin hendak kemukakan soalan tambahan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, saya beri peluanglah. Saya berhenti di situ. Tuan Yang di-Pertua, hanya empat buah negara ASEAN yang ada gaji minimum iaitu Indonesia, Filipina, Vietnam dan Kemboja. Tetapi semua negara itu tidak menetapkan secara menyeluruh di semua sektor dan jika dibandingkan upah gaji negara-negara berkenaan dengan upah gaji yang diterima oleh kita di Malaysia ini, jauh lebih rendah upah mereka daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari penjelasan yang dinyatakan jelas menunjukkan kadar upah di Malaysia adalah kadar upah yang berdaya saing di mana kadar upah dibayar berdasarkan produktiviti bekerja dan berdasarkan kajian-kajian yang terperinci yang dijalankan serta perjanjian bersama di antara majikan dan juga pekerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu apakah hubung kait di antara penghijrahan pekerja dengan kadar upah yang diterima dalam konteks negara ASEAN ini? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Dalam konteks negara ASEAN Tuan Yang di-Pertua, upah gaji itu berkaitan dengan keadaan gaji yang lebih baik. Migrasi pekerja-pekerja asing ke negara kita berdasarkan beberapa faktor. Pertama, telah saya sebutkan tadi iaitu gaji yang lebih baik. Yang kedua, kondisi ataupun situasi kerja yang lebih baik jika dibandingkan dengan negara mereka. Perlindungan hak mereka yang lebih baik yang dilindungi oleh akta dan juga undang-undang Malaysia. Suasana harmoni, keamanan dan kesejahteraan yang lebih baik di negara ini jika dibandingkan dengan negara mereka. Dan juga kita memberikan pengiktirafan kebolehan (*competency certificate*) kepada mereka di mana apabila mereka ini bekerja lazimnya lebih daripada lima tahun, kita berikan sijil-sijil kemahiran Malaysia yang boleh diguna pakai bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara mereka dan juga lain-lain negara. Sudah tentulah faktor yang terpenting iaitu kerana kestabilan politik, ekonomi dan Malaysia di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah rasional kerajaan tidak mahu menerima cadangan gaji minima yang dicadangkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja. Saya ingin tahu berapakah bilangan kilang-kilang yang tidak membenarkan pekerja mereka menyertai kesatuan sekerja. Apakah cadangan yang diberikan oleh pihak kerajaan supaya ada *re-cost* bagi pekerja-pekerja kilang tersebut. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Menyentuh tentang soalan ini, saya hendak jelaskan bahawa selain daripada apa yang telah saya sebutkan tadi kita juga mengkaji bidang-bidang lain untuk diberikan gaji minima. Boleh dikatakan gaji minima kita ini jauh lebih baik jika dibandingkan dengan upah gaji daripada negara yang telah menetapkan gaji minima. Terdapat empat negara iaitu Indonesia, Filipina, Vietnam dan Kemboja tetapi upah gaji mereka lebih murah dan tidak meliputi semua sektor. Berkaitan dengan soalan yang kedua iaitu mengenai dengan kesatuan-kesatuan yang tidak boleh menubuhkan kesatuan sekerja. Kita dapati boleh dikatakan semua kesatuan dibenarkan untuk menubuhkan kesatuan sekerja. Tetapi ada satu kesatuan yang kita tidak benarkan ditubuhkan kesatuan sekerja iaitu persatuan kilang-kilang elektronik di peringkat kebangsaan tetapi *in house* dibolehkan.

Begitu juga kesatuan elektronik di peringkat daerah, negeri dibenarkan tetapi kebangsaan tidak dibenarkan. Rasionalnya, kita tidak membenarkan ini kerana kita bimbang

syarikat-syarikat asing yang melabur dalam bidang elektronik ini takut kepada kesatuan sekerja ini maklumlah ada *picket*, mogok dan sebagainya. Ini sebenarnya adalah untuk memberikan jaminan bahawa kilang-kilang ini tidak berlaku mogok dan sebagainya. Walau bagaimanapun dasar ini akan kita kaji daripada masa ke semasa bagi membolehkan kilang-kilang bersifat elektronik ini dapat ditubuhkan kesatuannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Memang pernah saya nyatakan bahawa di sesetengah Parlimen, masa pertanyaan ialah masa untuk *go for blood*. Tapi di Malaysia ini kita gunakan masa pertanyaan untuk *probe for accountability*. Sebab itulah saya tidak mahu jawapan itu terlalu panjang hingga tidak berkesempatan langsung orang *probe for accountability*.

15. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan strategi kementerian memajukan sektor perladangan kopi serta adakah peruntukan yang dikhususkan untuk memasarkan kopi Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini keluasan tanaman kopi di Malaysia adalah dianggarkan seluas 8,556 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 32,131 tan metrik. Purata hasil masa kini masih rendah iaitu sekitar 3.76 tan metrik sehektar setahun. Kementerian melalui Jabatan Pertanian akan menumpukan usaha-usaha untuk memulihkan kawasan-kawasan kopi sedia ada bagi meningkatkan lagi hasil negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM200 ribu telah diperuntukkan untuk aktiviti pemulihan kawasan kopi.

*[Pembesar suara tidak berfungsi]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Azizah.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya tahu, apakah yang dianggap oleh pihak kementerian sebagai penghalang utama dalam memajukan komoditi ini secara besar-besaran?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu daripada di mana pihak-pihak pekebun kecil, *small holders* sebab kopi ini kebanyakannya *small holding*. Kenapa tidak begitu menarik? Satu, harga tidak begitu kompetitif sebab banyak alternatif lain seperti kebanyakan kebun-kebun kopi telah ditukarkan kepada kelapa sawit yang banyak berlaku di Banting, Selangor. Kedua, iaitu kos memetik yang begitu tinggi iaitu *very labor intensive* dengan izin sebab setiap biji kopi itu kena petik satu persatu sebab bukan *the whole bunch* dengan izin masak sekali. Jadi sebab itu, memandangkan yang demikian, jadi tidak begitu ramai pihak *small holders* atau pekebun yang berminat untuk menanam kopi seperti masa-masa dahulu. Terima kasih.

**[Soalan No. 16 – Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain tidak hadir]**

17. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan usaha-usaha yang diambil untuk memartabatkan institusi pengajian tinggi di Malaysia di persada antarabangsa dan melahirkan para graduan yang berkualiti. Seterusnya, kelahiran graduan yang berkualiti ini dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara kita.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sentiasa berusaha memastikan kursus pengajian negara yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi tempatan adalah berkualiti serta mampu mengeluarkan tenaga kerja yang bermutu dan menepati kehendak pasaran semasa. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian adalah seperti berikut; pelaksanaan pembelajaran yang berasaskan hasil yang menekankan pembangun holistik, *competency* pelajar dan menekankan orientasi kerjaya yang jelas dalam setiap program pengajian. Pelaksanaan sistem ini menuntut pembangunan potensi pelajar dalam sekurang-kurangnya lapan aspek iaitu pengetahuan, kemahiran praktikal, kebolehan intelektual seperti menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, komunikasi berkesan, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, nilai etika dan profesionalisme, tanggungjawab sosial, keusahawanan dan pengurusan maklumat. Pelaksanaan sistem ini akan diperkukuh dengan pelaksanaan kerangka kelayakan Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Langkah-langkah yang terbabit, antara lain termasuk pembangunan kurikulum pengajian yang relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Semakan dan penilaian semula kurikulum dan pengendaliannya juga dilakukan secara berterusan. Bursa sini melibatkan input dari pelbagai pihak berkepentingan iaitu masyarakat pihak industri, akademik, badan profesional dan sebagainya. Pelaksanaan ini adalah bagi memastikan kurikulum yang digubal adalah selari dengan keperluan industri. Selain daripada itu, usaha mengujud dan mempertingkatkan program latihan industri kepada pelajar melalui sokongan dengan industri.

Ia menjadi satu *platform* dengan izin atau wadah penting kepada pelajar untuk mempromosikan diri bagi mendapatkan pekerjaan di mana mereka ditempatkan selain daripada mendapatkan pengalaman dan pendedahan dalam alam kerjaya. Program ini juga akan memupuk jalinan kerjasama yang baik di antara IPT dengan pihak industri dari semasa ke semasa. Pelaksanaan kurikulum yang mendedahkan pelajar dengan bidang-bidang lain seperti penawaran *double major* dengan izin ataupun dwi pengkhususan subjek-subjek *minor* atau *elective* dan sebagainya. Ini adalah semata-mata untuk meluaskan lagi bidang yang boleh diceburi oleh siswazah kita sesudah mereka tamat pengajian kelak. Berikutnya menggalakkan pelajar supaya bergiat aktif dalam aktiviti dalam kokurikulum bagi meningkatkan penguasaan

elemen *soft skill* dengan izin ataupun kemahiran insaniah seperti daya kepimpinan, kemahiran komunikasi interpersonal dan sebagainya.

Nilai-nilai tambah ini akan memantapkan lagi keyakinan diri pelajar serta menjadikan mereka lebih mudah digaji dalam pasaran kelak. Kementerian berkeyakinan pelaksanaan langkah yang disebutkan tadi akan dapat memastikan pelajar kita dihasilkan. Pelajar kita bukan sahaja bermutu tinggi, tetapi juga berdaya saing dan memenuhi peluang pasaran semasa.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah sumbangan Institut Pengajian Tinggi Swasta di dalam proses mempertingkatkan martabat pengajian tinggi di negara dan di persada antarabangsa?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan beliau tentang peranan yang dimainkan oleh pihak IPTS dalam bidang yang dimaksudkan. Sesungguhnya semua kursus pengajian yang ditawarkan oleh IPTS kita juga ditapis dan dipantau secara rapi sebelum dan sesudah ia dimulakan.

Selain daripada itu, pihak kementerian tetap mengambil berat tentang pengendalian kursus-kursus ataupun program-program pengajian tawaran IPTS itu supaya pelajar-pelajar yang akan dihasilkan oleh IPTS itu juga berdaya saing dalam pasaran guna tenaga dan untuk makluman Yang Berhormat setakat ini, ramai pelajar-pelajar hasil IPTS kita sesungguhnya mereka telah pun menunjukkan kebolehan mereka bukan sahaja dalam bidang kerjaya tetapi juga dalam pengajian yang lebih tinggi tahapnya.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mengenal pasti peratusan graduan sama ada dari IPTA ataupun IPTS yang menganggur dan mengikut bidang kursus masing-masing.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, soal pengangguran di kalangan siswazah kita tetap merupakan satu-satunya yang kita sama-sama prihatin dan pihak kementerian sememangnya mengambil langkah yang menyeluruh untuk mengatasi masalah yang berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini, angka ataupun bilangan siswazah kita yang menganggur sedang dikemaskinikan secara bersepadu oleh pihak kementerian dengan kerjasama Jabatan Statistik Negara. Saya berharap kita semua bukan sahaja prihatin tentang soal sedemikian rupa, tetapi juga kita kena tahu secara mendalam tentang apa sebab-musababnya yang menyumbang kepada senario sedemikian.

Kadang-kadang orang hubung kaitkan secara mudah dengan keadaan ini dengan kualiti kursus pengajian yang ditawarkan oleh IPT kita. Sebenarnya ini bukan sesuatu yang menyeluruh. Saya bukan menafikan, tetapi ianya bukan satu sebab yang tunggal, sebaliknya ianya adalah berpunca dari pelbagai masalah. Umpamanya kekurangan penguasaan elemen kemahiran insaniah ataupun *soft skill* yang saya sebut tadi. Ini merupakan salah satu faktor, selain daripada itu kurikulum yang telah pun diterima pakai oleh setiap IPT itu juga perlu dikaji dan dinilai semula dari semasa ke semasa dan tidak semestinya mengikut jadual rangka masa

yang ditetapkan sebelum ini sebab kadang-kadang mungkin sesuatu jurusan itu memerlukan kajian semula dengan lebih kerap lagi. Umpamanya dalam bidang ICT, sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang". **[14 Disember 2006]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang adalah giliran Yang Berhormat menteri-menteri untuk menjawab ke atas perbahasan yang telah pun kita adakan sepanjang empat hari minggu lepas. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mula menjawab.

**11.37 pagi**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar Bajet 2007 dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan teguran saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah menyentuh isu-isu rasuah dengan panjang lebar. Berhubung gesaan Yang Berhormat, supaya hukuman lebih berat dikenakan ke atas pesalah rasuah sebenarnya kerajaan sememangnya memandang serius kesalahan-kesalahan rasuah. Sehubungan itu, tindakan yang telah diambil dan mengujud Akta Pencegah Rasuah 1997, bagi menggantikan Akta Pencegah Rasuah tahun 1961.

Antara perkara yang ditekankan dalam akta ini ialah peruntukan hukuman yang lebih berat ke atas kesalahan memberi dan menerima rasuah termasuklah mengenakan hukuman

penjara mandatori selama tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10 ribu mengikut mana yang lebih tinggi.

Akta Pencegah Rasuah 1997 telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 dan mempunyai peruntukan-peruntukan Pelucuthakkan Harta yang diperoleh secara rasuah. Peruntukan ini disebut di bawah Seksyen 36 iaitu Pelucuthakkan Harta apabila pendakwaan dibuat pada suatu kesalahan dan Seksyen 37 Pelucuthakkan Harta jika tidak ada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan.

Berhubung gesaan Yang Berhormat supaya diadakan siasatan ke atas Majlis Perbandaran Batu Pahat, tindakan siasatan akan diambil jika didapati ada kesalahan dilakukan di bawah Akta Pencegah rasuah 1997. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan Ahli Yang Berhormat dapat tampil memberi maklumat yang lebih terperinci agar Badan Pencegah Rasuah dapat menentukan sama ada kes tersebut melibatkan kesalahan rasuah atau sebaliknya.

Berhubung cadangan Yang Berhormat supaya diperkukuhkan BPR, sebenarnya BPR sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai-pegawainya dalam bidang-bidang teknikal yang khusus dan terkini seperti Forensik Perakaunan, Forensik Kejuruteraan dan Forensik Komputer untuk memudahkan mereka menjalankan siasatan dan mengesan kesalahan serta menghasilkan kertas siasatan yang berkualiti.

Kursus-kursus diadakan dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia secara berkala bagi meningkatkan pengetahuan dan keupayaan pegawai-pegawai BPR untuk berhadapan dengan kes-kes yang memerlukan kepakaran dalam bidang berkenaan. Kursus-kursus di peringkat lanjutan turut diadakan untuk memantapkan pengetahuan pegawai-pegawai dengan kemahiran, kaedah dan pendekatan yang terkini. Di samping itu pegawai-pegawai turut dihantar ke institusi-institusi latihan luar negara seperti INTERPOL, *Scotland Yard*, *Crown Hagen* dan di FBI di Amerika Syarikat untuk mendapatkan kepakaran dan kemahiran.

Berhubung Kempen Anti Rasuah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, ingin dimaklumkan bahawa BPR sentiasa berusaha mendapatkan kerjasama pihak media untuk mendapatkan publisiti meluas bukan sahaja semasa Hari Anti Rasuah malahan dalam segala program pencegahan yang dilaksanakan. BPR akan meningkatkan lagi usaha untuk mendapatkan publisiti yang lebih meluas, bukan sahaja Kempen Anti Rasuah tetapi juga dalam pelbagai kempen, program dan aktiviti yang dijalankan bagi menyedarkan masyarakat tentang gejala buruk akibat perbuatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gesaan Yang Berhormat agar para hakim mengutamakan kes-kes rasuah dan diwujudkan Mahkamah Rasuah yang bebas supaya kes-kes rasuah dapat diselesaikan segera. Sebenarnya kes-kes rasuah memang merupakan kes berkepentingan awam. Justeru Ketua Hakim Negara telah pun memberi arahan agar kes

sedemikian diberikan keutamaan. Walau bagaimanapun arahan untuk mempercepatkan pelupusan kes ini akan terbantut dan mewujudkan Mahkamah Rasuah tidak akan dapat mengelakkan kes-kes menjadi tertunggak sekiranya pihak pendakwa masih tidak boleh menjalankan kes kerana saksi tidak hadir atau tidak dapat dikesan atau bilangan pegawai tidak mencukupi ataupun pihak pendakwa atau peguam terikat dengan kes-kes lain yang lebih serius di mahkamah-mahkamah lain.

Pada dasarnya, pihak kerajaan bersedia untuk mewujudkan Mahkamah Rasuah namun ianya memakan masa kerana melibatkan pertambahan hakim, kakitangan, pegawai pendakwa raya dan lain-lain infrastruktur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baik ketika mengendalikan kes-kes rasuah atau apa-apa kes sekalipun, integriti Badan Kehakiman Malaysia tidak wajar dipersoalkan kerana ia adalah badan yang sememangnya bebas dari sebarang pengaruh atau dari dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Yang Berhormat juga melahirkan rasa kecewa atas laporan dan siasatan oleh BPR yang dikemukakan kepada Peguam Negara tiada siasatan dan pendakwaan dilakukan sehingga mengakibatkan banyak kes tertangguh. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2006 sahaja sebanyak 320 kertas siasatan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Dari jumlah tersebut sebanyak 312 kertas siasatan dikembalikan kepada pihak BPR sama ada untuk tindakan pertuduhan, siasatan lanjut ataupun untuk ditutup. Arahan siasatan ditutup dibuat kerana tiada keterangan *prima facie* dapat dibuktikan.

Setakat ini hanya 8 kertas siasatan masih berada di Jabatan Peguam Negara dan jumlah ini merupakan satu jumlah yang kecil berbanding jumlah ke atas siasatan yang dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada tahun ini. Kertas siasatan yang masih ada di Jabatan Peguam Negara membabitkan kertas siasatan yang baru diterima dan ada di antaranya melibatkan isu-isu kompleks dan memerlukan penelitian yang terperinci. Bagi tahun 2006, setakat ini seramai 521 orang telah dituduh di mahkamah berhubung kesalahan rasuah.

Yang Berhormat juga mencadangkan agar ditubuhkan satu badan *ombudsmen* yang diletakkan di bawah Parlimen untuk membantu BPR menangani gejala rasuah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa penubuhan sebuah institusi *ombudsmen* sepenuhnya seperti yang terdapat di negara-negara tertentu tidak sesuai dilaksanakan di negara ini pada masa sekarang. Walau bagaimanapun terdapat konsep-konsep lain berasaskan *ombudsmen* yang boleh dikaji dan dipertimbangkan untuk disesuaikan dengan sistem pentadbiran negara ini bagi diguna pakai oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) menjadikannya sebuah organisasi pengurusan aduan awam yang lebih berkesan.

Walaupun bagaimanapun peranan dan tanggungjawab BPA masih dikekalkan seperti mana sedia ada iaitu memberi tumpuan kepada masalah berkaitan pentadbiran yang boleh menjejaskan sistem penyampaian kerajaan. Oleh itu ia tidak akan mencampuri tugas dan

tanggungjawab BPR yang ditubuhkan oleh kerajaan, khas untuk mengendalikan kes-kes rasuah kerana perbezaan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Mareemuthu menggesa supaya BPA diperkasakan bagi memastikan pengendalian pengaduan awam mengenai agensi kerajaan diuruskan dengan lebih berkesan. BPA sememangnya sedar mengenai peranan dan tanggungjawab yang boleh dimainkannya bagi membantu meningkatkan sistem penyampaian kerajaan. Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk memastikan setiap aduan yang diterima dapat diurus dan diselesaikan dengan berkesan.

Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (i) meningkat kecekapan dan cara bekerja pegawai dan kakitangan di semua peringkat termasuk mengkaji semula proses kerja dan piagam perlembagaan jabatan;
- (ii) memperkukuhkan organisasi dengan pembukaan 5 pejabat BPA yang baru iaitu di Perak, Melaka, Pahang, Sabah dan Sarawak. Bagi membolehkan perkhidmatan lebih meluas dapat diberikan kepada orang ramai, pada masa ini BPA hanya mempunyai 4 pejabat negeri iaitu di Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan Kuala Lumpur;
- (iii) memperkukuhkan keanggotaan daripada seramai 85 orang kepada 186 orang; dan
- (iv) mengkaji langkah-langkah untuk memberi kuasa dari segi perundangan kepada BPA bagi membolehkan tindakan penyelesaian aduan yang diterima dapat diselesaikan dengan segera.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin penjelasan sedikit, apakah sudah ada peruntukan yang membenarkan pesalah rasuah ini harta mereka dirampas, satu.

Yang kedua, apakah tidak ada cadangan bahawa dalam kes-kes rasuah yang disiasat oleh BPR, BPR boleh mendakwa sebenarnya. Jangan hanya setakat kita hantar kepada peguam untuk mengambil tindakan.

Satu lagi, Yang Berhormat Dato', iaitu mengenai dengan aduan rasuah menggunakan surat layang ini, kadang-kadang ia boleh dijadikan sebagai salah guna sebenarnya. Banyak orang yang disiasat kerana surat layang. Apakah orang yang disiasat itu setelah selesai penyiasatan, dia tidak boleh mendapatkan maklumat siapa sebenarnya yang menghantar surat layang tersebut? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya telah jawab iaitu memang kita boleh melucutkan hak iaitu di bawah seksyen 37 dan 38, Akta BPR 1997.

Yang kedua dari segi prinsip undang-undang kita, kita tidak membenarkan orang yang menyiasat untuk mendakwa kerana yang menyiasat satu pihak, yang mendakwa satu pihak dan yang membicarakan satu pihak. Jadi sebab itu kita kena pisahkan kuasa ini untuk mengelak daripada *conflict of interest* kerana sudah tentu kalau yang menyiasat itu dia juga mendakwa, maka sudah tentu ada *conflict of interest* di situ kerana dia terlibat daripada awal lagi. Untuk menampakkan iaitu bahawa kita adil, maka kita tidak membenarkan yang menyiasat itu untuk mendakwa. Ini merupakan satu amalan yang dilakukan oleh hampir semua negara di dunia ini.

Yang ketiga, surat layang ini, macam mana kita hendak beritahu kepada orang yang didakwa tentang siapa yang menulis surat layang itu kerana surat layang itu merupakan satu surat yang tidak ditandatangani dan kita tidak tahu siapa *authomya*. Jadi sebab itu dan juga dalam penyiasatan kita di bawah Akta BPR, kita tidak membenarkan untuk menzahirkan maklumat kepada umum untuk membolehkan kita menyiasat dengan bebas. Jadi itulah sebabnya mengapa kita tidak boleh memberitahu kepada pihak yang disiasat tentang isi kandungan surat layang yang dihantar kepada pihak BPR.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain menyentuh mengenai perbincangan isu sensitif agama secara terbuka yang bertentangan dengan Kontrak Sosial dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan mengandungi artikel-artikel yang bertujuan memelihara perpaduan nasional dan mengelak masyarakat daripada perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman awam seperti hasutan, mengapi-apikan sentimen negatif, ajaran sesat dan sebagainya.

Dengan itu, pihak-pihak yang menimbulkan kekacauan sama ada mengenai perkara sensitif atau bukan sensitif akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang berkenaan. Dalam hal ini kerajaan akan bertindak tegas ke atas mana-mana pihak yang mengambil kesempatan mempergunakan isu-isu agama yang boleh menimbulkan ketegangan dan mengganggu ketenteraman awam.

Bagi isu-isu yang benar-benar sensitif dan tinggi risikonya kerajaan bersetuju bahawa perbincangan tidak seharusnya dijalankan secara terbuka kerana ia boleh menyebabkan pelbagai salah faham dan mengganggu keharmonian negara.

Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang ingin mengetahui langkah-langkah keselamatan dan perundangan yang diambil oleh kerajaan terhadap individu yang menyentuh isu-isu sensitif dan berbau perkauman. Beliau turut menyatakan bahawa langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memelihara perpaduan negara kita. Sebenarnya kerajaan sentiasa memantau perkara-perkara yang berkaitan isu-isu sensitif dan berbau perkauman yang boleh menimbulkan keresahan di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah beberapa kali memberi amaran kepada semua pihak supaya tidak berdebat tentang isu-isu sensitif yang mengganggu keamanan negara. Oleh itu kerajaan akan mengambil tindakan melalui pelbagai peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1971 terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang sengaja melakukan sebarang tindakan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil dan mengatur langkah bukan sahaja untuk memelihara tetapi memperkukuhkan perpaduan di negara ini. Misalnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan profil penduduk di dalam sesuatu kawasan akan dibangunkan untuk memastikan pendekatan yang lebih sistematik dapat dilakukan bagi merancang kegiatan dan inisiatif untuk membangunkan masyarakat dan untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara kaum. Selain itu usaha-usaha menyeluruh akan diambil melalui pendidikan di sekolah dan di institusi pendidikan tinggi serta melalui pelbagai program lain seperti rukun tetangga.

Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mencadangkan agar diadakan mekanisme untuk membolehkan rakyat membuat aduan secara sulit bagi membolehkan pemantauan dibuat terhadap pemberian kontrak dan seterusnya dapat mengelakkan kebocoran dan ketirisan dalam pemberian kontrak. BPA berperanan menguruskan aduan awam berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 4 1992 dan mekanisme yang digunakan ialah menerima, menyasiat dan melaporkan kepada Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam.

Semua aduan yang diterima adalah bersifat sulit kecuali aduan yang memerlukan maklumat peribadi seperti kes pencen, PERKESO, KWSP dan lain-lain. Oleh itu adalah jelas bahawa mekanisme BPA sendiri telah pun mengutamakan kepentingan dan kerahsiaan pengadu dan tidak wujud sebarang kebocoran rahsia berkaitan maklumat peribadi pengadu kecuali atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan di atas.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi mencadangkan agar dikaji semula beberapa peruntukkan dalam Akta Undang-undang Sivil 1996 supaya ia menggambarkan perkembangan semasa dan agar orang ramai tidak menyalahkan peguam atas keputusan Mahkamah berkenaan kes-kes kemalangan. Pada masa sekarang subseksyen 73(b) Akta Undang-undang Sivil 1956 hanya membenarkan ganti rugi kesedihan atau dengan izin *brief man*. Minta maaf. *Brief man* diberikan kepada dua kategori sahaja iaitu suami atau isteri orang yang meninggal dan ibu bapa seorang kanak-kanak 18 tahun ke bawah yang belum berkahwin. Yang 18 tahun itu bukan ibu bapa, kanak-kanak. Buat masa ini belum ada cadangan untuk menambah kategori orang yang boleh menerima ganti rugi kesedihan.

Tuntutan untuk kehilangan penyaraan dan kehilangan pendapatan kini masing-masing diperuntukkan di bawah seksyen 7 dan seksyen 28A Akta Undang-undang Sivil 1956. Umur bagi perkiraan kehilangan penyaraan dan pendapatan dihadkan pada umur 55 tahun iaitu umur persaraan bagi orang yang bekerja. Umur persaraan 65 tahun adalah amat terhad di Malaysia dan tidak mencerminkan sektor keseluruhannya.

Pindaan kepada Akta Undang-undang Sivil 1996 agar orang ramai tidak menyalahkan peguam atas keputusan mahkamah berkenaan kes-kes kemalangan adalah tidak membangkit memandangkan Akta tersebut telah memberi garis panduan secukupnya bagi mahkamah menentukan ganti rugi yang perlu dibayar.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg Ahmad Raffae mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang sistematik dan tegas bagi menangani masalah pendatang tanpa izin yang banyak menimbulkan masalah sosial dan jenayah di Sabah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dasar kerajaan mengenai PATI adalah jelas iaitu mereka akan ditangkap, dihukum mengikut undang-undang sedia ada dan dihantar pulang. Untuk memastikan dasar ini dapat dilaksanakan beberapa langkah telah disusun dan akan terus dilaksanakan antaranya memperketat undang-undang yang berkaitan contohnya:

- (i) hukuman sebat dan penjara;
- (ii) memperketatkan kawalan di sempadan dan pintu-pintu masuk ke negara ini;
- (iii) mempertingkatkan usaha-usaha menangkap PATI melalui operasi-operasi yang dilaksanakan oleh badan-badan penguat kuasa seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan iaitu Sabah dan Labuan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Ikatan Relawan Rakyat (RELA); dan
- (iv) mengadakan lebih banyak seminar, ceramah dan perbincangan bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam membendung PATI. Memandangkan masalah kehadiran PATI merupakan masalah yang serius dan sentiasa berulang, kerajaan akan terus melaksanakan tindakan membanteras kehadiran PATI tanpa meletakkan sebarang had masa.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae juga mempersoalkan tentang percanggahan kenyataan antara Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, saya jawab ini bagi Perdana Menteri. Jadi saya tidak boleh tipu dalam Dewan ini. Jadi kalau saya selaku Menteri Persekutuan, maka saya semesti harus ada keyakinan bahawa jumlah yang disebut oleh Jabatan Persekutuan itu adalah yang dipakai oleh saya. Saya tidak boleh pakai apa yang telah disebut oleh Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah.

Saya bukan datang ke sini untuk menyentuh perasaan sesiapa, tetapi saya jawab secara profesional, seorang Menteri dan saya hendak beritahu bahawa saya berdasarkan kepada jumlah yang ditentukan oleh jabatan-jabatan Persekutuan. Apatah lagi kalau saya tidak tahu apa

kaedah yang digunakan oleh Jabatan Jawatankuasa Negeri Sabah tetapi saya pasti tahu bahawa angka yang diperoleh di peringkat Persekutuan ialah:

- (i) melalui Imigresen;
- (ii) Polis yang mengawal sempadan; dan
- (iii) juga Pihak Petugas Khas - yang dibentuk khas untuk mengendali masalah PATI di Sabah.

Oleh kerana itu saya kena gunalah jumlah yang ditentukan oleh jabatan Persekutuan dan tidak menggunakan apa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Negeri Sabah. Tetapi saya percaya rakyat Sabah sudah tidak merasa dukacita, tersinggung dengan kenyataan saya.

Sebenarnya tidak terdapat percanggahan mengenai jumlah PATI Sabah kerana kita kena fikir fakta-fakta yang perlu kita fahami:

- (i) jumlah sebenar PATI di Sabah adalah sama dengan jumlah nombor terapung. Ia banyak orang bagi jumlah, tetapi kita yang buat perkiraan;
- (ii) kedatangan PATI ini adalah secara haram dan ia tidak direkodkan. Jadi tidak boleh siapa yang mengatakan bahawa mereka adalah tepat daripada angka yang lain. Jadi ini merupakan kedatangan secara haram;
- (iii) Jumlah PATI sentiasa berubah-ubah, sebab ada yang keluar dan ada yang masuk secara haram. Ada sesetengah itu sudah keluar dan kerana mereka masuk secara haram dia keluar pun kita tak tahu;
- (iv) Banci yang dibuat tidak dapat merekodkan status semua PATI kerana apabila PATI yang mengelak untuk dibanci disebabkan takut di tangkap;
- (v) PATI keluar masuk di pintu masuk haram, kemasukan pergerakan mereka ini tidak dapat direkodkan;
- (vi) PATI dari Filipina dan dari Indonesia adalah dari rumpun yang sama. Kalau di sebelah Timur Sabah, saya pernah pergi sana dan saya melawat semua pulau. Jadi dia punya orang itu sama sahaja cuma mereka sahaja tahu. Kita tidak tahu perbezaannya, kerana mereka merupakan satu rumpun yang sama dengan sebahagian besar penduduk Sabah di sebelah Sabah Timur;
- (vii) Terdapat banyak pulau-pulau kecil di kawasan antara perairan Filipina dan Sabah dan ada di antara pulau-pulau terdekat di pantai Timur Sabah di antara kedua-dua negara ini. Perjalanannya kurang dari 30 minit dengan bot laju. Ramai di kalangan PATI yang datang dari satu pulau ke satu pulau yang bertaburan di perairan kedua-dua negara ini. Justeru kedudukan geografi, tempat-tempat di sepanjang pantai Sabah

memudahkan dijadikan sebagai pintu masuk haram PATI ke negara ini;  
dan

- (viii) menangkap dan memproses PATI untuk diusir ke negara asal secara terus menerus, yang dilakukan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan, Imigresen, PDRM dan agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan adalah lebih utama daripada mempersoalkan angka terapung mengenai jumlah PATI ini.

Yang Berhormat Tuan Majjol bin Mahap mencadangkan agar kerajaan membuat perancangan untuk memastikan PATI tidak menjadi PADI, iaitu pendatang asing dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bilangan penduduk dan bilangan warganegara adalah berlainan. Bilangan penduduk termasuk mereka yang tinggal sementara, buruh asing berdokumen dan mereka yang tinggal tetap PR tetapi bukan warganegara.

Manakala warganegara adalah mereka yang menjadi rakyat berstatus warganegara yang mendapat hak penuh di negara ini. PATI atau pendatang tanpa izin atau pendatang haram, adalah rakyat negara asing yang datang tanpa izin atau secara haram ke negeri Sabah. Penduduk tanpa izin pula ialah mereka yang datang secara sah tetapi dokumen mereka telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui. Mereka tertarik datang ke Sabah atas faktor ekonomi, bidang perladangan kelapa sawit dan pembangunan ekonomi lain-lain sektor berkembang pesat di Sabah dan memerlukan tenaga kerja yang ramai.

Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai agensi yang mencukupi untuk menangani masalah PATI. Operasi yang sentiasa dijalankan secara berterusan telah dapat mengawal masalah PATI. Kerjasama semua pihak adalah diperlukan untuk membanteras masalah PATI di negeri Sabah.

Yang Berhormat Tuan Majjol bin Mahap juga telah mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan perkampungan pelarian di Sabah tidak dijadikan sebagai sarang pengganas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelarian Islam Filipina dibenarkan secara sah tinggal dan bekerja di Sabah dan Labuan. Terdapat enam penempatan yang diwartakan untuk pelarian di Sabah dan Labuan iaitu di Kinarut, Papar; Telipuk, Kota Kinabalu; Kampung Bahagia, Sandakan; Kampung Hidayat, Tawau; Kampung Selamat, Semporna; dan Kampung Muslim, Labuan.

Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas termasuk menangkap, membicara di mahkamah, dan menghantar pulang pelarian ke negara asal sekiranya terlibat dengan jenayah dan mengancam keselamatan serta ketenteraman rakyat di negara ini.

Yang Berhormat Tuan Majjol bin Mahap ingin mengetahui langkah-langkah yang telah diambil oleh agensi penguatkuasaan Maritim Malaysia iaitu APMM dalam mengatasi masalah pencerobohan perairan negara oleh PATI. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, APMM telah melaksanakan operasi, Ops Sejahtera, di perairan Sabah sejak 1 Jun 2006, khusus untuk

menguatkuasakan undang-undang maritim seperti pencerobohan nelayan asing dan penyeludupan. Kapal-kapal APMM sentiasa beroperasi setiap masa di perairan Sabah bagi mengawal kemasukan PATI ke negara ini. Kita telah berjaya pada suatu, dengan izin, *location*, untuk menahan satu kapal yang membawa pendatang daripada Filipina dan itu telah kita hantar ke pihak Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, sama ada kekosongan jawatan terutamanya di jabatan dan agensi di peringkat akar umbi merupakan salah satu faktor sistem penyampaian kerajaan terjejas. Sebenarnya kekosongan jawatan adalah fenomena berterusan. Berikutan pertambahan jawatan disebabkan penstrukturan semula organisasi, kenaikan pangkat, persaraan, dan peletakan jawatan pegawai awam. Sesungguhnya kekosongan jawatan tidak menjejaskan sistem penyampaian kerajaan. Ini kerana langkah-langkah penyelesaian sentiasa diambil bagi memastikan kesinambungan tugas jawatan-jawatan berkenaan melalui pengisian secara kontrak, pinjaman dan lantikan sementara.

Pelaksanaan tugas-tugas jawatan yang kosong juga diuruskan secara penanggungjawaban kerja. JPA sentiasa prihatin dengan pengisian kekosongan di jabatan, agensi di peringkat akar umbi atau mempunyai hubungan terus dengan rakyat supaya sistem penyampaian kerajaan tidak terjejas. JPA juga sentiasa mengkaji semula proses dan prosedur kerja serta penggunaan teknologi supaya sistem penyampaian kerajaan dapat dipercepatkan.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad memohon supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam memikirkan cara bagi memastikan 200,000 kekosongan pelbagai jawatan di sektor awam dapat di isi dalam tempoh 3 bulan. Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilan anggota untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam dijalankan secara berterusan mengikut keperluan semasa dan kekosongan jawatan. Jabatan Perkhidmatan Awam bersama SPA sentiasa memberi perhatian kepada pengisian jawatan kosong berdasarkan maklumat daripada kementerian dan jabatan kerajaan. Suruhanjaya perkhidmatan di peringkat Persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa melantik badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan adalah bertanggungjawab menguruskan pengambilan baru berdasarkan kekosongan jawatan.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mencadangkan agar pelan integriti nasional dilaksanakan dalam semua jabatan kerajaan supaya objektifnya dapat dicapai dan bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan yang lebih lancar dan telus. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah melancar Pelan Integriti Nasional pada 23 April 2004 bagi dilaksanakan oleh semua jabatan kerajaan. Terdapat lima sasaran yang ditetapkan dalam pelaksanaan, PIN yang dikenali sebagai Tekad 2008 iaitu:

- (i) mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan;

- (ii) meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian kerajaan, mengatasi kerenah birokrasi dan penyelewengan;
- (iii) meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- (iv) memantapkan institusi keluarga; dan
- (v) meningkat kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Bagi mencapai Tekad 2008 di atas, semua jabatan kerajaan telah merangka, merancang dan menggubal aktiviti dan program yang spesifik di jabatan masing-masing. Di samping itu, institut integriti Malaysia telah melaksanakan beberapa program bagi menjayakan PIN. Antaranya:

- (i) sambutan Hari Integriti Nasional setiap tahun;
- (ii) menganjur seminar integriti bersama Institut Tadbir Awam Negara; dan
- (iii) seminar PIN untuk kongres kesatuan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai sebuah agensi peneraju sentiasa menjalankan pemantauan pelaksanaan (PIN) bagi mencapai matlamat Tekad 2008.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung gesaan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, agar kerajaan melakukan kajian semula amaun pemberian pencen kepada pesara kerajaan. Ini kerana golongan ini amat terjejas dengan kenaikan kos hidup yang semakin mendadak. Sebenarnya skim pencen dan sektor awam ialah suatu skim pencen berasaskan pekerjaan. Di bawah skim pencen tersebut kadar pencen bulanan yang diberi kepada seorang pesara adalah bergantung kepada gaji terakhir seseorang anggota sebelum bersara dan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira untuk tujuan persaraan.

Oleh itu kenaikan kos sara hidup tidak digunakan sebagai landasan bagi menetapkan kadar pencen untuk pesara perkhidmatan awam kerana ia berbeza mengikut wilayah. Prinsip penentuan kadar pencen ini mengambil kira kelayakan taraf jawatan, prestasi serta kemajuan kerjaya seseorang anggota perkhidmatan awam. Kadar pencen minimum yang mengabaikan unsur-unsur perkhidmatan tersebut akan menggugat prinsip ini dan menimbulkan ketidakpuasan hati anggota perkhidmatan awam dan pesara. Dengan adanya prinsip ini seseorang anggota perkhidmatan awam boleh memastikan supaya beliau akan menerima pencen yang lumayan pada hari tua dengan cara merancang kemajuan kerjayanya dan berusaha berkhidmat secara produktif dan berprestasi tinggi sehingga mencapai umur persaraan wajib. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk membuat kajian semula pencen mengikut kos sara hidup.

Berhubung pesara, kerajaan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan ubatan mahal di klinik, hospital swasta yang tidak didapati di hospital-hospital kerajaan. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu. Sebenarnya pesara kerajaan dibenarkan membuat pemilihan sendiri berasaskan preskripsi pegawai perubatan kerajaan dan seterusnya membuat

tuntutan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Sekiranya pesara Persekutuan, pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa berkanun atau pihak berkuasa tempatan yang merupakan yang merupakan jabatan terakhir pesara berkenaan.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi supaya bantuan sara hidup (COLA). Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minum sedikit.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Berhubung cadangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi supaya bantuan sara hidup ataupun COLA dikaji semula bagi memastikan ia bersesuaian dengan keadaan semasa. Sebenarnya kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan anggota perkhidmatan awam, terutamanya berkaitan dengan kesan kenaikan kos sara hidup. Sehubungan ini, kerajaan telah memberi bantuan sara hidup kepada anggota perkhidmatan awam, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006 dengan kadar seperti berikut:

- (i) kadar A meliputi 13 buah bandar yang mencatatkan kos sara hidup amat tinggi sebanyak RM150 sebulan;
- (ii) kadar B meliputi 26 buah bandar yang mencatatkan kos sara hidup tinggi sebanyak RM100 sebulan; dan
- (iii) bagi mereka yang tidak layak menerima bayaran melalui kadar-kadar A dan B di atas dibayar sebanyak RM50 sebulan.

Dalam bajet 2007, kerajaan juga telah bersetuju memberi sebanyak 50% daripada kadar bantuan sara hidup kepada anggota yang menduduki *quarters*. Melalui bajet 2007 juga kerajaan telah bersetuju menaikkan kadar imbuhan tetap khidmat awam bagi kumpulan sokongan sebanyak RM30 hingga RM50 mengikut gred-gred tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gesaan pihak QUEPACS untuk menaikkan gaji anggota perkhidmatan awam terutama nya kumpulan sokongan yang berpendapatan rendah sentiasa diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam mempertimbangkan kenaikan gaji anggota perkhidmatan awam, terdapat beberapa faktor penting yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan seperti asas pertimbangan, antara faktor-faktor tersebut ialah seperti berikut:

- (i) penilaian prestasi dan produktiviti perkhidmatan awam;
- (ii) selari atau tidak dengan prinsip saraan sedia ada iaitu *rate for the job* dengan izin, serta prinsip relatif dan *parity* di antara perkhidmatan-perkhidmatan; dan
- (iii) kemampuan kerajaan.

Perlu diingatkan bahawa kerajaan telah pun melaksanakan perubahan gaji seperti berikut:

- (i) pada tahun 2000, pelarasan sebanyak 10% melalui Pekeliling Perkhidmatan bilangan 8/2000; kemudian
- (ii) pada tahun 2001, pelarasan sebanyak 10% melalui Pekeliling Perkhidmatan bilangan 12/2001; dan
- (iii) pada tahun 2002, pelarasan melalui Sistem Pelaksanaan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan bilangan 4/2001 yang melibatkan pelarasan gaji anggota Kumpulan Pengurusan Tertinggi sebanyak RM110, sebanyak RM65 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan sebanyak RM15 bagi Kumpulan Sokongan dan tambahan satu mata gaji kepada metrik gaji maksimum melibatkan anggota daripada gred 1 hingga Jawatan Utama Sektor Awam.

Selain daripada tindakan di atas, langkah-langkah untuk mengurangkan bebanan berikutan peningkatan kos sara hidup juga telah dilaksanakan seperti berikut:

- (i) menaikkan kadar imbuhan tetap khidmat awam bagi kumpulan sokongan sebanyak RM30 hingga RM50;
- (ii) pemberian elaun bantuan sara hidup dengan kadar antara RM50 hingga RM150; dan
- (iii) pemberian imbuhan tahunan bonus kepada semua anggota perkhidmatan awam iaitu anggota yang bergaji sehingga RM750 sebulan sebanyak dua bulan gaji dan anggota yang bergaji melebihi RM750 sebanyak satu bulan gaji atau minimum RM1,500.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat Tuan Gooi Hoe Hin agar satu kajian semula secara menyeluruh perkhidmatan awam ikhtisas dan profesional, sebenarnya ini telah pun dibuat sempena pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia. Pada masa itu keseluruhan perkhidmatan awam telah diperkukuhkan melalui pembentukan klasifikasi perkhidmatan dan penyusunan semula kumpulan gaji A, B, C D kepada tiga peringkat kumpulan perkhidmatan iaitu Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang terdiri daripada Jawatan-jawatan Utama dan Jawatan-jawatan Khas, Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk kelayakan Ijazah atau setaraf yang terdiri daripada gred 41 hingga gred 54 dan kumpulan sokongan berkelayakan Diploma/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau setaraf yang terdiri daripada gred 27 hingga gred 40. Kumpulan sokongan berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf yang terdiri daripada gred 17 hingga gred 26, kumpulan sokongan berkelayakan Penilaian Menengah Rendah ke bawah atau yang setaraf yang terdiri daripada gred 1 hingga gred 16 sehingga kini sebanyak 38 kajian semula skim perkhidmatan telah dibuat ke atas skim perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Mareemuthu menggesa semua agensi kerajaan supaya mematuhi PKPA Bil. 4 Tahun 1992 iaitu Piagam Pelanggan mengenai pengaduan awam perlu disediakan bagi memastikan peningkatan sistem penyampaian agensi-agensi kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Piagam Pelanggan dalam perkhidmatan awam telah diperkenalkan dalam tahun 1993 melalui PKPA Bil. 3 Tahun 1993. Piagam Pelanggan ialah satu komitmen bertulis jabatan dan agensi kerajaan berhubung perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Ia juga merupakan satu jaminan jabatan atau agensi kerajaan tersebut untuk menyampaikan sesuatu perkhidmatan mengikut standard kualiti yang ditetapkan.

Piagam Pelanggan memberikan fokus kepada kehendak pelanggan secara tersendirinya akan memberikan perhatian kepada aduan awam memandangkan aduan atau maklum balas dari pelanggan merupakan input yang penting kepada jabatan dan agensi kerajaan untuk mengambil tindakan penambahbaikan berterusan kepada sistem penyampaian kerajaan.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Piagam Pelanggan, semua jabatan dan agensi kerajaan juga dikehendaki menyediakan saluran untuk mendapatkan maklum balas daripada pelanggan masing-masing mengenai tahap pematuhan jabatan dan agensi berkenaan berhubung standard perkhidmatan yang dijanjikan. Ini bertujuan untuk membolehkan jabatan dan agensi kerajaan membuat perancangan dan mengambil tindakan penambahbaikan yang berterusan bagi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie supaya suatu sistem pelaksanaan yang menyeluruh bagi pemberian biasiswa kepada pelajar yang cemerlang diadakan bagi memastikan proses pemilihan calon adalah telus dan saksama, sebenarnya kerajaan telah pun memutuskan iaitu para pelajar cemerlang yang mencapai 10 gred A1 dari keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran.

Ini telah dinyatakan di dalam ucapan bajet 2007 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Ini yang tadi pengajian tinggi kata dia tidak secara automatik dia hanya keadaan orang yang dapat 10 Gred A1 daripada keluarga yang kurang berpendapatan RM1,500 sebulan.

Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Mareemuthu menggesa agar kerajaan beri peluang dan hak yang sama rata dan pemberian biasiswa dan tajaan pelajaran bagi pelajar India yang cemerlang di peringkat SPM. Dalam pemberian biasiswa dan tajaan pelajaran, pelajar-pelajar yang layak adalah diberi peluang yang sama dengan proses pertimbangan mengikut kriteria yang ditetapkan.

Kriteria pemilihan bertujuan memastikan hanya pelajar yang benar-benar cemerlang dan memiliki aspek *all round personality* dengan izin sahaja diberi penajaan. Pelajar dinilai dari segi kecemerlangan akademik, penglibatan aktif dalam kegiatan ko-kurikulum, latar belakang sosio-ekonomi keluarga dan prestasi temu duga.

Selain dari itu pelajar juga bersaing bagi mendapat tempat dalam bidang-bidang yang diminati ramai contohnya perubatan, pergigian dan farmasi. Mengambil kira peruntukan sedia ada berbanding jumlah pelajar cemerlang yang ada, pemilihan pelajar-pelajar dibuat adalah berdasarkan merit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Heng Sei Kie mencadangkan supaya faedah kesihatan Ahli Dewan Negara dipanjangkan kepada ibu bapa mengikut perenggan 19(d) Kertas Statut 235 tahun 1983 iaitu elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan Ahli Parlimen yang diguna pakai oleh Ahli-ahli Parlimen, kemudahan perubatan bagi Ahli Parlimen hanya dipanjangkan kepada isteri atau suami dan anak-anak berumur di bawah 21 tahun dan anak-anak yang daif disebabkan kecacatan otak atau jasmani. Kemudahan tersebut tidak dipanjangkan kepada ibu bapa Ahli-ahli Parlimen. Cadangan Yang Berhormat tersebut kita akan teliti dan kita akan timbang.

Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali, Yang Berhormat Datuk Armani, Yang Berhormat Datuk Musa, Datuk Dr. Norraesah, Datuk Haji Mohamad bin Haji Ghani, Datuk Hajah Azizah yang membangkitkan tentang penggabungan *Utusan Melayu Berhad* dan *New Straits Times* dan seterusnya mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula cadangan penggabungan tersebut agar identiti orang Melayu dan akhbar tersebut dapat dikekalkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri sebelum ini, sebarang ulasan mengenai keputusan menggabungkan *Utusan Melayu dan NST* tidak bersesuaian dilakukan sekarang memandangkan pihak yang terlibat masih sedang berunding mengenai cadangan tersebut.

Ulasan berlebihan boleh menimbulkan spekulasi yang hanya boleh membawa kepada kekeliruan. Perbincangan bagaimana kedua-dua akhbar ini boleh ditambah nilai sama ada dalam bentuk satu entiti yang bergabung atau tidak, adalah dialu-alukan memandangkan ia merupakan satu isu yang telah membawa kepada cadangan penggabungan ini pada awalnya.

Dalam membuat keputusan mengenai penggabungan ini, kerajaan tidak akan membiarkan kepentingan kedua-dua akhbar ini diketepikan. Kerajaan amat prihatin dengan pandangan rakyat dan sebarang keputusan penggabungan akan mengambil kira keperluan untuk mengekalkan identiti, tradisi dan peranan surat khabar tersebut dan tidak bergantung semata-mata kepada peningkatan kekuatan kewangan. Kerajaan percaya setiap pihak yang kini sedang membincangkan penggabungan tersebut leka tentang keperluan ini. Pihak yang mengusahakan penggabungan ini tidak mempunyai sebarang niat untuk menghina orang Islam dan akan mengambil kira banyak faktor untuk memastikan identiti, tradisi dan peranan kedua-dua akhbar terutamanya *Utusan Melayu (M) Bhd.* tidak dikorbankan.

Berhubung dengan isu kehilangan semangat kewartawanan adalah difahamkan bahawa cadangan penggabungan ini tidak akan menyekat kebebasan akhbar dan tidak melibatkan peringkat editorial, penyuntingan dan pemberitaan. Selain dari itu kerajaan percaya sekiranya

usaha penggabungan itu berjaya dilakukan, ia akan membawa kebaikan seperti yang dirancang iaitu meningkatkan kekuatan kewangan dan berkongsi kemudahan. Banyak peluang yang lebih besar akan terbuka untuk wartawan-wartawan meningkatkan lagi prestasi mereka. Ini sudah tentunya menggalakkan persaingan sihat yang lebih hebat yang sememangnya dialu-alukan. Segala kebaikan dan keburukan yang akan terhasil dari usaha ini bukan sahaja kepada syarikat tersebut tetapi kepada negara akan dikaji secara terperinci. Kerajaan percaya sebarang keputusan yang akan diambil dalam penggabungan ini bukanlah sesuatu yang dibuat dengan tidak berasas sebaliknya mengambil kira kepentingan semua pihak.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Munusamy melanjutkan had umur persaraan anggota perkhidmatan awam, sebenarnya di bawah Undang-undang Pencen, anggota perkhidmatan awam dikehendaki bersara apabila mencapai umur 56 tahun kecuali mereka yang telah membuat opsyen untuk bersara wajib apabila mencapai umur 55 tahun. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan umur persaraan wajib ini. Walau bagaimanapun untuk memenuhi keperluan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, pelantikan kontrak selepas persaraan wajib bagi beberapa jawatan terpilih adalah kaedah terbaiknya ketika ini. Melalui kaedah ini kerajaan dapat memastikan hanya pesara yang telah membuktikan prestasi kerja yang cemerlang dilantik untuk terus berkhidmat melebihi umur 56 tahun.

Dasar pelantikan secara *selective*, dengan izin, ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan supaya jentera kerajaan yang dianggotai oleh anggota-anggota yang dapat mencurahkan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat dan negara. Pada masa yang sama ia tidak akan menyekat kemasukan anggota baru yang sebahagian besarnya adalah golongan muda berpendidikan tinggi dari institut pengajian tinggi dalam dan luar negara untuk menyertai perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menjawab bagi pihak EPU.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap menyatakan bahawa pemilikan ekuiti bumiputera adalah sebanyak 19.6%. Namun pemilikan ekuiti bumiputera minoriti adalah di bawah 1% dan mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah pembasmian kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat bumiputera minoriti di Sabah.

Secara umum adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat semua suku kaum bumiputera menikmati faedah pembangunan secara saksama dan kerajaan akan membantu merapatkan lagi jurang ekonomi pelbagai suku kaum di kalangan bumiputera sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pecahan hak milik ekuiti bumiputera dalam sektor korporat pada tahun 2004 adalah sebanyak 18.9% di mana ekuiti bumiputera minoriti sebanyak RM2,360 juta atau 3% daripada keseluruhan ekuiti individu bumiputera.

Pelbagai strategi telah dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan dan pemilikan ekuiti kaum bumiputera termasuk kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Antara program khusus

yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti meningkatkan saiz kumpulan berpendapatan tinggi, projek dan program di bawah skim pembangunan kesejahteraan rakyat, kemudahan pinjaman untuk pembelian saham dari skim pembelian saham, mempergiatkan pembangunan sumber yang berpotensi seperti tanah rizab dan tanah adat, menggembelng tabungan dan modal bumiputera melalui skim Saham Amanah dan meningkatkan kemudahan pembiayaan bumiputera menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Yang Berhormat Tuan Majid bin Mahab menggesa agar kerajaan mempercepatkan pelaksanaan Lembaga Kemajuan Wilayah di negeri Sabah bagi mengurangkan jurang perbezaan dengan wilayah lain dan memastikan pembangunan negara yang seimbang. Dalam RMK-9 kerajaan telah mengenalkan untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah di negeri Sabah dan Sarawak dalam usaha mewujudkan keseimbangan pembangunan antara wilayah dan memastikan pembangunan negara yang berimbang.

Walau bagaimanapun, penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah ini perlu mendapat kerjasama sepenuhnya di peringkat negeri bagi membolehkan ia direalisasikan dan dijayakan. Sehubungan ini Kerajaan Persekutuan sedang mengadakan perbincangan dengan negeri Sabah.

Yang Berhormat, kena gesa Kerajaan Negeri Sabahlah. Kerajaan Persekutuan, okey, tidak ada masalah. Yang tidak berapa bersetujunya ialah kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu pelaksanaan Koridor Utara oleh Sime Darby yang melibatkan peruntukan RM56 bilion yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain - dia tidak ada di sini? Ada? Ya. Sime Darby sedang menyediakan pelan induk bagi pembangunan di kawasan Koridor Utara. Penyediaan pelan induk yang komprehensif memerlukan masa bagi membolehkan pelan induk yang berkualiti dapat dihasilkan. Pelan induk ini akan dibentangkan kepada Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang akan dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pelan induk ini dijangka dapat dibentangkan pada awal tahun 2007.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah mengenal pasti *government link companies* dengan izin, selaku agensi pemacu di koridor pembangunan baru melibatkan Koridor Utara, Koridor Pantai Timur dan Wilayah Pembangunan Iskandar. Pemilihan Sime Darby bagi memacu pembangunan di Koridor Utara adalah berdasarkan kekuatannya dan pelbagai aktiviti terutamanya yang berasaskan pertanian di kawasan di mana sektor pertanian telah dikenal pasti menjadi salah satu teras utama pembangunan di bawah RMK-9 termasuk di Koridor Utara. Pemilihan Sime Darby tidak akan membebankan rakyat memandangkan ia terlibat dalam menyediakan pelan pembangunan dan akan membuat pelaburan di dalam sektor-sektor tertentu yang telah dikenal pasti. Ini seterusnya akan menjana peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi kepada rakyat di kawasan berkenaan. Pembangunan oleh Sime Darby sebenarnya adalah *complimentary* kepada apa yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah RMK-9.

Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah ada? Oh, ya. Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain mencadangkan agar satu mekanisme pemantauan berkala projek-projek diwujudkan dan dibentangkan kepada Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini laporan pemantauan projek dibentangkan secara berkala di mesyuarat-mesyuarat utama kerajaan seperti Mesyuarat Jemaah Menteri pada setiap bulan, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara selaras dengan arahan No.1 Majlis Tindakan Negara. Laporan pemantauan projek juga dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet tahunan di Parlimen.

Selain dari itu Ahli-ahli Parlimen Kerajaan juga adalah Ahli Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah di kawasan Parlimen masing-masing yang diwujudkan di bawah arahan No.1/2004, Majlis Tindakan Negara. Jawatankuasa ini bermesyuarat pada setiap bulan dan Ahli-ahli Parlimen kerajaan boleh mendapat maklumat perkembangan terkini projek-projek pembangunan di kawasan masing-masing.

Sistem pemantauan projek SPP 2 yang telah dipertingkatkan kebolehannya dapat memberi laporan terkini pemantauan projek-projek pembangunan. Sistem ini digunakan di setiap pejabat pembangunan negeri dan Jabatan Pembangunan Persekutuan, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Mekanisme pemantauan yang ada telah pun sedia mantap dan dapat memenuhi keperluan semasa semua pihak. Namun begitu cadangan penambahbaikan dalam pemantauan projek-projek pembangunan sentiasa dialu-alukan bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan sentiasa baik dan telus.

Yang terakhir berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn agar Senator diberikan peruntukan tambahan tahunan sebanyak RM100,000 dan diberikan peruntukan bagi bantuan mangsa bencana seperti yang diperolehi oleh Ahli Parlimen kerajaan.

Sebenarnya peruntukan Yang Berhormat Senator telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pada tahun ini telah dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM200,000 sepenggal. Sehubungan ini peruntukan Yang Berhormat Senator juga boleh digunakan untuk memberi bantuan kepada mangsa bencana.

Kemudian seperti juga yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan menggalakkan Ahli-ahli Senator menyertai program-program turun padang untuk bersama rakyat.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap ya, saya habiskan kejam ya? Selain itu, Ahli-ahli Senator juga digalakkan mengambil inisiatif untuk mengadakan program-program tersendiri yang menjurus kesejahteraan rakyat. Seperti yang disarankan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli-ahli Senator digalakkan menyertai taklimat BNBBC. Taklimat tersebut adalah disasarkan untuk Ahli Parlimen yang juga termasuk Ahli Senator sebagai anggota Dewan Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya hendak mendapatkan penjelasan yang tepat iaitu Yang Berhormat Dato' Seri mengatakan bahawa RM200 ribu peruntukan ditambah iaitu daripada RM100 ribu kepada RM200 ribu. Ada yang mengatakan hanya RM100 ribu kepada RM150 ribu. Yang mana satu yang betul?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Daripada RM100 ribu kepada RM200 ribu. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya saya minta Yang Berhormat untuk menjawab bagi pihak agama Jabatan Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**12.31 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2007 khususnya menyentuh isu-isu berkaitan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai segala pandangan, teguran, saranan dan juga cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Bajet 2007 ini ada beberapa isu berkaitan agama Islam yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu, izinkan saya untuk menjawab. Isu-isu yang ditimbulkan itu antaranya ialah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor iaitu masalah pengedaran risalah dan juga buku kecil mengenai Islam Hadhari. Beliau mencadangkan pengedaran buku-buku kecil atau risalah mengenai Islam Hadhari kepada orang awam tidak mengira bangsa atau agama bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai konsep tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, JAKIM telah pun membuat pengedaran buku penjelasan pendekatan Islam Hadhari untuk orang awam tanpa mengira bangsa dan agama. Bagi tujuan ini, JAKIM telah menerbitkan dan mengedarkan buku-buku penjelasan Islam Hadhari dalam versi bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Arab dan yang terakhir ini ialah bahasa Kadazan. JAKIM juga akan menerbitkan bahan-bahan tersebut dalam bentuk brosur, risalah dan buku-buku kecil. Sukacita juga dimaklumkan bahawa JAKIM akan menerbitkan jurnal ilmiah dan juga buletin secara berkala dalam menambah kepelbagaian koleksi penulisan berkaitan penjelasan pendekatan Islam Hadhari.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawī telah menimbulkan isu penubuhan institut latihan untuk imam. Beliau mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah institusi latihan untuk imam bagi membolehkan mereka mempelajari tatacara pentadbiran masjid supaya lebih teratur dan benar-benar terurus. JAKIM telah memiliki sebuah institusi yang bertujuan melatih pegawai-pegawai hal ehwal Islam iaitu Institut Latihan Islam Malaysia ataupun ringkasnya ILIM yang bertempat di Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan. Pada masa ini, ILIM menjalankan aktiviti latihan dakwah islamiah kepada pegawai dan kakitangan hal ehwal Islam seluruh Malaysia termasuk melatih para imam dan juga peserta imam dari negara-negara seperti China dan Cambodia.

Aktiviti kursus dan latihan berkaitan pengurusan, pentadbiran, pendakwahan, kehakiman, pengendalian masjid dan seumpamanya sedang berjalan sejak lebih daripada tujuh tahun yang lalu. Para peserta khusus dan latihan adalah terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan hal ehwal Islam negeri-negeri termasuk imam-imam. Selain daripada itu, JAKIM juga mempunyai pusat latihan di Sarawak dan Sabah. Dalam RMK-9, dua buah cawangan ILIM akan dibina iaitu ILIM cawangan utara ataupun zon utara dan juga ILIM zon timur.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar telah membangkitkan beberapa persoalan, beberapa isu ke arah mengimarahkan masjid.

**Puan Mumtaz binti Md Nawī:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang untuk menjelaskan isu tentang masjid tadi. Cuma yang saya hendak tanyakan tentang Institut Latihan Islam Malaysia yang bertempat di Bangi ini adakah mengeluarkan diploma kepada para imam yang dilatih dan adakah juga cadangan kepada kerajaan untuk mewajibkan diploma ini dimiliki oleh semua imam seluruh Malaysia agar dapat kita lihat satu standard yang sama bagi imam-imam dari segi pentadbiran masjid. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebenarnya konsep diwujudkan ILIM ataupun Institut Latihan Islam Malaysia ini ialah untuk memberi kursus-kursus ringkas kepada pegawai-pegawai hal ehwal Islam iaitu seperti yang telah saya sebut tadi di antaranya termasuk imam-imam di seluruh Malaysia. Jadi kursus ini yang ada kaitan seperti masalah imam iaitu pentadbiran masjid. Selain daripada itu, berkhotbah iaitu teknik-teknik membaca khutbah supaya berkesan kepada jemaah di hari Jumaat dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas-tugas imam. Begitu juga dalam soal bidang-bidang yang lain seperti pendakwaan, penguatkuasaan dan lain-lain yang ada kaitannya dengan pelantikan seorang pegawai hal ehwal Islam.

Jadi, kita tidak mengeluarkan diploma, kita tidak mengeluarkan ijazah. Cuma namanya institut itu adalah sebagai pusat latihan untuk memberi kemahiran kepada pegawai-pegawai kita. Jadi soal ijazah, diploma dan sebagainya itu adalah syarat dilantik dalam sesuatu jawatan. Kalau jawatan misalnya S41 sudah tentulah mesti memiliki ijazah yang berkaitan dengan bidang yang

dipohon. Jadi kalau LS misalnya dalam pegawai syariah katakan, sudah tentu ada kaitannya dengan syarat-syarat memiliki dalam bidang undang-undang Islam dan juga syariah. Jadi, syarat utama telah pun ada pada mereka cuma beri latihan iaitu penambah nilai terhadap ijazah yang telah pun dimiliki oleh mereka.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Boleh saya minta laluan sekali lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang saya maksudkan di sini ialah satu perbandingan dengan peguam syarie yang telah pun memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah, tetapi dalam masa yang sama di kebanyakan negeri mewajibkan mempunyai diploma DSLP (*Diploma in Syariah and Law Practice*) dan begitu juga dengan DAIS. Maknanya dia perlukan diploma untuk menjadi hakim. Diploma tambahan di samping kelayakan ijazah yang telah pun dimiliki pada peringkat permulaan jawatan itu didapatkan daripada pihak mereka.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Yang ini telah pun disediakan oleh institut-institut pengajian tinggi seperti UIA menyediakan Diploma Pentadbiran dan Kehakiman Islam. Di UKM juga menyediakannya dan kemudian terakhir ini di KUIM iaitu Kolej Universiti Islam Malaysia yang akan diubah menjadi USIM iaitu Universiti Sains Islam Malaysia juga menyediakan sekali gus iaitu Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah ataupun Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang Islam. Jadi, mereka telah pun ataupun mereka boleh mengambilnya di IPTA. Cuma apabila mereka menjawat jawatan, mereka didedahkan dengan beberapa kursus untuk memantapkan atau untuk memahirkan mereka dengan kerja yang mereka pegang. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Boleh saya teruskan?

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak ucapkan tahniah di atas ILIM yang telah memberi khidmat kepada mereka-mereka yang sepatutnya menjadi pak imam dan juga jawatankuasa kariah ini. Tetapi adakah juga JAKIM membuat satu pemantauan ataupun pemeriksaan tentang pak imam-pak imam ini masih lagi lari daripada landasan apabila berkhotbah. Tidak mengikut skrip yang telah disediakan oleh Majlis Agama Islam negeri masing-masing. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Soal pemantauan sebagaimana Yang Berhormat mengetahui, ialah dalam bidang kuasa negeri-negeri. Kita ada 14 buah negeri, kalau di Wilayah Persekutuan sudah tentulah ada Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu, negeri-negeri lain adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Maka, Majlis Agama Islam Negeri-negeri memantau dan sekiranya didapati mereka melakukan salah laku iaitu membaca khutbah-khutbah yang sangat bertentangan dasar kerajaan, dan pihak kerajaan pusat sendiri boleh mencadangkan apabila

dapat *report* itu iaitu untuk tidak memberi elaun bulanan tetap mereka iaitu RM450 sebulan bagi imam-imam kariah dan juga mukim.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Jadi saya rasa ini adalah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar telah menarik perhatian kepada pengimarahannya masjid. Pertama yang ditimbulkan, beliau bersetuju bahawa taraf imam dapat dipertingkatkan dengan kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap dengan bayaran imbuhan tetap, istilahnya iaitu imbuhan tetap, tidak sampai kepada gaji, imbuhan tetap bulanan kepada imam-imam iaitu sebanyak RM450 sebulan dapat memberi dorongan kepada mereka, untuk makluman Yang Berhormat juga di Wilayah Persekutuan sebagai contoh, pihak kerajaan melalui Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan MAIWP telah menambah imbuhan tetap sebanyak RM250 kepada apa yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan RM450, jadi kita merasakan perlu diberi tambahan lagi kerana hidup di Wilayah Persekutuan, RM250 jadi RM700. Ini bermakna imam-imam di Wilayah Persekutuan mendapat imbuhan tetap bulanan RM700 sebulan. Begitu juga dengan sesetengah negeri yang lain dengan jumlah yang berbeza-beza tapi di sekitar RM200 sehingga RM250 dan mungkin ada sesetengah negeri lebih daripada itu.

Isu kedua yang telah dibangkitkan ialah, beliau juga memberi sokongan dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan masjid sebagai pusat komuniti dan pusat masyarakat bagi melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar jawatankuasa masjid turut diwakili oleh kaum wanita setempat di kalangan para ibu, agar mereka dapat memberikan pandangan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Berhubung dengan masjid sebagai pusat kegiatan masyarakat sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia amatlah wajar. Fungsi masjid dalam Islam sebenarnya tidak hanya terbatas kepada tempat ibadah semata-mata, bahkan fungsinya terlalu luas merangkumi tuntutan Fardu Ain dan juga Fardu Kifayah. Setakat ini masjid yang berfungsi sebagai pusat komuniti dan kegiatan masyarakat telah pun wujud. Namun ianya tidak secara menyeluruh.

Begitu juga dengan cadangan penglibatan kaum wanita sebagai dalam jawatankuasa masjid sebenarnya sudah pun dilaksanakan oleh sesetengah masjid di negara ini seperti di Wilayah Persekutuan sebagai contoh, Masjid Sayidina Abu Bakar as-Siddiq di Bangsar dan juga lain-lain tempat. Jadi sudah ada beberapa jawatankuasa yang ikut serta oleh wanita. Jadi, bukan kuasa saya untuk memberi.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Minta laluan. Tentang jawatankuasa yang terdiri daripada wanita, setakat ini yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, ada dua. Kenapa tidak setiap masjid kita ada 40 lebih yang saya tahu, setiap masjid akan datang, dimestikan

setiap jawatankuasa daripada 11 itu, mesti seorang sekurang-kurang daripadanya adalah jawatankuasa wanita. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Pandangan yang saya rasa cukup bernas daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang saya rasa berpengalaman luas dalam mentadbirkan masjid semasa beliau bertugas di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jadi kita akan ambil pandangan itu dan kita akan cuba mempertimbangkannya dengan serius supaya ianya selari dengan dasar kerajaan ataupun dengan pendekatan Islam Hadhari iaitu meraikan kaum minoriti dan juga wanita yang saya rasa adalah selaras. Saya ucapkan banyak terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah ataupun berapa jeniskah kategori masjid yang dibuat di pihak JAKIM dan pengkategorian ini adalah amat penting supaya dapat diselaraskan gaji di antara jenis-jenis masjid itu? Soalan saya yang kedua, adakah pihak JAKIM akan mengeluarkan garis panduan aurat wanita Islam? Sebab perkara ini setelah dilaksanakan di negeri Kelantan telah menimbulkan pelbagai reaksi memandangkan masih ada kekeliruan tentang batas-batas aurat bagi seseorang wanita Islam. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Yang pertama, saya rasa adalah cukup jelas dalam JAKIM mengkategorikan apabila hendak memberi imbuhan tetap kepada imam yang kita istilahkan imam qariah dan juga imam mukim itu. Jadi tidak termasuk dalam imam qariah dan imam mukim ini ialah imam yang bergaji tetap. Ini adalah imbuhan tetap, bergaji tetap seperti imam di masjid-masjid seperti masjid-masjid kalau di Wilayah Persekutuan ini, iaitu 3 masjid besar iaitu Masjid Negara, Masjid Wilayah Persekutuan dan juga Masjid Putera itu mempunyai skim yang tersendiri.

Selain daripada itu masjid-masjid kalau di negeri-negeri, masjid negeri dan juga Masjid Jamek daerah ataupun kalau di Kelantan mungkin jajahan. Jadi adalah mereka ini mendapat gaji tetap. Iaitu dalam kategori tadi tidak termasuk imam yang diberi imbuhan sebab mereka sudah ada gaji tetap. Ada setengahnya macam Wilayah Persekutuan itu ada Gred S54, imam besar dan setengah negeri ada Gred S48 dan sebagainya.

Tapi kategori imam mukim tadi yang dapat RM450 dan juga ditambah oleh sesetengah negeri RM200, RM250 dan sebagainya, itu imam mukim. Imam yang diiktiraf oleh Majlis Agama. Majlis Agama masing-masing negeri menanggap ia adalah masjid mukim. Kemudian selain daripada itu imam surau, dan sebagainya tidak diberi apa-apa. Cuma saya juga suka menyatakan bahawa seperti di Wilayah Persekutuan dan beberapa negeri lain sebenarnya peruntukkan imam bagi qariah itu ada tiga bagi setiap masjid. Cuma di sesetengah negeri macam Johor, dia seorang sahaja. Pulau Pinang 3, Terengganu ada 2, ada 3 dan sesetengah ada 2, jadi boleh memohon kepada Majlis Agama Islam supaya dilantik lagi seorang yang kita hendak bayar daripada pusat ini, mereka yang mendapat tauliah daripada Majlis Agama.

Jadi saya rasa Yang Berhormat bolehlah beritahu negeri-negeri, yang saya rasa kalau seorang sahaja, kalau jatuh sakit, susah! Jadi lantik 2, lantik 3, maksimum 3. Jadi saya rasa ini adalah peruntukkan yang dibayar peruntukkan RNM450 daripada kerajaan melalui JAKIM.

Persoalan yang kedua saya rasa soal aurat ini cukup jelas, tidak payah garis panduan, jadi sudah ada dalam kitab, banyak senator yang membicarakan, saya rasa orang tahu semua, auratnya bagi lelaki dan bagi perempuan, saya rasa tidak perlu garis panduan, jadi banyakkann mangkuk pinggan sahajalah. Jadi saya rasa baik itu sahajalah. Cuma kalau soal disko, Islam dan sebagainya itu boleh bincang, yang itu soal tadi. Adakah ada disko Islam, tidak adakah disko Islam, jadi saya rasa tidak payah bincang di sinilah. Sebab banyak lagi tajuk yang perlu saya baca. Ya, boleh saya teruskan?

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah menimbulkan supaya JAKIM mengadakan *team* atau kumpulan untuk menangani masalah sosial. Beliau mencadangkan agar JAKIM mewujudkan satu pelan dianggotai oleh *think tank* agama dalam menangani masalah-masalah sosial umat Islam yang sangat berleluasa dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya JAKIM telah pun menubuhkan jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dan dianggotai oleh pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam negeri-negeri iaitu JAIN dan juga wakil Kementerian Pendidikan dan Jajaran Kementerian Penerangan. Sebenarnya tugas menangani, suka saya menyatakan di sini, tugas menangani gejala sosial adalah tugas bersama semua pihak. Ini perlu fahamlah, jadi jangan bila ada gejala sosial hanya nampak JAKIM sahaja apa-apa masalah, kasihan juga pada JAKIM. JAKIM sudahlah terbatas kuasa dia, Majlis Agama terbatas. Jadi kalau ada munculnya dalam masyarakat mat rempit pun nampak JAKIM salah, yang lain pun JAKIM, jadi kasihan JAKIM, saya kena bela jugalah.

Jadi tugas melaksanakan amal makruf nahi mungkar adalah tugas bersama. Masing-masing dalam bidang kuasa, dalam bidang kemampuan mereka.

Sebab kita tahu ibu bapa adalah bagi saya institusi keluarga boleh dikatakan mempunyai peranan yang melebihi daripada institusi lain. Kalau dalam agama pun kalau saya baca ayat al-Quran dan hadis memang jelas sekali menggesa ibu bapa supaya menjaga anak-anak mereka. Tapi walau bagaimanapun JAKIM tak boleh lari daripada tanggungjawab. Saya kata kepada pegawai-pegawai JAKIM mesti bertanggungjawab melaksanakan dalam keterbatasan bidang kuasa yang ada padanya dan kita menganjurkan juga JAIM perlu memainkan peranan dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan JAKIM baru-baru ini dikritik hebat tentang cara bekerjanya dan dua hari lepas Mufti Perlis pula mengkritik JAKIM cara menangkap orang berkhawat. Dia kata tak boleh mengintai.

Maksudnya kenapa hendak diintai-intai dan dia kata ini mengaibkan. Kemudian bawa pula media datang serbu yang belum tentu orang itu bersalah.

So, kaedah ini sebenarnya menyebabkan JAKIM dipersoalkan dari segi prosedur dan sebagainya. Saya tak tahulah apa sebenarnya kepakaran yang ada dalam JAKIM hendak menghadapi masalah-masalah seperti khalwat tadi. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Itu adalah merupakan pandangan seorang mufti baru dan kita sebenarnya di JAKIM ada satu forum yang telah pun lama bertugas iaitu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan sebelum sesuatu isu dibentangkan dalam Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang dianggotai oleh semua mufti dan dilantik lima orang lagi pakar daripada universiti-universiti dalam pelbagai bidang pengajian agama dan juga dalam berbagai-bagai boleh dikatakan sama ada dalam bidang fiqah, dalam bidang akidah, dalam bidang-bidang yang lain. Kita lantik mereka di situ kemudian mereka telah pun berbincang sejak dahulu lagi sehingga kini. Jadi sebelum satu isu dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk diteliti dan diambil keputusan, panel bergerak dahulu. Panel akidah kita ada yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam pelbagai bidang, kita ada panel syariah juga yang terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang yang terdiri daripada profesor di universiti dalam bidang-bidang yang berkenaan. Jadi apabila mufti menyebut perkara-perkara baru, dia kata umur dia pun baru 35 tahun, jadi baru. Itu adalah merupakan kita ambil sebagai pendapat. Pendapat dia sahajalah. Pendapat.....

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Nanti dahulu, tak habis lagi. Bagi selesaikan dahulu baru boleh beri. Jadi ini merupakan pendapat individu. Kita hormat pendapat. Tak apalah. Cakaplah tak apa. Maknanya kalau betul dapat dua pahala kalau menurut agama. Kalau tak betul dapat satu pahala. Jadi kalau seorang bercakap dengan ramai orang lain mengambil keputusan, saya rasa saya percaya kepada panel akidah saya, kepada mufti-mufti saya kalau daripada seorang maknanya itu. Jadi kena faham keadaan itu dan saya tak apa hendak bercakap, bercakaplah. Bagi saya tak apa. Itu peluang untuk bercakap. Dia orang muda, bercakaplah dia. Boleh ya Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi? Okay.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya masih juga hendak bercakap tentang pandangan mufti Perlis itu. Walaupun ianya merupakan pandangan tetapi pandangan daripada seorang mufti adalah pandangan yang berbeza daripada pandangan orang-orang macam saya. Jadi dalam konteks inilah oleh kerana pandangan mufti Perlis ini adalah pandangan mufti yang terkeluar daripada pandangan konvensional sebelum ini berhubung dengan soal-soal kes khalwat dan sebagainya. Sebagai seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab kepada hal-hal ini, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat.

Yang kedua, tidakkah Yang Berhormat menteri juga merasakan bahawa pandangan mufti ini memperlihatkan satu fenomena baru ke arah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang-orang Islam khasnya berhubung dengan kes-kes yang berlanjutan yang tidak habis-habis dan memperlihatkan betapa tindakan-tindakan sebelum ini kepada kes masalah sosial ini yang dibuat oleh JAKIM dan juga pegawai-pegawai yang berkaitan tidak berkesan dan saya amat menghormati pandangan mufti ini walaupun dia muda dan kerana keberanian beliau untuk memberi pandangan yang saya tahu menimbulkan sedikit polemik di kalangan mufti-mufti lama di Malaysia ini. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya bukan kata tidak menghormati orang muda. Ia adalah satu pandangan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Sebelum jawapan, saya hendak tambah sedikit. Sebelum Yang Berhormat....

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Nanti biar saya cakap dahulu. Takut nanti tambah kelabu balik.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya hendak tambah sedikit, nanti Yang Berhormat jawab sekali.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Bagi satu-satulah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tak, saya hendak tambah sedikit soalan ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terserah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Takut tak terjawab nanti banyak sangat. Dok kelabu nanti.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil soalan daripada ini juga iaitu tentang JAKIM. Jadi soalnya pandangan daripada mufti Perlis. Jadi tidakkah Yang Berhormat sebagai menteri yang bertanggungjawab ada kelemahan-kelemahan daripada JAKIM sendiri. Kadang-kadang penangkapan dibuat itu tidak betul, tidak benar. Mengaibkan orang. Ada orang kata berkhalwat tapi suami isteri. Jadi inilah yang mufti beri pandangan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jawab sekali gus.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya rasa beginilah sekali gus saya jawab tadi. Saya menghormati pandangan. Kita boleh berbeza pendapat tapi berbeza pendapat ada adab-adab berbeza pendapat. Jangan apabila bercakap kita maknanya dengan tidak meraikan adab-

adab berbeza pendapat jadi orang terasa. Maknanya itu. Tapi tidak apa, saya tidak terasa. Memang saya terbuka, memang sudah *trained* di universiti dan sebagainya saya memang terbuka dalam perkara ini.

Cuma saya hendak jelaskan begini sahaja. Dalam kes maknanya untuk pelaksanaan ataupun hukum yang telah ditetapkan dalam Rang Undang-undang sebenarnya tidak ada masalah. Yang masalahnya kadang-kadang ada dari segi prosedur untuk penangkapan, penguatkuasaan. Itu yang perlu dimantapkan sebagai mana yang kita berbincang saya rasa panjang dahulu sama ada dalam rang undang-undang keluarga, rang undang-undang pentadbiran Islam dan sebagainya.

Jadi dari segi itu tidak dipertikaikan kena dibezakan di antara undang-undang itu sendiri ada ruangnya dalam agama. Tapi kalau seorang pegawai itu maklum sahajalah manusia. Manusia kadang-kadang terlalu ghairah dok seronok boleh tangkap orang. Itu merupakan bukan salah undang-undang. Jadi dua perkara yang perlu dibezakan. Dari segi undang-undang itu sendiri baik. Dari segi pelaksanaan undang-undang itu mungkin dipertikaikan. Kalau dalam bidang kedua itu saya rasa boleh kita berdebat, boleh kita bincangkan, boleh kita menambahbaikkan, boleh kita anjurkan kursus demi kursus supaya pegawai-pegawai kita itu dapat melaksanakan dengan baik. Jadi kena bezakan. Jangan apabila kes itu berlaku kita terus mengatakan undang-undang tidak betul sedangkan ia adalah dari segi tatacara sahaja, dari segi prosedur sahaja yang tidak betul. Jadi saya rasa itulah.

Jadi walau bagaimanapun, suka saya mengatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, JAKIM akan memanggil satu mesyuarat di peringkat muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini untuk membincangkan dengan lebih jelas perkara-perkara yang telah ditimbulkan. Kita memang terbuka dalam perkara ini. Boleh saya teruskan?

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Minta laluan. Minta laluan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ada lagi? Minat bahagian agama. Dato' Seri Mohamed Nazri tadi tak tanya. Saya dia tanya banyak pula.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa minat itu alhamdulillah. Maknanya orang memang prihatin tentang isu agama. Tapi yang berkaitan dengan ini tentang masalah pemantauan agama kemungkinan walaupun tidak wajar kita mempertanggungjawabkan JAKIM untuk menyelesaikan masalah kita secara keseluruhan tapi berbanding dengan tugas yang juga dibebankan sama kepada polis.

Jadi dalam usaha untuk pihak polis meningkatkan mutu kualiti perkhidmatannya, pihak polis ada menganjurkan Rakan Cop untuk memberi maklumat kepada pihak polis daripada orang awam untuk meningkatkan prestasi dan juga tentang aduan kesalahan-kesalahan jenayah. Jadi adakah dalam konteks ini JAKIM juga bersedia untuk menubuhkan satu unit ataupun satu

program yang berkesan untuk keseluruhan negara bagi mengatasi masalah gejala sosial. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya rasa Yang Berhormat kena berhati-hati kalau hendak tubuhkan pasukan. Pasukan ini lagi orang risau. Pengalaman kita Wilayah Persekutuan hendak tubuhkan jawatankuasa untuk membantu mangsa banjir, mangsa kebakaran dan sebagainya dahulu pernah ditegur dengan hebat. Beringat takut nanti pergi menghendap orang. Kita kata tak ada ini hendak tolong orang sahaja. Macam di Pantai Dalam dahulu kita tolong Majlis Agama. Kemudian berlaku banjir kilat kita pergi tolong. Bunyi skuad itu tak payahlah. Kita tak usah namakan. Mungkin kalau jawatankuasa itu orang lebih selesa dalam keadaan sekarang. Jadi mungkin kita boleh timbangkan untuk membantu orang ramai supaya mereka faham dengan fungsi dan tugas mereka. Boleh saya teruskan?

**Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh saya, soalan tambahan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Banyak gangguanlah.

**Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Minat, minat. Sama ada kita minat kepada menteri.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh meminta penjelasan pada petang nanti.

**Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Hilang *mood* nanti Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup. Saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 ptg.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah Dato' Syed Zain sila kemukakan apa yang hendak dikemukakan tadi.

**2.32 ptg.**

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin ajukan soalan kepada pihak Menteri apakah peranan, perancangan dan tindakan yang telah diambil oleh JAKIM untuk membanteras masalah kelemahan akidah dan penyalahgunaan dadah. Apakah peranan sebenarnya yang telah dimainkan oleh JAKIM selama hari ini. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagaimana yang sebahagian telah saya sebut tadi iaitu membasmi gejala sosial dalam masyarakat,

kemaksiatan dan sebagainya adalah merupakan tugas bersama orang Islam dan juga institusi-institusi Islam. Jadi kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab sebenarnya dan telah saya katakan tadi apabila berlaku gejala sosial itu jangan nampak JAKIM sahaja yang bersalah, JAIN sahaja yang bersalah, tidak ada buat kerja, sudah ponteng kerja dan hilang arah, hilang fokus dan sebagainya. Tetapi saya tidak mahulah benda itu dibangkitkan.

Kita kena faham juga JAKIM adalah merupakan sebuah agensi pusat yang didirikan oleh kerajaan Persekutuan untuk menyelaraskan, sebab agama adalah urusan negeri-negeri, ini kita faham *state matter* dengan izin. Jadi alhamdulillah, sekarang ini JAKIM telah berkembang dengan baik penyelarannya dan dengan kuasa yang diberi oleh MKI suatu badan yang tertinggi iaitu Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam. Ada di bawahnya ada suatu jawatankuasa yang sangat Ahli-Ahli Yang Berhormat pun tahu iaitu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk menyelaraskan fatwa-fatwa di peringkat kebangsaan ini.

Yang akan dilaksanakan kena difatwakan semula, kena diwartakan semula di negeri-negeri sebab bidang kuasa ini adalah bidang kuasa negeri-negeri. Itu keunikan yang ada di Malaysia ini. Jadi apabila kita sebut tentang gejala sosial, tentang kepecatan dalam masyarakat, tentang isu-isu yang berlaku dalam masyarakat yang ada kaitannya dengan agama jadi saya suka menegaskan di sini bahawa tugas ini adalah tugas bersama.

Jadi saya tidak mahu JAKIM pun lari daripada tanggungjawab. Saya kata kepada pegawai-pegawai JAKIM pandangan-pandangan orang ramai terhadap penambahbaikan terhadap pentadbiran dan pengurusan JAKIM pun kita akan ambil kira. Supaya ianya lebih berkesan pengurusannya dan pelaksanaannya tetapi suka saya menyatakan bahawa JAKIM tidak ada kuasa dalam bidang ini kecuali melalui negeri-negeri. Tetapi alhamdulillah JAKIM dengan Wilayah Persekutuan iaitu kebetulan Menteri di JAKIM dari Jabatan Perdana Menteri juga dilantik oleh Agong untuk mempengerusikan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jadi adalah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Makna pemeliharaan akidah adalah terletak pada pokoknya di bawah kuasa Duli-duli yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Raja.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Okey. Jadi saya rasa itulah kesimpulannya sebagaimana yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa peringkat JAKIM ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab saya lihat di wajah Yang Berhormat itu kesangsian sama ada Yang Berhormat tidak mahu jawab seolah-olah begitu. Itulah hakikatnya.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tidak saya hendak jawab cuma orang kata kita berlegar dahulu sedikit bermakna lepas itu baru kita *landing*. Jadi kalau jawab mendadak orang tidak bersedia, apabila tidak bersedia dia tidak puas, maknanya begitu. Jadi kalau berlegar dahulu kemudian baru *landing* baru rasa sempurna jawapan itu. Jadi kalau sudah Tuan Yang di-

Pertua minta saya *landing* kan okeylah saya boleh terima itu *landingnya*. [Ketawa] Okey boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah juga telah menimbulkan, dia banyak soalan-soalan jadi kerana masa terbatas kita pilih beberapa isu yang mudah-mudah untuk dijawab sahajalah, yang payah-payah kita diam sahajalah. Jadi yang ini dia tanya khusus peranan JAKIM ke atas YADIM. Ini sensitif juga ini, tidak apa. Beliau mencadangkan JAKIM perlu memastikan agar YADIM agar memfokuskan. Ini bukan hilang fokus ini, jadi ini memfokuskan sahaja. Dia ada sudah fokus tetapi tidak berapa fokus agaknya. Kepada objektifnya dan menangani isu-isu berkaitan murtad dan bukannya menjalankan aktiviti perniagaan sahaja, itu isu yang ditimbulkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua JAKIM dan YADIM mempunyai identiti yang berlainan. Dari segi strukturnya YADIM tidak diletakkan di bawah JAKIM, perlu saya jelaskan YADIM tidak diletakkan di bawah JAKIM. JAKIM merupakan agensi pusat manakala YADIM adalah sebuah NGO, satu pertubuhan NGO bukan kerajaan.

Walau bagaimanapun JAKIM mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan YADIM di mana Ketua Pengarah JAKIM merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM. Dengan itu nasihat sentiasa diberi agar YADIM lebih fokus dari semasa ke semasa kepada aktiviti dakwah iaitu untuk menyeragamkan. Dan dalam pelaksanaan Islam Hadhari juga dia berkewajipan untuk menyebar luaskan penjelasan Islam Hadhari kepada NGO seislam sebenarnya, itu tugas. Terutamanya untuk memantapkan kefahaman dan penghayatan ajaran Islam kepada umat Islam dari terjebak dalam pelbagai salah laku sosial dan gejala murtad. Hal-hal perniagaan hanyalah saya kira program sampingan YADIM dan kegiatan dakwah adalah program utamanya.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi telah menimbulkan pelaksanaan Rang undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan. Beliau ingin mengetahui bila Rang undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan akan dilaksanakan sedangkan banyak di negeri-negeri lain telah laksanakan dalam usaha kerajaan menyeragamkan undang-undang agama di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 2006 telah pun diwartakan pada 2 Februari 2006 tetapi belum dikuatkuasakan. Kerana Jemaah Menteri telah meminta supaya Jabatan Peguam Negara mengkaji semula akta tersebut. Akta ini akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum ianya dibentangkan di Parlimen. Jadi itu prosesnya kerana beberapa isu telah diteliti semula kerana beberapa pihak menghendaki supaya dihalusi dan diteliti. Seterusnya Yang Berhormat.....

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Mumtaz binti Md. Naw:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' kerana memberikan reaksi tentang ini. Tetapi kalau ikut *Hansard* Parlimen, sebenarnya yang saya sentuh hari itu adalah undang-undang berkaitan dengan kawalan dan pengembangan agama Wilayah Persekutuan, bukan Akta Keluarga Wilayah Persekutuan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** ...Kalau yang sedemikian, kalau yang itu tidak dalam bidang kuasa saya. Jadi kuasa orang lain. Jadi saya tak payah jawablah. Kerana sebab apa, kawalan itu bukan di bawah lima rang undang-undang dalam bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga urusan agama. Jadi, itu dibentangkan oleh Dato' Seri Mohamed Nazri nanti. *Okay*, minta maaf kerana kesilapan pegawai saya mencatatkan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, seterusnya ialah Dato' Haji Abdul Rashid Ngah.... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid Ngah*] Rasa saya tak ada dia. Tak apalah, saya baca laju sahajalah. Beliau mencadangkan agar JAKIM memaklumkan keluarga muallaf bahawa ahli keluarga mereka telah memeluk Islam. Ini dapat mengelakkan sebarang masalah dan perselisihan yang mungkin ditimbulkan oleh ahli keluarga mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beliau telah bertolak ke tanah suci.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Oh, tak payah jawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tak payah jawablah. Sudah tak dengar dia nanti. Jadi, saya teruskan kerana soalan-soalan begitu banyak sekali dan saya difahamkan masa begitu terhad dan rakan-rakan saya akan menunggu gilirannya. Jadi, saya lajukan sahajalah.

Yang Berhormat Datuk Haji Roslan Awang Chik. Saya rasa tak ada juga. Jadi, ini terserah kepada saya juga? Saya rasa untuk makluman umum, ini boleh saya sebutlah sebab takut nanti untuk manfaatnya kepada orang ramai iaitu keperluan zakat kepada pelabur Amanah Saham Bumiputera, iaitu keperluan berzakat iaitu dengan menyebut bahawa beliau mempersoalkan tentang pengeluaran zakat oleh umat Islam yang melabur di dalam ASB. Ini saya rasa isu yang juga baik diperjelaskan. Beliau mohon penjelasan agar tidak timbul kekeliruan di kalangan umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, umat Islam yang melabur di dalam ASB sama ada dalam bentuk simpanan ataupun saham, adalah wajib mengeluarkan zakat apabila cukup syarat-syaratnya. Sebagaimana diketahui, syarat wajib zakat itu ialah Islam, merdeka, baligh, berakal, milik yang sempurna, cukup nisab, cukup haul. Kerajaan amat menggalakkan umat Islam melabur dalam amanah saham bagi meningkatkan pegangan ekuiti pemilikan saham bumiputera dalam sektor korporat. Jadi, bagi mereka yang melabur itu, saya rasa cukup jelaslah bahawa mereka kena mengeluarkan zakat dan walaupun ada beberapa pandangan yang mengelirukan. Sebab ini boleh dikatakan, majoriti di negeri-negeri mengatakan bahawa ia adalah harus. Boleh

maksudnya. Harus itu ialah boleh melabur. Jadi ada beberapa pandangan lain itu khilafiah, dan saya rasa majoritilah kita pakai dan dari segi masalah pun kita rasa boleh kita galakkan.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah menimbulkan pewujudan dana nasional berasaskan kutipan zakat.

Jadi, saya suka menyatakan bahawa cadangan yang diberikan walaupun baik, buat masa ini tidak dapat dilaksanakan, memandangkan urusan berkaitan zakat merupakan urusan agama, yang terletak di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sebagaimana jelas peruntukan dalam Butiran Satu, Senarai Kedua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Sebenarnya cadangan untuk menubuhkan dana zakat di peringkat kebangsaan ini telah pernah dibuat sebelum ini. Tetapi tidak mendapat persetujuan sepenuhnya dari Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan dalam Persidangan Zakat Antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur pada 28 November lalu, telah bersetuju dan telah menandatangani Memorandum Kerjasama untuk menubuhkan dana zakat peringkat antarabangsa iaitu dengan nama Lembaga Zakat Antarabangsa. Jadi memorandum telah dipersetujui dan akan diusahakan pewujudannya dengan beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Jadi, ini satu perkembangan yang sangat baik dan menggalakkan. Di peringkat serantau juga, Lembaga Zakat di kalangan negara-negara MABIM, iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Indonesia telah pun berbincang dan telah pun bersetuju secara prinsipnya di kalangan menteri-menteri agama MABIM dalam mesyuaratnya yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini untuk melihat permuafakatan boleh diwujudkan di antara keempat-empat negara MABIM di sini untuk menubuhkan Lembaga Zakat di peringkat MABIM. Jawatankuasa Teknikal akan ditubuhkan bagi memperincikan penubuhan dan pelaksanaan zakat dan dana zakat berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah menimbulkan soal baitulmal iaitu mencadangkan agar prosedur pemberian bantuan baitulmal dikaji semula agar usaha untuk mengatasi kemiskinan tegar dapat diatasi. Beliau seterusnya mencadangkan Majlis Pembangunan Baitulmal ditubuhkan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Agama Islam setiap buah negeri bertanggung jawab sepenuhnya terhadap pemberian baitulmal. Di empat buah negeri masing-masing, Majlis Agama Islam Negeri-Negeri sentiasa mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh semua pihak bagi menambahbaikkan prosedur yang diguna pakai bagi mengatasi kemiskinan tegar. Majlis agama Islam Negeri telah membuat penambahbaikan terhadap skim bantuan dan agihan zakat kepada lapan *asnaf* penerima zakat. Di peringkat Persekutuan, kerajaan telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang antara lain bertanggung jawab merancang, membangun dan menyelaraskan aktiviti berkaitan wakaf dan zakat. Di bawah RMK-9, peruntukan sebanyak

RM250 juta telah diberikan melalui jabatan ini untuk membiayai projek-projek pembangunan yang sebahagian besarnya bertujuan membasmi kemiskinan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan diurusetikan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji dan dianggotai oleh semua Majlis Agama Islam Negeri. Jawatankuasa ini merupakan forum penyelarasan bagi program dan aktiviti yang dilaksanakan. Bagi membantu Majlis Agama Islam dalam membuat agihan zakat, garis panduan agihan zakat. Iaitu satu buku yang telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan yang diadakan pada Mac 2006 yang lalu, sebanyak 32 skim bantuan disenaraikan dalam garis panduan ini dalam mengagihkan zakat kepada mereka yang layak, khususnya fakir dan miskin. Jadi diperbanyakkan, iaitu *asnaf* tidak berganjak. *Asnaf* ada lapan, tetapi skimnya ada dalam 18 begitu, ditambah lagi sehingga menjadi 32 skim. Jadi untuk menjadi garis panduan kepada negeri-negeri untuk melaksanakan, terserah kepada merekalah untuk melaksanakan dan kita telah menjalankan tugas untuk menyelaraskan di peringkat kebangsaan...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak tahu, apakah permasalahan yang sebenarnya berlaku menyebabkan tabung zakat dan baitulmal ini pihak penerima menghadapi begitu banyak kesukaran? Kelewatannya. Sedangkan dia tahu bahawa tujuan baitulmal beri kepada orang ini untuk dia menyara hidup dia. Tetapi maknanya, proses dia, kelewatan yang dihadapi oleh.., dah memang sudah layak, dan dikategorikan sebagai layak tetapi hendak memberi bantuan itu, mengambil masa yang begitu lama. Maknanya kalau bulan Januari itu, kadang-kadang dibayar pada bulan Mac ataupun April ataupun Mei. Maknanya menyusahkan kepada yang sepatutnya penerima ini. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Kita memerlukan pengkhususan. Sebab apa, kalau disebut secara umum itu sebab pentadbiran baitulmal mempunyai keunikannya. Setiap negeri ada kuasa dia. Mungkin kalau Yang Berhormat Sharifah mungkin dari Johor, saya rasa, apakah yang dimaksudkan tadi Pentadbiran Baitulmal di Johor yang dimaksudkan? Atau pun di seluruh Malaysia. Jadi kalau di Johor itu, saya rasa kena lihatlah apakah ia berlaku? Jadi kita tidak ada maklumat terperinci tentang apa yang disebutkan, isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sharifah tadi. Boleh saya teruskan ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, ya.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Yang berbaki ini kesemuanya berkisar di sekitar halal. Ha, ini bahagian terakhir saya letakkan. Saya longgokkan. Ini yang paling banyak. Ada, saya rasa lima kah enam isu. Isu pun bercabang lagi, beranak lagi isu-isu itu. Jadi, berapa lama saya boleh bercakap, saya nak tahu juga? Saya hendak juga apa keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua? Maknanya kalau sekiranya minta saya berhenti, saya berhenti sahajalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana beri saya peluang memberi panduan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berhadapan dengan masalah untuk menyatakan persetujuan kita di bawah undang-undang Perlembagaan terhadap bajet yang tempoh hari dibentangkan di Dewan Rakyat. Perlembagaan negara kita memberi kita kuasa terhadap dalam perkara ini. Kita suka tidak suka bajet itu tetap sudah pun diluluskan. Diadakan perbahasan selama empat hari yang mana kita memberi masa sepenuhnya kepada semua Yang Berhormat untuk ketengahkan perkara-perkara yang menjadi kesangsian Yang Berhormat sebagai isu-isu. Empat hari dan diperuntukkan dua hari untuk kerajaan menjawab dan apabila sesebuah kerajaan selaku pemerintah menjawab, kerajaan melalui menteri-menterinya boleh memilih untuk menjawab secara berhemah, secara umum, secara terperinci, secara berhelah, biarpun tidak menjawab sekalipun. Perbahasan ini tetap akan dikemukakan untuk diputuskan tentu sekali dalam keadaan bukan semua perkara boleh terjawab dengan sepenuhnya, mustahil.

Maka saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat janganlah cari jawapan-jawapan yang sepenuhnya kerana kalau begitulah kehendaknya, perbahasan terhadap bajet patut berjalan berterusan selama tiga tahun. Jadi, memadai Yang Berhormat-Yang Berhormat sudah pun ketengahkan, dan apabila mengambil kesempatan daripada Peraturan Mesyuarat yang membolehkan Yang Berhormat mengganggu, Peraturan Mesyuarat terang-terang sebut mengganggu, bukan mencelah, bukan minta laluan tetapi mengganggu. Ini tepat kerana apabila berdiri itu rasakanlah bahawa Yang Berhormat berdiri mengganggu kerana kita perlu tamatkan perbahasan esok dan masalah akan dikemukakan untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat putuskan. Jadi, silalah Yang Berhormat sama ada hendak jawab dan gulung cara berhemah, berhelah atau tidak jawab langsung, cara umum atau cara terperinci mengikut kebijaksanaan Yang Berhormat mewakili kerajaan dalam perkara-perkara yang diketengahkan, terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi *guideline*, panduan macam mana kemampuan ataupun dalam bidang kuasa menteri-menteri atau wakil daripada kementerian untuk menjelaskan ataupun untuk memberi reaksi dan respons terhadap apa yang telah dibangkitkan. Jadi, supaya tidak menghampakan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebutlah nama mereka yang telah membangkitkan isu tentang halal ini. Antaranya Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn iaitu membangkitkan tentang pengiklanan barangan halal dalam akhbar tempatan supaya diadakan empat kali seminggu. Saya rasa tidak perlu jawablah sebab hendak iklan ini syarikat dia, syarikat masing-masing bukan kita.

Kemudian penyeragaman logo halal di Malaysia saya rasa cukup jelas diberi kuasa sekarang ini sebagai mana yang telah saya jawab dahulu iaitu penelitian tentang Akta Perihal Dagangan sedang buat oleh AG. Hukuman yang berat dikenakan kepada pihak yang menyalahgunakan logo halal. Jadi, yang sekarang ini dalam Manual Prosedur Persijilan Halal

Malaysia itu pun sudah ada dan saya rasa menakutkan jugalah. Kesalahan pertama Individu dikenakan RM100,000, kesalahan kedua RM200,000 dan sebagainya. Jadi, saya rasa itu telah ada semuanya dalam Manual Prosedur Persijilan Halal.

Yang kedua yang menimbulkan isu ini juga ialah Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang iaitu ke arah perwujudan Halal Hab Nasional. Jadi, ini juga ada kaitannya dengan halal dan kerajaan Malaysia pada umumnya sangat menggalakkan supaya Malaysia menjadi *center* ataupun Halal Hab Nasional ataupun sebagai *center* untuk barang-barangan halal dan sekarang boleh dipertingkatkan lagi maknanya sangat kecil, kalau hendak dibandingkan produk halal dunia ialah sebanyak USD2.1 *thrilion*. Makanan sahaja USD547 bilion. Jadi, kita boleh dikatakan terlalu sedikit lagi yang perlu digembelengkan supaya kita mencapai hasrat tersebut. Walau bagaimanapun, negeri Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan telah berusaha untuk mengadakan Halal Park nya sendiri.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawawi juga telah menimbulkan tentang halal ini iaitu pelaksanaan *Halal Food Industry*. Sebenarnya kita sangat menggalakkan dan pada 15 hingga 17 Disember (semalam) ada satu program di Pulau Pinang iaitu Minggu Halal yang diadakan di International Sport di Pulau Pinang untuk mempromosikan barangan-barangan halal dan sebagainya. Banyak lagi ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawawi, tetapi kerana masa begitu terhad, tetapi saya rasa boleh diikuti, sebahagiannya telah pun dibincangkan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin telah membangkitkan ke arah pengukuhan industri halal negara. Jadi, tentang jawatan-jawatan yang telah ditimbulkan, saya suka menyatakan secara ringkas apabila diteliti Akta Perihal Dagangan 72, sekarang ini berada di peringkat akhir oleh AG, Peguam Negara apabila diserahkan kuasa kalau dipersetujui nanti serah kuasa kepada JAKIM. Dari segi persijilan dan logo itu sebahagiannya sudah ada sekarang dan negeri-negeri akan serah. Kemudian selain daripada itu, penguatkuasaan dan pendakwaan yang sekarang ini berada di sebahagian besar di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ia diteliti dan ada dalam akta perihal dagangan akan diberi kepada menteri untuk serah kepada JAKIM. Itu katanya, saya difahamkan begitu dan kalau ada kita akan fikirkan untuk mengukuhkan, memperkasa dalam penguatkuasaan dan pendakwaan ini. Yang akhir saya rasa, yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin, itu di antaranya ialah menggesa agar pengeluaran logo halal menepati standard yang telah diguna pakai di peringkat antarabangsa.

Jadi, suka saya menyatakan bahawa kita telah mengeluarkan standard Malaysia yang telah pun diperakui kebaikannya merupakan suatu pengukur kepada perjalanan halal, kemudian ada satu lagi Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia telah pun diusahakan oleh pihak JAKIM. Jadi, dihadapkan bahawa apa yang dihasratkan iaitu untuk benar-benar memastikan bahawa standard Malaysia itu mempunyai standard yang menepati pengukur di peringkat antarabangsa

itu akan dapat dilaksanakan. Saya rasa itulah sebahagian secara ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Pohon laluan Yang Berhormat. Boleh mohon laluan?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ringkas sahajalah sebab Tuan Yang di-Pertua hendak segerakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada membangkitkan soal mewujudkan badan profesional untuk industri halal ini seperti LAN ataupun SIRIM supaya kualiti dari segi logo dan sebagainya itu lebih terjamin. Jadi, saya tidak tahu, kalau mungkin tidak ada dalam catatan Yang Berhormat. Cuma saya minta penjelasan apakah tidak ada cadangan untuk mewujudkan badan profesional seperti itu supaya industri halal kita lebih berkualiti.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebenarnya ada, sebab saya mungkin kerana terlalu laju, saya tertinggal. Saya minta maaf. Saya suka menyebut bahawa Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah menimbulkan dua persoalan.

Pertama iaitu tentang pengeluaran sijil halal dan badan profesional. Beliau mencadangkan agar JAKIM sahaja mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan sijil halal dan bukannya pihak swasta. Suka saya nyatakan di sini bahawa Jabatan Peguam Negara berada di peringkat akhir mengkaji undang-undang bagi melantik JAKIM sebagai agensi tunggal pengeluaran sijil dan logo halal. Sekarang ini JAKIM dan juga JAIM, majlis agama dan jabatan agama bersetuju dalam mesyuarat baru-baru ini. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan dihadiri oleh menteri-menteri besar dan ketua menteri bersetuju serah kepada JAKIM. Jadi proses itu sedang dilaksanakan.

Yang keduanya, apabila Akta Perihal Dagangan ini apabila siap nanti memberi kuasa kepada JAKIM dan tidak membenarkan premis-premis tertentu menggunakan logo halal sendiri dan akan diambil tindakan kepada mereka. Sekarang ini tidak boleh sebagaimana yang telah saya jelaskan dulu, mereka bebas dalam Akta Perihal Dagangan yang begitu lama itu, jadi tidak membenarkan. Jadi sekarang akan mengetatkan dari segi kebenaran untuk menggunakan logo halal itu.

Yang ketiga, mengadakan lembaga seperti LAN dan juga SIRIM. Suka saya menyatakan apabila JAKIM diberi kuasa tadi. Selain daripada itu, diberi peruntukan untuk menubuhkan sebuah institut iaitu institut halal dekat dengan INSTEP iaitu di tanah yang telah pun dibeli oleh JAKIM daripada tanah Tabung Haji. Jadi kita akan dirikan, peruntukan telah ada dalam RMK-9. Jadi akan didirikan satu institut sendiri untuk makmalnya, kemudian untuk latihan dan sebagainya. Jadi ia adalah merupakan satu badan yang kita anggap beroperasi secara baik dan kerajaan belum lagi bercadang sebagaimana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pandangan-pandangan mereka yang telah mereka kemukakan, sebahagiannya saya jawab dan sebahagian yang saya tidak sempat jawab secara *detail*. Jadi semuanya dicatatkan dan insya-Allah kita akan ambil kira terhadap pandangan-pandangan tadi. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan yang bernas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi penambahbaikan terhadap perjalanan institusi agama di bawah pentadbiran saya iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekian, assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

##### **3.03 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini".  
hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

*[Majlis Mesyuarat disambung semula]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya kita ada 120 minit tambahan pada petang ini dan masih ada lagi 27 kementerian yang akan menggulung. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

##### **3.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dalam bidang tugas dan

tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi isu-isu yang telah disentuh. Saya akan cuba memberi penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Tuan Gooi Hoe Hin dan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad mencadangkan kerajaan mengkaji semula gaji anggota polis selaras dengan beban tugas yang dipikul ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya pihak kerajaan telah bersetuju supaya gaji dan elaun anggota PDRM dikaji semula secara menyeluruh. Oleh yang demikian, PDRM telah menyediakan satu kertas kerja pindaan skim perkhidmatan gaji serta imbuhan tetap PDRM. Kertas kajian ini telah dirangka oleh sebuah jawatankuasa di peringkat jabatan setelah mengambil kira pandangan daripada semua jabatan dalam PDRM dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Kertas kerja ini sekarang di peringkat kajian oleh agensi pusat dan apabila telah siap disediakan ia akan dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Mohammad juga ingin mengetahui apakah nisbah polis dan rakyat, dan mencadangkan jumlah keanggotaan PDRM diperbesarkan selari dengan tanggungjawab besar yang dipikul. Nisbah penduduk dan polis mengikut standard antarabangsa yang ditetapkan ialah 1:250. Walau bagaimanapun, nisbah antara penduduk Malaysia dan polis secara keseluruhannya ialah 1:291. Tetapi sekiranya dibandingkan dengan nisbah penduduk dan polis yang menjalankan operasi pendedahan ialah 1:697. Jadi polis ini dia ramai, kadang-kadang yang operasi ini tidaklah termasuk PGA, FRU dan sebagainya. Jadi bila kita beroperasi yang narkotik dan sebagainya, Mereka yang kita tugaskan harian. Jadi kita punya nisbah memanglah jauh.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM sentiasa berusaha untuk menambah perjawatan dan kekuatan anggotanya dalam usaha untuk membanteras jenayah dan bebanan tugas yang ada. Jumlah pengambilan baru yang dibuat setiap tahun secara purata adalah 3,500 hingga 4,000. Walaupun kita baru-baru ini telah mengumumkan sebanyak 60 ribu untuk tambahan, tetapi benda ini mengambil masa yang panjang untuk kita tambah. Kerana baru-baru ini apabila kita meluluskan 2,000 kenderaan baru untuk kegunaan PDRM, kita memerlukan 3,000 orang pemandu. Itu pun mengambil masa lebih kurang enam bulan untuk melatih dan pengambilan ini. Jadi ia memanglah memakan masa yang panjang. Sekarang ini PDRM telah membuat permohonan kepada yang pertama, Jabatan Siasatan Jenayah sebanyak 21,294 orang, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik 7,246 orang, Cawangan Khas 3,898 orang dan Bahagian Agama dan Kaunseling 2,800 orang - ini bahagian baru. Kita dulu dalam tentera ada KAGAT, sekarang ini polis pun kita ada juga Bahagian Agama dan Kaunseling yang kita akan tubuh. Sekarang ini adalah di peringkat pengambilan pegawai-pegawai.

Di samping itu juga, PDRM telah memohon perjawatan untuk Kor sukarela polis siswa, Cawangan Teknikal C4I dan Operasi Pusat Kawalan, Pusat Pengajian Sains Pengurusan Krisis dan Bencana serta perjawatan tambahan untuk misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob juga mencadangkan ketua polis negeri dan ketua polis daerah dinaikkan taraf supaya sekurang-kurangnya sama dengan setiausaha kerajaan negeri dan juga pegawai daerah. Memanglah perkara ini kita sedang kaji. Sebenarnya dulu-dulu kalau kita lihat DO (pegawai daerah) dia *at par* dengan polis. Tetapi sekarang ini, jawatan DO ialah satu masa ketika dia juga YDP.

Tetapi sekarang ini DO dan YDP orang yang berbeza. Tetapi polis masih orang yang sama. Begitu juga dengan dua negeri iaitu negeri Sabah dan juga Sarawak, jawatan Ketua Polis Negeri di panggil Pesuruhjaya Polis tetapi kita punya jawatan atau pangkat ialah Penolong Pesuruhjaya. Jadi tidak *balance*. So, sekarang ini selain daripada kita hendak *upgrade* kedudukan, kita hendak juga di balai-balai sekarang ini kita ada ketua-ketua balai terdiri daripada Staf Sarjan, SI dan sebagainya, kita hendak kenaikan kepada Inspektor. Begitu juga di sesetengah negeri, jawatan Ketua Polis ialah berpangkat Timbalan DC, kita naik kepada DC dan juga kepada Commissioner. Perkara ini sedang dibuat oleh pihak polis dan kita sedang kaji.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed mencadangkan supaya Ketua Polis Negara melawat balai polis dan polis trafik yang bertanggungjawab menerima laporan kemalangan jalan raya, supaya kelemahan birokrasi dan rungutan orang ramai mengenai kelewatan pegawai polis mengenai keterangan sesuatu kemalangan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, satu arahan telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara agar Ketua Trafik Pasukan, Ketua Trafik Negeri dan Pegawai Pemerintah melawat ibu pejabat polis daerah dan balai polis dari semasa ke semasa. Jadi perkara ini memanglah dibuat dan saya sendiri pun dari semasa ke semasa saya melawat balai polis dan juga IPK di seluruh negara.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed mencadangkan supaya memperkenalkan sistem giliran untuk orang berurusan, semasa di balai-balai polis. Pada masa ini laporan polis mengenai kemalangan jalan raya dibuat melalui sistem *Computerized Accident Reporting System* yang boleh dibuat di mana-mana balai polis trafik. Dengan cara ini telah memudahkan mereka yang terlibat dengan kemalangan jalan raya melaporkan kejadian dengan kadar segera dan semua siasatan dijalankan oleh pegawai penyiasat trafik mengikut lokasi kemalangan. Jadi di mana-mana balai pun kita sudah boleh *report* sekarang ini. Jadi saya rasa perkara ini tidak ada masalah.

Buat masa ini hanya di Balai Polis Trafik Klang dan Balai Polis Trafik Kuala Lumpur sahaja yang menggunakan Sistem Giliran semasa membuat laporan kemalangan kerana tempat ini memanglah tempat yang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook mencadangkan supaya kerajaan menyediakan kemudahan perumahan dengan konsep BLT, *build, leasing* dan *transfer*

kepada anggota. Ini adalah cadangan yang baik dan kita akan kajilah. Buat ketika ini kita belum ada lagi untuk membuat secara BLT ini kepada mereka tetapi cadangan ini akan kita kajilah.

Yang Berhormat juga ingin mengetahui berapa jumlah peruntukan yang dibagi kepada IPK negeri untuk membeli dan memasang peralatan keselamatan yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2007, PDRM telah diluluskan sebanyak RM35,987,000 untuk program *one off*. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut:

Bahagian Pengurusan	-	RM3,060,000
Bahagian Logistik	-	RM5,937,000
Bahagian KDNKA	-	RM26,990,00
<b>Jumlah</b>	-	<b>RM35,987,000</b>

Jumlah tersebut sebanyak RM9 juta diperuntukkan untuk pemasangan pembelian peralatan keselamatan, perkara-perkara yang diperuntukkannya adalah seperti berikut:

- (i) pembelian pakaian; pemeriksaan badan – RM2 juta;
- (ii) pembelian kenderaan dan peralatan, lain-lain – RM3 juta;
- (iii) penggunaan cermin keselamatan – RM382,400;
- (iv) peralatan kelengkapan unit selam gempur, marin – RM2 juta; dan
- (v) beberapa peralatan lain yang kita telah kenal pasti.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap mencadangkan supaya keselamatan di perairan Sabah dipertingkatkan kerana terdapat banyak kejadian penyeludupan seperti *syabu*, rompakan dan kejadian lanun seperti yang dicadangkan ialah meningkatkan rondaan polis marin dan juga unit udara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memanglah di perairan Sabah kita sentiasa mengadakan tambahan kepada rondaan di sekitar terutama sekali sempadan dengan *Philippine*. Baru-baru ini saya telah melawat dan kita telah meluluskan sebanyak RM12 juta untuk kita *upgrade post* di kawasan-kawasan yang berkenaan. Jadi saya rasa kawasan perairan kita itu adalah berada dalam keadaan yang selamat dan tidak perlu bimbanglah.

Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor membangkitkan berkenaan dengan aspek rawatan penagih dadah seperti penggunaan *methadone* dan juga *subutex* tidak berkesan kerana berlaku penyalahgunaan ubatan tersebut dan campuran bahan asing yang menyebabkan rawatan tersebut tidak berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menjalankan projek perintis rawatan terapi gantian menggunakan *methadone*. Fasa I bermula pada Oktober 2005 sehingga 2006 yang lalu. Seramai 1,241 orang klien telah menyertai program ini. Penggunaan *methadone* dan rawatan pemulihan dadah disokong dengan Program Keputihan terutama melalui kaunseling yang

dirancang begitu teliti dan hasilnya adalah amat memberangsangkan. Maka itu, kita telah membuat fasa yang kedua baru-baru ini dan sudah kita lancarkan.

Baru-baru ini kita juga telah memberi kelulusan kepada pengimport *methadone* ini kepada beberapa *company* lain kerana kita harap dengan bertambahnya pembekalnya, harga *methadone* ini dapat dikurangkan. Akhir-akhir ini kita nampak agak berkesanlah.

Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor juga membangkitkan berkenaan dengan kekurangan operasi penagih dadah membawa kepada penurunan jumlah penagih dadah yang ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005, operasi pihak polis telah berjaya menangkap 133,954 orang yang disyaki terlibat dengan kesalahan dadah. Sehingga Oktober 2006, pihak polis telah menjalankan 45,631 operasi yang melibatkan 118,406 orang yang disyaki mengambil dadah.

Dari jumlah 118,406 orang itu, seramai 31,826 orang telah disahkan positif mengambil dadah dan daripada jumlah tersebut, 17,388 telah didakwa di bawah seksyen 15(1)(a), Akta Dadah Merbahaya 1952 iaitu kesalahan memasukkan dadah ke dalam badan yang membawa kepada hukuman denda tidak melebihi RM5 ribu atau di penjara selama dua tahun. Seramai 4,386 orang pula didakwa di bawah seksyen 6(1)(a), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 yang disahkan penagih dadah dan dimasukkan ke pusat-pusat serenti selama dua tahun. Sementara 10,052 orang didakwa di bawah seksyen 6(1)(b), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di mana pesalah-pesalah ini disyorkan diletak di bawah pengawasan selama dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kedudukan di atas, masalah kekurangan penagih dadah yang ditahan dan dimasukkan ke pusat serenti adalah kerana pesalah-pesalah ini didakwa di bawah seksyen 15(1)(a), Akta Dadah Merbahaya 1952 dan seksyen 6(1)(b), Akta Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1993. Contohnya macam baru-baru ini kita baca dalam surat khabar semalam iaitu dua orang artis yang ditahan di Bukit Kayu Hitam, bila *test* dia punya *urine* memang positif dan di hospital pun positif.

Tetapi doktor tidak mahu mengesahkan bahawa dia adalah seorang penagih dadah. Dan kerana itu dia dibebaskan. Jadi inilah masalah yang dihadapi oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan juga kerajaan di mana mereka ini bahagian kementerian kesihatan terutama sekali doktor tidak berani mengesahkan bahawa mereka ini adalah penagih dadah. Jadi kita tidak boleh tahan di bawah Pusat Serenti dan sebab itulah Pusat Serenti sekarang ini bilangan penagih adalah kurang tetapi dalam masyarakat ramai penagih. Ini adalah satu masalah yang kita hadapi di peringkat kementerian dan perkara ini akan dibawa oleh AADK kepada mesyuarat yang akan datang yang akan dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak supaya benda ini kita kaji balik bagaimana kita hendak melaksanakan. Kerana di Sabah mereka yang terlibat dengan penagihan dadah terutama sekali ....doktor di

Sabah berani mengesahkan mereka sebagai penagih dan mereka di hantar ke pusat-pusat serenti. Ini adalah masalah antara kementerian yang harus kita selesaikan.

Yang Berhormat Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor juga membangkitkan mengenai tiada penyelarasan antara agensi kerajaan dengan NGO dalam usaha memerangi najis dadah. Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat untuk menyatakan bahawa tiada penyelarasan antara agensi kerajaan dan NGO dalam usaha memerangi dadah. Dalam konteks ini terdapat dua kategori NGO. Pertama ialah kategori NGO yang dibantu dan dikawal oleh agensi kerajaan contohnya PEMADAM, Pengasih dan Pedamai di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Persatuan Belia Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Kebajikan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, PIBG di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan Rukun Tetangga di bawah Kementerian Perpaduan. Kedua ialah kategori NGO yang tersendiri tidak menerima bantuan dan tidak dikawal oleh semua agensi kerajaan tetapi berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Bagi kategori NGO yang pertama memang ada bentuk penyelarasan yang dibuat oleh kementerian dan agensi yang berkenaan. NGO berkenaan pada dasarnya diminta untuk mengemukakan program yang hendak dilaksanakan dan seterusnya mengumumkan laporan pelaksanaan sebelum bantuan kewangan seterusnya diberi oleh kerajaan contoh yang terbaik ialah PEMADAM. Bagi PEMADAM setiap komuniti yang di tubuh mempunyai wakil dari AADK dan agensi-agensi yang lain. Penyelarasan adalah berlaku di peringkat ini dan seterusnya di peringkat mesyuarat majlis.

Yang terakhir ialah yang dibangkit oleh Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee mengenai iklan arak yang disiarkan oleh sebuah majalah berbahasa Inggeris yang diletak bersebelahan dengan gambar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang lengkap berpakaian baju Melayu pada bulan puasa yang dilihat berlawanan dengan konsep Islam Hadhari. Apakah tindakan kementerian untuk mengelak daripada perkara seperti ini berulang? Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan penyiaran iklan arak yang disiarkan bersebelahan dengan gambar pemimpin negara yang menyentuh konsep Islam Hadhari, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pada 18 Mei 2006 telah menghubungi pihak media arus perdana seperti *The New Straits Times*, *The Star* dan *The Sun* dan mengingatkan akhbar-akhbar berkenaan supaya berhati-hati dan meminta kerjasama supaya tidak menyiarkan perkara-perkara seumpama ini di masa akan datang. Kementerian sentiasa memantau perkara ini bagi mengelak perkara ini berulang. Tuan Yang di-Pertua sekian sahaja penjelasan saya. Sekiranya masih terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh bagi pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri saya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pertahanan dan saya jemput Timbalan Menteri Pertahanan

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Amat Berhormat saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani dan Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap dan Yang Berhormat Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya. Perkara-perkara ini saya ingin terangkan satu persatu. Apa yang ingin telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhammad bin Abd Ghani ialah tentang kursus latihan peralihan agar mereka iaitu bekas-bekas tentera mendapat kemahiran dan pengalaman bagi menyesuaikan diri dengan corak kehidupan baru selepas menamatkan perkhidmatan.

Saya ingin menerangkan bahawa kerajaan khasnya Kementerian Pertahanan berusaha bersungguh-sungguh supaya kursus peralihan ini dijalankan dan bukan sahaja dijalankan, digalakkan mereka yang bakal meninggalkan angkatan tentera ini agar mengikuti kursus ini dan mengikuti kursus yang sesuai serta mengikuti kursus yang boleh memberi pekerjaan dan profesion yang mereka jalankan ini juga akan menjadi satu *demand* dalam pasaran pekerjaan buruh teknikal di dalam negara kita.

Oleh sebab itu kepada mereka-mereka yang akan bersara, Kementerian Pertahanan khasnya angkatan tentera sendiri menggalakkan mereka untuk menyertai kursus ini menasihatkan mereka untuk mengambil kursus-kursus yang mereka anggap sesuai dan memberi peluang kepada mereka. Kedua-dua perkara ini bukan sahaja di jalankan oleh kementerian bahkan satu jabatan yang telah ditubuhkan di dalam Kementerian Pertahanan iaitu JHEV Jabatan Hal Ehwal Veteran dan PERHEBAT yang mengendalikan kursus-kursus seperti ini. Sayangnya banyak yang mereka ambil, tetapi masih banyak yang ambil yang tidak sesuai. Lebih sayang lagi mengambil sesuatu yang akhirnya tidak dipraktikkan apabila mereka telah bersara. Inilah elemen-elemen yang berlaku di dalam negara kita. Anggota-anggota bekas tentera merungut mengatakan sesuatu tetapi ketika tawaran diberikan, kemudahan diberikan, digalakkan oleh seperti Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani Presiden bekas tentera ini menggalakkan mereka yang belum menjadi ahli menjadi ahli Persatuan Bekas Tentera. Menggalakkan mereka mengikuti kursus.

Yang mengikuti kursus tetapi tidak mengamalkan mengikuti kursus tetapi lain daripada yang dikehendaki maka timbullah masalah ketinggalan, masalah keciciran masalah ketidaksempurnaan, masalah ketidaksempurnaan rasa hati yang lain dibuat yang lain. Saya berharap perkara-perkara ini dapat dijalankan bersama oleh Persatuan Bekas Perajurit, JHEV dan PERHEBAT dalam rundingan yang patut diadakan pada awal-awal tahun apabila ada anggota keluarga bekas tentera yang akan bersara dalam tempoh 6 bulan 7 bulan atau setahun lagi kita boleh selaraskan perkara ini. dan Kementerian Pertahanan khasnya Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan sentiasa memberitahu satu pandangan, satu pendekatan supaya

tidak timbul bahawa anggota bekas tentera ini tertinggal. Kerana tidak ada peluang untuk melanjutkan profesion ataupun menjalankan kepakaran mereka waktu di dalam tentera dapat diteruskan apabila mereka telah terdedah kepada pekerjaan kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, PERHEBAT sentiasa menggalakkan dan memberi peluang kepada perkara ini dan PERHEBAT sendiri ada menganjurkan kursus-kursus yang anggota mereka kehendaki ataupun yang dipandang oleh PERHEBAT adalah sesuai. Cuma orang kata, pertemuan itu tidak menjadi respons yang cukup baik yang menjadikan rumah sudah siap, pahat masih berbunyi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan juga telah diajukan dengan persoalan tentang apakah yang boleh dilakukan oleh Kementerian Pertahanan, khasnya JHEV dalam menghadapi masalah sosial anggota-anggota tentera ini. Dalam bidang yang telah dibangkitkan ini, Kementerian Pertahanan khasnya JHEV menjalankan usaha supaya diharapkan dan sudah tentulah kita tidak dapat memberi satu pengakuan seratus peratus. Tetapi apa yang JHEV boleh tolong, apa sumber kewangan yang JHEV dapat, JHEV dapat membantu kalangan keluarga bekas tentera ini dan termasuk peribadi anggota bekas tentera ini.

Tetapi sayangnya Tuan Yang di-Pertua, apabila Jabatan Hal Ehwal Veteran dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera ini mengelolakan satu kempen untuk memungut derma sempena Hari Pahlawan, respons yang didapati daripada orang ramai dan ahli-ahli korporat adalah tidak menggalakkan. Tahun ini kita hanya dapat memungut lebih kurang RM700,000 lebih dan memang tidak cukup kalau tidak ada bantuan daripada kerajaan. Tetapi kita berharap bahawa Jabatan Hal Ehwal Veteran, Persatuan Bekas Perajurit dan ahli-ahli korporat yang lain dapat membantu gerakan sosial dan kepentingan bekas tentera ini dalam khidmat kepentingan negara.

Ini kerana pengorbanan yang telah diberikan oleh anggota-anggota tentera dalam tanah air kita, laut, darat dan udara adalah sangat besar dan sangat bernilai kepada 56 juta rakyat di dalam negara ini bukan sahaja yang berniaga tetapi yang bersekolah, sub-sub pengajian tinggi, peniaga di perdagangan laut dalam dan laut lepas. Kita berharap dengan pendapatan, kalau ada rasa kepekaan dan rasa sensitiviti kita untuk membantu bekas tentera janganlah hanya kita serahkan kepada kerajaan untuk mengadakan kepentingan dan kemudahan kepada anggota-anggota dan keluarga bekas tentera ini.

Kebanyakan bekas tentera ini memang sekarang kita galakkan supaya mereka jangan berhenti meninggalkan perjawatan sebelum mereka mendapat pencen. Kita galakkan supaya mereka terus berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun untuk mereka dapat pencen. Dalam masa yang sama, kita beri mereka latihan dan kursus profesion dan semi profesion yang ada, yang dianjurkan, yang dibayar dan yang dibiayai oleh badan-badan yang telah saya sebutkan tadi supaya mereka tidak tertinggal waktu mereka telah habis perkhidmatan. Pendapatan

mereka hanya pencen daripada khidmat mereka. Tetapi kita menganjurkan supaya peluang penambahan ini diadakan.

Dalam masa yang sama, dalam soal lisan pada suatu ketika, Yang Berhormat telah menyarankan, bahkan Ahli Parlimen menyarankan supaya JHEV berunding dengan jabatan-jabatan kerajaan supaya menerima ahli-ahli bekas tentera ini yang telah pencen sewaktu masih muda kerana mereka memasuki pekerjaan sebagai seorang tentera ketika umur 20-21 tahun dan ketika mereka sampai kepada saat berpencen umur baru 40-41 tahun, mereka boleh bekerja.

Dalam servis kerajaan yang lain, orang yang sudah berpencen ketika umur 55 tahun, anggota tentera berpencen ketika umur 40-41 tahun, kalau jabatan dan agensi-agensi dan korporat yang lain boleh menerima untuk mengisi jawatan kosong dan keperluan tenaga mahir yang ada di dalam angkatan tentera yang mempunyai disiplin dan pengakuan kesungguhan ini dapat mengurangkan beban mereka ini.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap membangkitkan masalah keselamatan iaitu memperketat rondaan perairan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Sabah ini bukanlah satu negeri di dalam tanah air kita yang tertinggal. Kalaupun terdapat berlakunya keadaan-keadaan keselamatan yang kurang, tetapi perairan Sabah, pantai Sabah adalah luas. Tetapi saya percaya bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan telah meletakkan prioriti keselamatan dan pertahanan negara di Sabah telah sama dengan perairan-perairan pantai yang lain.

Di Sabah juga menjadi satu tempat di mana kita meletakkan tempat pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, khasnya pangkalan kapal selam di Sepanggar. Bagi rondaan-rondaan perairan di Sabah ini terus kita jalankan pada setiap masa. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, sebuah kapal TLDM dan dua Bot Kombat meronda di kawasan Perairan Sabah. Di pulau-pulau, *troops* ataupun pasukan angkatan tentera di tempatkan secara tetap. Kalau sebahagian daripada mereka ini bertukar, hanya ada pertukaran tiga bulan sekali. Kita yakin bahawa sistem yang telah kita aturkan ini boleh memberi kebaikan bukan sahaja kepada rakyat dan negeri Sabah, tetapi untuk imej pertahanan kepada negara keseluruhannya.

Di Sabah juga kita letakkan satu komando tentera laut iaitu PASKAL dan kita ada dua tempat yang kita tetapkan gerakan komando tentera laut di Semporna, Sabah dan di Lumut, Semenanjung. Komando pasukan tentera laut ini kita lengkapkan sesuai dengan anggapan kita, tindakan yang dibuat oleh musuh dan perancangan kita bagi kekuatan dan juga kemampuan PASKAL bagi kita mengambil tindakan. Dalam masa yang sama untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap, bukan tentera laut sahaja yang kita tetapkan, kita juga ada mempunyai *standby* tentera udara kita yang boleh bergerak pada bila-bila masa yang diperlukan. Ada di dua tempat iaitu di Tawau dan Labuan. Sebarang keadaan yang tidak selamat di perairan Sabah dan sekiranya kelewatan yang diambil oleh tentera laut, maka tentera udara kita akan memberi *support* kepada kejadian yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah telah membangkitkan tentang penyertaan wanita. Saya sangat terpicik dengan persoalan ini. Kalau dahulu orang tidak memberi kepercayaan tetapi di dalam sejarah Melayu, pahlawan-pahlawan daripada kalangan wanita menjadi yang masyhur dan perjuangan di dalam Islam pun ada semangat kewanitaan dan kesungguhan. Sejarah negara jiran pun, kepahlawanan dalam kewanitaan ini terdampar seperti kepahlawanan kewanitaan dalam negara kita. Penyertaan mereka di dalam ATMA adalah diberi tetapi berlandaskan kepada unit-unit yang tertentu.

Penuntut ATMA sekarang seramai 181 orang atau 13% daripada 1,427 orang penuntut. ATMA telah berjaya mengeluarkan seramai 136 graduan wanita. Untuk pengetahuan mana-mana yang telah dimasukkan di dalam ATMA yang berkelulusan SPM dan akhirnya boleh mendapat diploma dalam profesion angkatan tentera ataupun akhirnya sesetengahnya dimasukkan sebagai bekas graduan ataupun graduan dan akhirnya keluar dan memakai jawatan kapten, kita telah putuskan ATMA ini akan dinaikkan taraf menjadi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Ketika menjadi universiti pun Yang Berhormat Dr. Hajah kita tidak menutup peluang, wanita kita yang bersemangat waja dan ingin mencebur diri dalam bidang pertahanan yang akan menjadi srikandi yang boleh kita banggakan akan menerima mereka menjadi pelajar tetapi hendaklah cukup syarat dan kredibiliti yang dikehendaki.

ATMA telah mengeluarkan 136 orang graduan wanita iaitu 13.3% daripada jumlah 1,017 orang dan saya percaya bukan sahaja di ATMA yang kita ambil wanita ini, kita juga ambil wanita yang berkhidmat dalam anggota tentera apabila masanya diperlukan dan sudah tentu ada wanita yang agak setanding dan telah mencabar kemampuan lelaki di dalam angkatan tentera. Yang Berhormat yang ada anak-anak perempuan patut digalakkan.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ada anak perempuan kah?

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Tak ada. Selain daripada menarik wanita untuk menyertai anggota tentera adakah bercadang untuk menarik lebih masyarakat kaum Cina untuk menjadi askar di Malaysia. Adakah rancangan yang terbaik untuk menarik mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pertahanan ini tidak menjurus program untuk sektor kaum yang tertentu mesti berkhidmat di dalam anggota tentera. Kita buka peluang dan apabila kita mengambil yang pangkat bawah, ataupun yang mengambil pangkat atas mengikut tata cara dan kebolehan yang kita kehendak.

Jangan yang datang dengan kelulusan yang baik berdiri dengan tegak, tetapi berkawad tangan bengkok kita tidak terima dan jangan bila pandang elok tetapi bila kita renung, mata tak tepat, satu Singapura, satu Penang tidak boleh terima. Syarat mesti kita kekalkan dan kalau tidak diterima bukan kerana ada penyisihan dari segi keturunan kaum. Dan ini memang banyak

ditanya adakah kita menggalakkan orang India dan orang Cina menyertai anggota tentera. Kita buka, kita hendak mereka berkorban untuk tanah air ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

### 3.44 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, kerajaan amat prihatin ke atas masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah akibat projek perumahan terbengkalai. Oleh yang demikian, pihak kementerian telah mengambil berbagai-bagai langkah bagi menangani masalah projek perumahan terbengkalai.

Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil pihak kementerian bagi mengawal dan mengatasi projek perumahan terbengkalai adalah setiap berikut:

- (i) prosedur pengeluaran lesen pemaju perumahan diperketat dengan menitik beratkan aspek keupayaan kewangan syarikat;
- (ii) pengawasan projek dibuat secara berterusan melalui laporan kemajuan fizikal yang wajib dikemukakan setiap enam bulan;
- (iii) menggiatkan lawatan ke tapak projek dan pejabat pemaju untuk membuat semakan dan pemeriksaan ke atas maklumat yang diberikan;
- (iv) mempertimbangkan kawalan ke atas akaun pemajuan perumahan, yang mana tata kemasukan dan pengeluaran wang daripada kaunter tersebut perlu mematuhi peraturan-peraturan pemajuan perumahan, Akaun Pemajuan Perumahan 1991;
- (v) mempertingkatkan semakan ke atas tuntutan yang dibuat oleh pemaju perumahan di bawah peraturan daripada akaun kemajuan perumahan;
- (vi) mempertingkatkan kawalan ke atas penyata kewangan beraudit syarikat;
- (vii) mengambil tindakan undang-undang ke atas pemaju yang didapati melanggar akta ataupun peraturan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 118; dan
- (viii) memberi pilihan kepada pemaju untuk melaksanakan konsep bina dan kemudian jual dengan varian 10:90 di samping konsep yang diamalkan sekarang. Konsep bina dan kemudian jual akan dilaksanakan setelah

pindaan Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan 2006 diluluskan oleh Dewan Yang Mulia.

Berkenaan dengan ingkar *award*, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook, setakat 30 November 2006, sebanyak 185 pemaju terlibat di dalam 3,083 kes ingkar *Award* Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ataupun TTPR. Daripada bilangan tersebut 40 kes telah disabitkan kesalahan dan dikenakan denda sebanyak RM1,200 sehingga RM2,500 bagi setiap kes.

Manakala 41 kes telah dilepaskan tanpa dibebaskan, 162 kes telah ditarik balik kerana pemaju telah membayar *award* sepenuhnya, 129 kes sedang dalam proses perbicaraan di mahkamah. Baki kes sedang dalam proses siasatan oleh kementerian.

Pihak kementerian tidak ada menjalankan siasatan rasmi berkenaan dengan isu mengapa pemaju enggan membayar pampasan yang telah diputuskan oleh TTPR. Namun begitu beberapa perkara telah dikenal pasti sebagai sebab-sebab lazim mengapa pemaju ingkar untuk membayar ganti rugi seperti yang telah diperingatkan di dalam *award*. Antaranya ialah:

- (i) pemaju tidak berpuas hati dengan keputusan TTPR dan memfailkan semakan kehakiman ataupun *judicial review* di Mahkamah Tinggi;
- (ii) pemaju menghadapi masalah kewangan dan tidak mampu untuk membayar keseluruhan atau sebahagian jumlah ganti rugi yang telah diperintahkan di dalam *award*;
- (iii) pemaju telah diisytiharkan bankrap dan tidak dapat dikesan;
- (iv) pemaju mempunyai banyak kes tuntutan di TTPR dan tidak mampu untuk membayar keseluruhan atau sebahagian jumlah ganti rugi yang telah diperintahkan di dalam *award* mengikut masa yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan *award* TTPR dipatuhi oleh pemaju, pihak kementerian telah mencadangkan supaya denda ke atas kesalahan ingkar *award* dinaikkan daripada RM5,000 maksimum, kepada RM5,000 hingga RM10,000 melalui pindaan Akta Pemajuan Perumahan 2006 yang akan dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini nanti.

Berkenaan dengan setinggan sifar di negeri Selangor yang perlu dicontohi bagi menangani kemiskinan bandar. Pihak kementerian akan mengambil perhatian akan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook supaya negeri Selangor dijadikan contoh kepada negeri-negeri lain dengan meneruskan usaha setinggan sifar bagi membasmi kemiskinan bandar.

Pelaksanaan Dasar Setinggan Sifar di negeri Selangor telah mencapai matlamatnya pada tahun 2005. Hanya terdapat lebih kurang 3.2% ataupun 1,493 keluarga setinggan yang belum dipindahkan lagi. Ini adalah disebabkan terdapat injunsi yang dikeluarkan oleh mahkamah

untuk menghalang perpindahan setinggan di Selangor. Dasar ini seharusnya dicontohi oleh negeri-negeri lain untuk mengatasi masalah setinggan di negeri masing-masing.

Satu *blueprint* perlu disediakan oleh setiap negeri untuk memastikan masalah setinggan dapat diatasi secara berkesan. Walau bagaimanapun, selain daripada aspek perumahan, aspek-aspek penjanaaan penempatan, bantuan pendidikan, latihan, kesihatan dan kebajikan perlu diberikan perhatian dalam usaha untuk membasmi kemiskinan bandar.

Isu memberi pinjaman wang tanpa lesen ataupun *Ah Long*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad, Yang Berhormat Senator M. Munusamy dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, kerajaan mengambil berat akan masalah yang berbangkit daripada kegiatan memberi pinjaman wang tanpa lesen ataupun *Ah Long*. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Disember 2006, telah memutuskan pembentukan satu jawatankuasa khas yang bertujuan untuk membanteras kegiatan *Ah Long*. Ia diketuai oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan pegawai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai ahli kepada jawatankuasa tersebut.

Pembanterasannya kegiatan tersebut akan diberikan keutamaan oleh pihak Polis Diraja Malaysia, manakala kementerian ini akan mengawal selia kegiatan pemberi pinjam wang yang berlesen. Pengawasan dan penguatkuasaan ke atas kegiatan pemberi pinjam wang menggunakan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjaman Wang Kawalan dan Pelesenan 2003, mula berkuat kuasa pada 1 November 2003. Akta dan peraturan ini digubal dan dipinda bagi memberi perlindungan kepada peminjam dan untuk mengawasi perniagaan pemberi pinjam wang, sama ada yang berlesen atau tidak berlesen. Sehingga September 2006, jumlah pemberi pinjam wang yang diberikan lesen oleh kementerian ialah sebanyak 3,154.

Di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, kuasa penyiasatan, memeriksa, sita dan tangkapan diberikan kepada pegawai pemeriksa yang dilantik oleh kementerian dan juga polis. Di samping akta ini, polis juga mempunyai bidang kuasa di bawah lain-lain akta seperti Akta Kanun Keseksaan dan Akta...

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Pohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang sudi menjawab. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah jumlah 3,154 iaitu mengenai lesen yang diberi untuk pemberi pinjam wang ini termasuk bank-bank yang telah pun mungkin ada di pasaran?

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih, Yang Berhormat. Bank tidak di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini adalah pemberi pinjam wang yang dilesenkan oleh kementerian kita.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Polis juga mempunyai bidang kuasa di bawah lain-lain akta seperti Akta Kanun Keseksaan dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 untuk mengambil tindakan ke atas *Ah Long* sekiranya wujud unsur keganasan, khianat, ugutan dan sebagainya.

Dari bulan November 2003 sehingga November 2006 sebanyak 162 pengaduan telah diterima dan penyiasatan telah dan sedang dijalankan ke atas pengaduan-pengaduan tersebut. Sebanyak lima kes telah didakwa di mahkamah. Tindakan siasatan dan serbuan juga dijalankan dari masa ke semasa sekiranya pihak berkuasa mendapat maklumat berhubung dengan kegiatan *Ah Long*.

Usaha untuk membanteras kegiatan *Ah Long* akan lebih berjaya jika mendapat kerjasama penuh daripada media dan masyarakat. Media massa perlu memainkan peranan untuk memberi kesedaran secara berterusan kepada masyarakat agar membuat pinjaman wang daripada pemberi pinjaman wang yang berlesen sahaja. Masyarakat pula perlu tampil ke hadapan dengan memberikan maklumat-maklumat seperti siapakah yang menjadi *Ah Long*, di mana pejabatnya dan siapa mangsanya, kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan sewajarnya...

**Tuan M. Munusamy:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak usahlah minta laluan untuk ucap tahniah.

**Tuan M. Munusamy:** ...Kerana mewujudkan satu jawatankuasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak usahlah minta laluan untuk ucap tahniah.

**Tuan M. Munusamy:** Soalan saya adalah bertujuan untuk meminta jawatankuasa yang telah ditubuhkan itu, pada masa sekarang kita nampak di semua tempat khususnya di kawasan-kawasan PBT di mana *Ah Long-Ah Long* ini telah menampal nombor-nombor telefon di semua tempat, di papan tanda, di jalan raya dan di mana-mana tempat pun mereka mempamerkan nombor-nombor telefon dan kadang-kadang ada juga alamat mereka. Adakah pihak PBT mengambil tindakan ke atas mereka. Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini bukan dibuat oleh pihak PBT. Ia di bawah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga pihak polis. Jika Yang Berhormat atau sesiapa sahaja ahli-ahli masyarakat yang mengetahui tentang perkara ini, ada pameran iklan-iklan yang tidak patut dibuat oleh *Ah Long* ini, silalah buat laporan kepada pihak yang berkuasa, ertinya di pihak kementerian ataupun kepada pihak polis dan tindakan akan diambil.

**Tuan M. Munusamy:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat. Kalau saya benarkan, andaikan, Yang Berhormat bertanya, jawab, tidak puas hati lagi, tanya, jawab. Tanya lagi, jawab. Jadi, saya akan kemukakan kepada masalah kepada Dewan Negara setuju atau tidak setuju *Ah Long*, bukan rang undang-undang. Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan sistem penyampaian perkhidmatan PBT yang lebih berkesan, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, kerajaan telah memperkenalkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta sedikit gangguan. Ahli-ahli Yang Berhormat, empat hari kita bercakap kerajaan dengar, tidak sekali pun ganggu. Dua hari kerajaan cakap, kita dengar. Bolehlah sekali-sekala ganggu. Itu perbahasan namanya. Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Boleh saya minta penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada siapa itu?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Peraturan-peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Saya akui, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadang-kadang memang Ahli Dewan buat ucapan selama dua hari. Kadang-kadang wakil kementerian atau pihak kementerian menjawab. Kita inginkan penjelasan. Apakah penjelasan ini sebagai gangguan ataupun tidak boleh minta penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk menjelaskannya, saya minta Yang Berhormat teliti buku merah yang dibekalkan selepas Yang Berhormat mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara. *[Menunjukkan sebuah buku berwarna merah]* Ada lebih kurang 100 atau 99 - dan satu sahaja tempat yang mana Peraturan Mesyuarat sebut tentang hal ini iaitu di perkara 36: "*Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali ...*" Aliran bahasa itu lebih kurang macam banyak tempat dalam Al-Quran, "*...tidak boleh melainkan*". Semangatnya ialah mirip kepada "*tidak boleh...*", kecuali:

- (a) "*...Jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan dengan tertib mesyuarat...*" kena sebut Peraturan Mesyuarat di mana Ahli yang bercakap itu salah; dan
- (b) "*Jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang bercakap itu beri laluan...*"

Jadi, di sebalik semangat ini ialah memelihara perbahasan, bukan tanya pi, tanya mai, tanya pi, tanya mai, tidak habis-habis. Itu, saya harap cukup penjelasan saya. Itu pun saya buat penerangan dengan tidak langsung menganggapkan Yang Berhormat mempertikaikan keputusan saya untuk mengendalikan perbahasan begini rupa. Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah memperkenalkan kaedah-kaedah atau mekanisme bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT di seluruh negara. Antaranya ialah:

- (i) mengkaji semula dari masa ke semasa rang undang-undang, proses dan prosedur kerja melalui Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan yang ditubuhkan di PBT;
- (ii) bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Biro Pengaduan Awam (BPA) dalam menganalisis aduan orang ramai tentang sistem penyampaian perkhidmatan di PBT;
- (iii) menyediakan garis panduan yang seragam dan mudah untuk diguna pakai oleh semua PBT;
- (iv) pelaksanaan ISO di semua PBT;
- (v) pelaksanaan *Key Performance Indicator* atau KPI; dan
- (vi) melaksanakan e-PBT yang melibatkan usaha penyelarasan empat sistem aplikasi utama yang menyokong perkhidmatan teras PBT. Skop aplikasi utama e-PBT adalah sistem perakaunan, sistem hasil, sistem *e-submission* dan sistem aduan.
- (vii) Seterusnya menubuhkan *one stop centre* di peringkat negeri dan PBT bagi mempercepatkan proses kelulusan pembangunan tanah, kebenaran merancang, pelan pembangunan dan pengeluaran CFO serta memperkenalkan mekanisme baru CCC bagi menggantikan CFO.
- (viii) Seterusnya penambahbaikan kepada pelaksanaan 64 langkah bagi meningkatkan sistem penyampaian e-PBT.

Berhubung dengan permintaan Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, yang ingin mendapatkan statistik bagi jumlah projek swasta yang diluluskan oleh PBT dan jumlah CFO yang dikeluarkan oleh PBT mengikut tempoh masa memproses kelulusan, pihak kementerian akan mendapatkan maklumat-maklumat tersebut dari PBT dan *National Property Information Centre* Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia dan akan dikemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Isu pusat hiburan, rumah urut, pusat kecantikan. Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad agar undang-undang kecil rumah urut diselaraskan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya memohon laluan sebentar. Yang Berhormat, untuk menjelaskan lagi terlintas pada pemikiran saya, kita akan undi apabila tamat perbahasan seperti mana-mana undi pilihan raya atau mana-mana mesyuarat yang akan ditamatkan dengan pengundian, bermakna selalu didahului oleh satu pihak cakap, satu pihak cakap balik, satu pihak cakap, satu pihak cakap balik mengikut peraturan dan di akhirnya akan undi. Bukan bermakna satu pihak dah jawab semua yang satu pihak timbul. Sebab itu di akhir

satu pihak diberi peluang cakap, satu pihak diberi peluang cakap mengikut peraturan dan di akhirnya kita akan undi di tengah-tengah, semua orang tak puas hati.

Ini semangat sesuatu perbahasan. Walau bagaimanapun, untuk menghidupkan perbahasan dan menjelaskan lagi sekadar yang kita mampu, akan dibenarkan satu, dua gangguan. Tetapi tidak gangguan yang bertubi-tubi dari seorang ahli atau terlalu banyak gangguan dari banyak ahli. Jadi saya putuskan seorang boleh ganggu sekali dan paling banyak apabila seorang Timbalan Menteri atau Menteri menjawab, saya akan benarkan dua gangguan atau tiga gangguan. Itu sahaja. Bagi mengemas kini perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad agar Undang-undang Kecil Rumah Urut diselaraskan dengan Undang-undang Kecil *Establishment*, Kecantikan dan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2003, sukacita dimaklumkan bahawa pihak kementerian melalui Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan pada 15 Oktober 1987 telah pun meluluskan 15 undang-undang kecil di mana salah satu daripadanya adalah Undang-undang Kecil Rumah Urut untuk diguna pakai dan dilaksanakan oleh semua PBT di Semenanjung Malaysia. Pemakaian Undang-undang Kecil *Establishment*, Kecantikan dan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2003, adalah terhad kepada Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sahaja.

Pada masa ini, pihak kementerian sedang mengkaji cadangan untuk mewujudkan satu akta khusus bagi industri spa dan rumah urut untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh negara.

Mengenai cadangan menubuhkan suruhanjaya untuk mengkaji Akta Kerajaan Tempatan, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, pada masa ini pihak kementerian sedang dalam proses untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 dengan mengambil kira perubahan dan keperluan semasa, implikasi perundangan, kewangan dan perjawatan PBT.

Selain mendapatkan maklum balas dan input dari PBT, pihak kementerian juga telah mendapat khidmat nasihat daripada pihak Peguam Negara, JPA, INTAN, MAMPU dan Unit Perundingan Universiti Malaya bagi mengkaji, meneliti dan menyemak keadaan cadangan pindaan akta tersebut.

Mengenai isu pelantikan Ahli-ahli Majlis e-PBT. Mengenai isu pelantikan Ahli-ahli Majlis e-PBT yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar, ingin dimaklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan oleh Jemaah Menteri dan memutuskan supaya Sistem Pelantikan Ahli-ahli Majlis PBT seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Akta 171 perlu dikekalkan.

Dan didapati Ahli-ahli Majlis yang dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri pada masa ini mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah akta tersebut. Kes-kes penyelewengan di kalangan Ahli-ahli Majlis adalah merupakan kes yang terpencil berbanding bilangan Ahli-ahli

Majlis di seluruh negara yang telah banyak memberi sumbangan untuk pembangunan di kawasan PBT masing-masing. Banyak usaha dan langkah telah dan sedang diambil untuk penambahbaikan perkhidmatan yang disediakan oleh PBT. Ini termasuklah usaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti Ahli-ahli Majlis e-PBT dengan memberi pendedahan kepada mereka daripada segi pengurusan dan undang-undang yang berkaitan dengan kerajaan tempatan melalui kursus, seminar dan forum-forum yang dianjurkan oleh PBT, kerajaan negeri dan juga kementerian. Di samping itu, pihak kementerian juga bercadang untuk meminda Akta 171 bagi menambah bilangan Ahli Majlis supaya lebih ramai golongan profesional dan wakil-wakil NGO boleh dilantik untuk menjadi Ahli Majlis.

Berkenaan dengan isu penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, kerajaan mengambil perhatian yang serius terhadap usaha untuk membanteras amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di samping usaha untuk meningkatkan kecekapan bagi memastikan PBT dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat dan pelabur.

Sehubungan dengan itu, antara langkah utama yang telah diambil adalah penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah termasuklah di peringkat PBT. Tujuan utama penubuhan JKP ini adalah supaya usaha-usaha pembanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan pegawai badan awam dapat dipertingkatkan secara dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterusan. Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Integriti Nasional atau pun PIN yang menjadi agenda kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berrasuah tinggi khususnya bebas rasuah.

PIN menetapkan lima sasaran utama yang dikenali sebagai TEKAD 2008, dan salah satunya adalah mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan. Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi. Oleh itu, sebagai agensi yang sentiasa berurusan dengan pelanggan dan terlibat dalam proses kelulusan pembangunan, maka pelaksanaan JKP dan PIN ini dapat membantu PBT membendung masalah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Isu meningkatkan pendapatan PBT. Pihak kementerian telah mengambil perhatian atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook bagi meningkatkan sumber pendapatan PBT. Bagi menambah sumber pendapatan PBT, melalui Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada Oktober 2004, kerajaan telah bersetuju supaya kerajaan negeri membenarkan PBT menaikkan kadar taksiran secara seragam tanpa perlu melaksanakan penilaian semula. Di samping itu, Mesyuarat MNKT pada Jun 2006 telah bersetuju dinaikkan kadar geran tahunan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PBT dari RM8.4 juta kepada RM236 juta iaitu kenaikan hampir tiga kali ganda. Geran tahunan ini disalurkan terus dari kementerian kepada PBT.

Selain daripada memberi geran permohonan kepada PBT, kerajaan sentiasa menggalakkan PBT untuk meneroka punca-punca hasil baru. Antaranya ialah PBT mempercepatkan cukai taksiran terhadap pegangan-pegangan yang telah diberikan CFO. Melaksanakan pelbagai kaedah untuk mengutip tunggakan cukai. Menyediakan kemudahan kaedah pembayaran cukai yang lebih mudah dan cekap seperti yang diamalkan oleh bank institusi contohnya *internet banking*, perkhidmatan *auto billing*, membuka pejabat cawangan, kaunter sementara dan sebagainya dan melabur dalam sektor hartanah dengan membeli lot-lot kedai atau pejabat yang strategik untuk disewa bagi PBT yang mampu.

Isu ubah suai bangunan tanpa kelulusan pelan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, perbuatan menambah atau mengubahsuai bangunan tanpa mendapat kelulusan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Akta 133 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Bagi membendung aktiviti tersebut denda maksimum yang boleh dikenakan di bawah Akta 133 telah dicadang untuk dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM50,000 atau penjara tidak lebih daripada 3 tahun atau kedua-keduanya sekali. Melalui pindaan Akta 133 yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini nanti.

Tidak dapat dinafikan bahawa pihak PBT menghadapi masalah untuk menjalankan penguatkuasaan ke atas aktiviti ubahsuai bangunan secara haram disebabkan kekurangan kakitangan penguat kuasa berbanding keluasan kawasan yang ditadbir. Dalam hal ini kerjasama penduduk setempat adalah penting bagi mematuhi undang-undang yang berkaitan.

Di samping itu pihak kementerian akan menasihat agar semua PBT mengambil tindakan untuk menambah bilangan kakitangan penguat kuasa berikutan penambahan jumlah geran tahunan yang diberikan kepada PBT oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkenaan dengan isu lawatan ke luar negara dan jamuan Hari Raya oleh PBT Johor Baru. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, program lawatan ke luar negara dan majlis-majlis rasmi lain yang dianjurkan oleh PBT diadakan setelah merujuk dan mendapat persetujuan pihak berkuasa negeri dengan mengambil kira faedah dan kebaikan yang diperolehi oleh PBT, masyarakat dan Kerajaan Negeri. Program-program tersebut adalah di luar kawalan kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kementerian. Segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Kementerian Kerja Raya.

**4.12 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat senator yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Bajet 2007 bagi mesyuarat ke-3 penggal ke-3 Dewan Negara yang ke - 11. saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani telah meminta agar blok baru hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu dapat disiapkan dengan segera. Untuk makluman ahli Yang Berhormat setelah diteliti dan disemak projek berkenaan, kementerian ini tidak terlibat dalam pelaksanaan projek blok baru ini ianya dilaksanakan sendiri oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik telah mencadangkan agar Jabatan Kerja Raya sendiri mereka bentuk 79 buah projek yang telah diumumkan oleh Kementerian Pelajaran. Bukannya secara *design and build* kerana ini akan dapat menjimatkan yuran perunding. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua projek pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke -9 yang diserahkan oleh kepada Jabatan Kerja Raya oleh Kementerian Pelajaran untuk dilaksanakan adalah berasaskan reka bentuk yang dibuat oleh JKR sendiri bukan secara *design and build*.

Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah membangkitkan ketidakadilan dalam pemberian projek-projek kepada kontraktor kelas F, beliau telah mencadangkan Pejabat Daerah dan JKR turut terlibat dalam proses pengundian tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan kerja oleh JKR untuk kontraktor kelas F adalah berdasarkan tatacara di bawah arahan perbendaharaan iaitu sebut harga undian mengikut jadual kadar harga dan pelantikan terus mengikut had kewangan yang terkandung dalam arahan perbendaharaan. Jabatan Kerja Raya sedia membantu Pejabat Daerah atau agensi lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan isu pertindihan fungsi di antara kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat isu pertindihan fungsi tidak timbul kerana menurut akta fungsi-fungsi menteri Kerajaan Persekutuan kedua 2004 yang telah diwartakan melalui PUA 206 bertarikh 24 Jun 2004 telah menggariskan dengan jelas fungsi-fungsi setiap menteri dan Timbalan Menteri yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Oleh yang demikian, sebarang fungsi yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dan juga agensi kerajaan adalah mengikut fungsi-fungsi menteri Kerajaan Persekutuan. Walaupun fungsi yang dinyatakan jelas, mungkin terdapat perbezaan dalam menginterpretasi persepsi orang ramai mengenai fungsi tersebut. Bagi membetulkan salah tanggapan orang awam, beberapa tindakan telah diambil oleh pihak kementerian seperti berikut, pertama, mengadakan

perbincangan antara kementerian yang terlibat, yang kedua merujuk kembali kepada Akta fungsi-fungsi menteri 1969, dan yang ketiga mengkaji kaedah pelaksanaan yang diguna pakai.

Tuan Yang di-Pertua, 3 Senator iaitu Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah mengajukan soalan yang hampir sama. Saya mohon izin menjawab sekali gus.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah membangkitkan isu perjanjian konsesi antara kerajaan dengan PLUS yang telah menyebabkan rakyat di peringkat bawahan menanggung beban kenaikan harga tol. Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee meminta Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menengguhkan dahulu kenaikan tol di lima lebih raya kerana walaupun tol dinaikkan, kemudahan yang disediakan masih di takuk lama. Sebagai contoh lorong Smart Tag di Jambatan Pulau Pinang perlu ditambah kerana sekiranya berlaku kerosakan, pengguna tidak ada pilihan selain dari menunggu. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah meminta Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengkaji supaya kerajaan menanggung kos tol yang sama purata sebanyak 50% dari kadar tol yang dikenakan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan kadar tol bagi Lebu Raya Utara Selatan yang diberi hak konsesi kepada projek Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) termaktub dalam perjanjian konsesi dengan kekerapan kenaikan setiap 3 tahun pada kadar 10% sehingga tamat tempoh konsesi pada tahun 2038. Jika kerajaan tidak menaikkan kadar tol seperti yang dijadualkan, kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada PLUS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan dua kali semakan semula kadar tol bagi Lebu Raya Utara Selatan dengan meluluskan kadar tol yang lebih rendah untuk sepanjang tempoh konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan kadar tol di 5 lebu raya seperti yang diumumkan dan tidak bercadang untuk menengguhkannya. Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebu Raya Malaysia akan sentiasa memastikan pihak PLUS dan syarikat-syarikat konsesi lebu raya yang lain meningkatkan tahap dan mutu perkhidmatan mereka kepada pengguna-pengguna lebu raya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah yang mengesyorkan supaya kerajaan menanggung 50% kadar tol. Perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana pertama, implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan untuk membayar subsidi yang tinggi kepada pihak pengguna lebu raya, kedua subsidi yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi boleh digunakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang lain yang diperlukan oleh rakyat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya cuma ingin penjelasan sedikit mengenai dengan kenaikan tol di 5 tempat tadi. Saya lihat *respond* daripada orang ramai lebih banyak tertumpu di LDP yang disebut bahawa kesesakan sampai sekarang tidak diatasi sedangkan apabila tol dinaikkan, seolah-olah kemudahan mereka itu diabaikan iaitu *jammed* dikatakan terlalu panjang bermula daripada Kepong lagi. Begitu jauh dan kenaikan pergi balik ialah RM1.20, jadi apakah ada usaha untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat, sebagaimana yang saya perelaskan tadi, bahawa dengan kerajaan mengizinkan kenaikan tol ini sebagaimana yang dijadual dengan kadar yang lebih rendah yang sepatutnya dikenakan, dengan pampasan yang telah pun dibayar, segala mutu perkhidmatan harus ditambah baik ataupun dipertingkatkan.

Pihak kementerian akan menentukan bahawa segala perkara yang berhubung kait tentang kesesakan lalu lintas terutama pada waktu-waktu tertentu ini supaya aliran trafik akan dapat dipertingkatkan dan dengan menentukan beberapa perkara yang berhubung kait dengan izin aluan Smart Tag dan Touch n Go akan dibuka dengan lebih banyak supaya kemudahan pengguna akan dapat dipertingkatkan. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada saranan....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** ...saranan Yang Berhormat Senator perkara itu diambil kira oleh pihak kementerian.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara yang inginkan penjelasan. Yang pertama iaitu pada tahun lepas satu soalan lisan telah saya soal di mana di Karak *highway* kenaikan penyelenggaraan membaiki jalan katanya akan disiapkan pada bulan enam tahun ini. Tapi sampai sekarang kalau kita lihat kerja-kerja di Karak Ekspres ini berpanjangan sampai tidak tahu waktu sehingga tidak menjadi lagi satu *express highway* ataupun lebuh raya dan ianya menyusahkan kepada ramai pengguna sehingga terpaksa lorong sini lorong sana tutup sini tutup sana sampailah sekarang. Itu penjelasan pertama.

Penjelasan yang kedua ialah berkaitan dengan lima tol ini yang dikatakan mengikut kenyataan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa selepas tamatnya konsesi ini dalam masa saya tidak tahu mungkin dalam 20 tahun lagikah atau 10 tahun lagikah bahawa kerajaan tidak akan mengenakan tol apabila tamat. Adakah ini betul ataupun tidak sebabnya mungkin kerajaan mahu lagi tol ini dikenakan dan dilanjutkan oleh kerana masa 25 tahun lagi tidak dapat kita tentukan. Saya pohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. pertama mengenai kerja-kerja pembaikan dan dengan izin *maintenance* terhadap lebuh raya dan saya percaya dan yakin bahawa kerja-kerja *maintenance* ini tidak lain dan tidak bukan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak pengguna. Mungkin dengan pelebaran dan suraian aliran trafik dan saya yakin bahawa segala kerja-kerja ini berjalan dengan

meminimumkan kesesakan lalu lintas dan untuk memberikan tambah baik lagi terhadap penggunaan lebuh raya ini. Sebagai contoh, lebuh raya utara selatan dan saya yakin bahawa sekarang ini pun banyak lorong daripada dua lorong dijadikan tiga lorong pun berlaku juga kesesakan.

Dalam Dewan yang mulia ini juga pada minggu lepas apabila saya ditanya adakah cadangan untuk mengurangkan aliran trafik yang semaksimum 300 meter mungkin opsyen itu akan kita ambil dan saya akan semak dengan pihak pemegang konsesi dan akan mengarahkan lebuh raya supaya menentukan bahawa mana-mana kerja yang berhubung kait tentang *maintenance* ini supaya kesulitan kepada pengguna diminimumkan dan kerja-kerja yang dijalankan itu hendaklah mengikut jadual dan akhirnya ia akan memberikan manfaat yang besar kepada para pengguna.

Soalan kedua yang berhubung kait tentang sama ada apabila tamat konsesi ini kemudahan infrastruktur ini akan diserahkan balik kepada kerajaan. Jawapannya tentu ya, kerana ia adalah satu perkara yang berhubung kait tentang obligasi. Dalam perjanjian konsesi serah selepas beberapa tahun tempoh yang dikenakan dengan kadar tol yang telah pun ditetapkan akhirnya infrastruktur ini akan diserahkan kepada kerajaan dan akhirnya ianya akan dipulangkan kepada rakyat. Dan mungkin pada masa itu kerajaan hanya akan melakukan dengan izin *normal maintenance* terhadap jalan raya tersebut.

Mengenai sama ada keputusan kerajaan hendak mengizinkan kenaikan tol ini berjadual ataupun tidak saya bagi contoh kepada Dewan yang mulia ini macam Lebuh raya Kuala Lumpur-Karak (MTD). Sebenarnya kerajaan ada tiga opsyen untuk kita menimbangkan. Opsyen yang pertama sama ada kadar kenaikan tol mengikut perjanjian konsesi kita bagi. Opsyen yang kedua, tiada kenaikan kadar tol pampasan tunai dan lanjutan tempoh konsesi. Itu pun salah satu opsyen. Opsyen yang ketiga, kenaikan minimum dengan bayaran pampasan tunai dan pelanjutan tempoh konsesi, opsyen yang ketiga.

Jadi kerajaan bila mengambil ini sebagai satu keputusan asas pertimbangan utama kadar tol yang dikenakan itu tidak akan membebaskan rakyat. Sebagai contoh dengan pengumuman kenaikan yang telah pun diumumkan yang bermula pada 1 Januari untuk lima konsesi ini dia punya dengan izin *main prerequisite* supaya tol yang dikenakan itu tidak akan membebaskan rakyat. Tapi oleh kerana kita ada obligasi dalam konsesi kita kalau kita tidak izinkan dia naik mengikut jadual yang sedia ada dalam konsesi tersebut kita tidak ada opsyen. Kita kena *compensation*. Jadi atas sikap itu kita fikir bahawa kita kena sama-sama tanggung. Kerajaan pun tanggung dan rakyat pun tanggung ini dan akhirnya pengguna akan dapat menggunakan lebuh raya ini dalam keadaan yang lebih efisien dan terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok meminta Menteri kerja Raya mengarahkan syarikat konsesi lebuh raya menambah bilangan lorong tambah nilai Touch n Go kerana lorong tambah nilai yang sedia ada tidak dapat

menampung pengguna yang ingin menambah nilai kad mereka. Beliau juga meminta kerajaan menghapuskan caj RM0.50 yang dikenakan kepada pengguna yang menambah nilai di ATM.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian ini melalui Lembaga Lebuh Raya Malaysia sedang mengkaji penambahan lorong tambah nilai Touch n Go dan juga caj RM0.50 yang dikenakan kepada pengguna yang menambah nilai dan ATM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga perkhidmatan tambah nilai Touch n Go boleh dibuat di stesen-stesen minyak terpilih di sepanjang lebuh raya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar meminta Menteri Kerja Raya memberi perhatian yang lebih kepada jajaran jalan raya yang selalu menjadi tempat kemalangan sebagai contoh Jalan Merapoh-Gua Musang yang mencatatkan bilangan kemalangan maut yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua jalan direka bentuk mengikut piawaian antarabangsa. Jalan Merapoh-Gua Musang merupakan jalan FELDA yang telah dinaiktarafkan menjadi jalan utama. Dalam menaik taraf jalan tersebut segala usaha telah dibuat untuk menjadikan standard jalan tersebut ke tahap standard R5. Namun masih terdapat selekoh-selekoh yang substandard dari standard R5 dan sering berlaku kemalangan di kawasan-kawasan tersebut. Untuk mengatasi masalah ini kerajaan akan menjalankan audit keselamatan jalan peringkat lima iaitu jalan sedia ada bagi mengenal pasti kawasan-kawasan bermasalah di sepanjang jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap meminta Menteri kerja Raya dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memperbanyakkan pembinaan jalan kampung dan menurap jalan sedia ada di Sabah kerana peruntukan kerajaan negeri yang terhad tidak dapat menampung kos yang dianggarkan sebanyak RM4 bilion setahun. Ia adalah bagi merapatkan jurang kemiskinan antara penduduk bandar dan luar bandar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam RMK-9 negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM549.3 juta untuk membina jalan, jambatan dan juga pembaikan cerun-cerun. Fokus Kementerian Kerja Raya adalah untuk membina dan membaik pulih jalan-jalan Persekutuan sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek-projek besar yang sedang dilaksanakan di Sabah antaranya Jalan Sapulut-Kalabakan, Jalan Keningau-Kimanis, Jalan Sipitang-Tenom dan Jalan Northern Ring Road. Beberapa projek lagi masih di peringkat perancangan. Antaranya projek Jalan Kota Marudu, Marak Parak, Melingsau, Poring, Ranau dan Jalan Longgongan ke Jalan Papar Sepur.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang meminta Menteri Kerja Raya memperbesarkan jalan-jalan yang terdapat di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMK-9 negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM1.96 bilion yang merangkumi sebanyak 65 projek pembinaan serta menaik taraf jalan dan jambatan. Antara projek yang sedang dijalankan ialah projek jejambat di

Bulatan BDC Kuching, membina persimpangan bertingkat Miri ke Lutong Fasa 1, Jalan Mambong ke Sejangkat Fasa 1 dan membina Jalan Sibul/Bawang Assan/Seredeng.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa perbahasan Bajet 2007. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab, sila maklumkan supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta wakil daripada Kementerian Pelancongan.

#### 4.31 ptg.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah bersama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai kementerian serta memberi pandangan dan cadangan yang amat berguna di dalam memajukan industri pelancongan negara. Saya percaya segala pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Ahli Dewan yang mulia ini dapat membantu kementerian di dalam melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu telah meminta Kementerian Pelancongan supaya mula memberi perhatian di dalam membangunkan ekobudaya selaras dengan usaha kerajaan di dalam mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007. Pembangunan masyarakat Orang Asli hendaklah tidak diabaikan di mana kerajaan perlu juga melihat masyarakat Orang Asli sebagai satu entiti dan mengiktiraf pengurusan alam sekitar serta mewujudkan rancangan dan program jangka pendek dan panjang yang melibatkan golongan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan akan terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam mempromosikan kebudayaan Orang Asli yang sememangnya merupakan satu produk pelancongan yang berpotensi tinggi untuk menarik kedatangan pelancongan asing ke negara ini. Selain dapat menunjukkan keunikan budaya Orang Asli, program sedemikian juga merupakan satu bentuk *community based tourism* yang dapat memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli untuk berkecimpung dalam ekonomi pelancongan yang dapat menambah pendapatan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah meminta Kementerian Pelancongan memberi perhatian kepada produk pelancongan Gunung Jerai yang terabai dari aspek infrastruktur pelancongan dan promosi. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan sememangnya memberi

perhatian kepada pembangunan infrastruktur pelancongan di kawasan Gunung Jerai kerana dianya menjadi salah satu tarikan pelancongan yang popular di negeri Kedah. Kerana keadaan suhunya yang dingin dan tarikan fauna dan flora di samping pemandangan sekeliling yang indah lebih menarik apabila berada di atas gunung tersebut.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan beberapa projek telah pun siap dilaksanakan di sini iaitu di antaranya yang pertama, projek pemasangan paip bekalan air ke puncak Gunung Jerai, peruntukannya ialah sebanyak RM10 juta. Yang kedua, peningkatan kemudahan pelancongan Gunung Jerai seperti pembinaan wakaf-wakaf tempat letak kereta, baik pulih gerai, pusat informasi landskap, laluan pejalan kaki, muzium perhutanan dan sebagainya, peruntukannya ialah sebanyak RM3.4 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pula, beberapa pula projek sedang dirancang untuk dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tarikan pelancong ke kawasan ini.

Di antara projek-projek tersebut adalah seperti pembinaan trek-trek di beberapa lokasi di dalam hutan sekitar hutan kawasan Gunung Jerai. Wakaf-wakaf naik taraf tapak perkhemahan, papan tunjuk arah dan sebagainya. Peruntukannya ialah sebanyak RM2 juta. Kementerian Pelancongan juga melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat bagi memastikan keadaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di Gunung Jerai sentiasa berada dalam keadaan bersih dan teratur sepanjang masa bagi menjamin keselesaan pelancong. Dari aspek promosi Kementerian Pelancongan dengan melalui agensinya Tourism Malaysia tidak mengabaikan mana-mana produk pelancongan. Promosi sentiasa diadakan bagi mempromosikan semua produk pelancongan di semua lokasi kepada pelancong di dalam dan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah mencadangkan supaya diwujudkan pusat spa dan pusat hiburan karaoke untuk keluarga seperti yang diamalkan di negara China. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, lesen untuk operasi spa dan pusat hiburan karaoke dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan atau PBT. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan akan menyokong sekiranya ada pihak-pihak yang terbabit ingin mengadakan pusat hiburan karaoke dan sebuah untuk keluarga kerana ianya boleh dijadikan sebagai tarikan pelancong.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelancongan mencadangkan supaya diwujudkan kawasan hiburan khas bagi memastikan keselesaan para pengunjung di samping dapat membolehkan pemantauan dengan lebih berkesan oleh pihak yang berkuasa bagi mengelakkan gejala-gejala negatif daripada menular di kalangan generasi muda di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng membangkitkan isu mengenai Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, pandangan segelintir mengenai kawasan Bukit Bintang sebagai Pat Pong tidak benar sama sekali. Bukit Bintang memang terkenal

sebagai satu kawasan membeli-belah yang mempunyai kompleks membeli-belah yang sederhana dan yang eksklusif serta gerai-gerai jualan. Bukit Bintang menawarkan banyak pilihan restoran sama ada yang menyajikan makanan antarabangsa mahupun tempatan.

Di samping itu, pelbagai tempat hiburan seperti Planet Hollywood dan perkhidmatan *wellness* seperti spa dan refleksologi turut ditawarkan di kawasan ini. Ini menjadikan kawasan Bukit Bintang sebagai salah satu tempat yang sangat popular di kalangan pelancong. Kementerian Pelancongan dengan kerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa berusaha meningkatkan imej tempat-tempat tarikan pelancongan termasuk kawasan Bukit Bintang dan mempertingkatkan aktiviti di kawasan ini seperti mewujudkan Ain Arabia di Jalan Berangan dan menganjurkan majlis-majlis perasmian di Bukit Bintang. Dari segi keselamatan pula, Kementerian Pelancongan sentiasa mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan kawasan Bukit Bintang sentiasa diawasi oleh polis pelancongan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah membangkitkan mengenai publisiti negatif yang merosakkan imej negara. Tuan Yang di-Pertua industri pelancongan negara adalah tidak terkecuali daripada menerima publisiti-publisiti negatif yang berupa ancaman atau kejutan luaran atau *external shock* dengan izin. Walau bagaimanapun *trend* perkembangan industri pelancongan negara sudah membuktikan bahawa industri ini berdaya tahan dan mempunyai kapasiti untuk bertindak balas dan menyesuaikan diri dengan publisiti negatif tersebut. Malaysia secara umumnya menerima publisiti negatif dan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh media asing seperti isu-isu yang berkaitan dengan jerebu, selesema burung, ancaman pengganas serta nasihat perjalanan negatif atau *negative travel advisory* dengan izin.

Namun begitu, bagi meningkatkan keyakinan para pelancong untuk melancong ke Malaysia, beberapa langkah penting telah diambil oleh Kementerian Pelancongan seperti berikut:

- (i) mengeluarkan kenyataan akhbar dan rencana-rencana pelancongan mengenai suasana sebenar dan tepat di Malaysia untuk disebarikan melalui Pejabat *Tourism* Malaysia negeri dan luar negeri. Pejabat wakil pemasaran agensi-agensi perhubungan awam yang dilantik oleh Kementerian Pelancongan serta pihak kedutaan di luar negara;
- (ii) menyediakan panduan nasihat mengenai isu-isu semasa dalam negara kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pelancongan termasuk agensinya *Tourism* Malaysia sebagai persediaan menjawab soalan-soalan sekiranya isu-isu yang berkaitan dibangkitkan;
- (iii) menggalakkan lawatan suai kenal terutamanya kepada media melalui program *Mega Familiarization* yang secara langsung dapat mendedahkan kepada dunia sebenar mengenai isu-isu semasa dan

sekali gus membetulkan tanggapan negatif terhadap Malaysia dan dapat memperluaskan penyebaran maklumat dan publisiti melalui kempen-kempen pengiklanan di media cetak dan media elektronik mengenai industri dan produk pelancongan negara demi memberi imej yang positif dan berkesan kepada para pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, publisiti negatif yang dilontar kepada industri pelancongan negara tidak sedikit pun mematahkan semangat Kementerian Pelancongan untuk terus mempergiatkan dan memperkukuhkan usaha-usaha promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara. Sebaliknya, Kementerian Pelancongan akan terus bergiat aktif memantau perkembangan industri pelancongan dari semasa ke semasa untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terunggul di rantau ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan publisiti buruk ini yang kita kaitkan dengan tindakan pihak luar. Tetapi sebenarnya ada juga yang berlaku kerana kesilapan kita sendiri. Pagi tadi, saya ada mendengar wujud satu jawatankuasa khas yang menyelaraskan antara pelbagai kementerian yang terlibat untuk memastikan Tahun Melawat Malaysia, pada tahun hadapan akan beroleh kejayaan yang besar.

Tetapi semalam saya membaca dalam akhbar The Star, seorang pelancong dari United Kingdom menulis dalam The Star mengatakan bahawa dia telah membuat dua tempahan untuk bulan Januari dan April tahun hadapan. Tetapi MAS menukar *schedule* penerbangannya yang menyusahkan dia pula untuk menyusun balik jadual percutiannya sendiri. Yang lebih malang lagi ialah, yang bulan Januari itu ditunda kepada Februari, sedangkan dia kata bahawa dia dikenakan bayaran tambahan 20 pound kerana *airport charge* akan mula naik bermula dari bulan Februari tahun hadapan.

Jadi, dia kata yang lebih dia dukacita itu ialah *travel agent* langsung tidak beritahu dia tentang perubahan *schedule* itu. Dia cuma tengok di dalam internet sahaja. Bagaimana ini, masalah MAS ini yang suka mengubah jadual penerbangan? Tidakkah menjejaskan industri pelancongan di negara kita?

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah bangkit mengenai isu ini. Memang isu-isu yang telah bangkit oleh semua pelancong di surat khabar memang kita akan bincang dengan isu itu. Buat masa ini, saya tidak ada jawapan untuk perkara ini. Kalau boleh Yang Berhormat di peringkat Kementerian Pengangkutan, boleh tanya soalan ini. Kawan saya ada di sini. Memang saya akan bincang isu ini dengan pihak berkenaan supaya kita boleh jawab. Memang dari dalam jawatankuasa yang saya sebutkan pagi tadi, kita memang bincang mengenai isu-isu. Kita tahu ada isu-isu seperti yang saya bangkitkan pada pagi ini, isu-isu kastam, isu-isu MAS, Air Asia yang selalu lambat dalam penjadualan. Teksi, teksi hari ini pun ada isu.

Ada seorang Yang Berhormat bagi Hulu Langat ada bangkitkan isu teksi. Isu hangat. Oleh itu isu-isu ini kita akan bincangkan di mesyuarat kita dan kita akan hadapi mesyuarat dengan jalan yang baik. Kita berharaplah isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, tidak akan timbul pada masa akan datang. Yang Berhormat ...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada Tahun Melawat Malaysia ini, kita mungkin ada juga satu jenis ataupun satu lagi kumpulan iaitu kumpulan pelancong dalam negeri sendiri. Iaitu kumpulan pelancong di antara rakyat Malaysia itu sendiri yang mana melancong dari satu ke satu negeri. Umpamanya dari Sabah datang ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur pergi ke tempat-tempat yang lain. Salah satu yang kita lihat dan menerima rungutan yang banyak di kalangan pelancong dalam negeri ialah dari segi sudut kos menempatkan kereta.

Sekarang ini di hotel-hotel ternampak satu *service, jockey* yang dinamakan. Memberi satu perkhidmatan dengan caj yang begitu mahal sehingga 30 minit atau setengah jam harga kos untuk meletakkan kereta meningkat sampai RM20. Ini sudah tentu tidak menggalakkan kepada pelancong dalam negeri. Satu sudut kita memerlukan pelancongan daripada luar negara, tetapi dalam luar negeri ini pun, kita memerlukan juga pelancong-pelancong.

Kos meletakkan kereta ini terlalu mahal dan ikut suka sahaja. Hari ini RM10, 6 bulan kemudian RM15, kemudian naik kepada RM20. Saya tidak tahu, mungkin tahun hadapan naik kepada RM25 dan RM30. Tidakkah boleh melalui perancangan kementerian ini bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain mengehadkan apakah sepatutnya yang logiknya untuk memberikan perkhidmatan *jockey* ini? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu benar dan terima kasihlah Yang Berhormat telah bangkitkan perkara ini. Di mesyuarat akan datang, kita akan bincang isu dengan pihak persatuan hotel *operators* supaya mereka janganlah *overcharge*. Harap mereka caj dengan harga yang berpatutan. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng bertanya adakah kementerian perlu mengadakan kesinambungan acara-acara selepas Tahun Melawat Malaysia 2007, sebagai tarikan kepada kedatangan pelancong-pelancong asing?

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kementerian pelancongan akan terus mengadakan kesinambungan acara-acara selepas Tahun Melawat Malaysia 2007. Acara-acara seperti Bulan Pesta Air Nasional, Bulan Citra Warna, Bulan Cita Rasa Malaysia dan Malaysia *Mega Sales* dan lain-lain akan diteruskan pada masa akan datang. Acara ini akan diadakan dengan menggunakan konsep yang baru dan akan diadakan dengan lebih meriah lagi. Ini adalah bagi memastikan pelancong terutama pelancong asing untuk berkunjung kembali ke negara kita.

Selain meneruskan acara-acara sedia ada Kementerian Pelancongan dan *Tourism* Malaysia sedang merangka acara-acara baru untuk dianjurkan selepas Tahun Melawat Malaysia 2007.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng meminta supaya kemudahan hotel-hotel di kawasan Bukit Bintang yang sering dikaitkan dengan Pat Pong di Thailand dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sentiasa mengambil berat mengenai kemudahan yang disediakan oleh pihak hotel di seluruh Malaysia. Ini bagi memastikan para pelancong dari dalam dan luar negara dapat menginap dalam keadaan yang selesa bagi membantu pengusaha hotel yang tidak berkemampuan untuk memperbaiki kemudahan yang terdapat di hotel mereka. Kementerian ada menyediakan tabung khas iaitu Tabung Khas Pelancongan yang menyediakan peruntukan khas kepada pengusaha hotel yang ingin membuat pinjaman bagi menambah baik kemudahan yang terdapat di hotel mereka.

Selain itu, pihak Kementerian Pelancongan telah memperkenalkan sistem pengelasan hotel di mana setiap hotel akan dikelaskan mengikut taraf bintang ataupun orkid. Penarafan ini bagi membolehkan pelancong memilih jenis hotel yang ingin pelancong berkenaan menginap. Ia juga diwujudkan bagi mengelakkan pelancong ditipu oleh pengusaha hotel yang tidak bertanggungjawab. Pihak Kementerian juga membuat penguatkuasaan bagi memastikan pengusaha hotel memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengunjung.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama memberikan sumbangan yang positif, pembahasan-pembahasan yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan industri pelancongan negara. Segala teguran, cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan membantu Kementerian mencapai visi menjadikan Malaysia sebuah negara yang pelancongan yang terunggul, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**4.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI semasa perbahasan ke atas Bajet 2007. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib menyatakan kemunculan negara China dan India menyebabkan terdapat persaingan bagi

menarik FDI ke negara ini. Yang Berhormat juga menekankan tentang pembangunan modal insan bagi menghadapi cabaran yang perlu sejajar dengan era globalisasi. Negara China dan India yang mempunyai jumlah penduduk melebihi dua bilion perlu dilihat sebagai peluang untuk para pengusaha Malaysia mempertingkatkan dan memperkembangkan pelaburan dan perdagangan dengan negara-negara tersebut. Oleh yang demikian, Malaysia bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain telah mengambil inisiatif untuk mengadakan FTA dengan kedua-dua negara berkenaan. Salah satu daripada tujuan FTA ada untuk meningkatkan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan pengeluaran. Kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis insentif bagi menarik pelaburan asing.

Antaranya galakkan cukai pengurangan cukai korporat, pengecualian duti import ke atas bahan mentah, jentera dan kelengkapan dan galakan istimewa bagi projek-projek pelaburan yang strategik dan berkualiti. Selain daripada itu, kerajaan turut menumpukan kepada peningkatan sistem penyampaian kerajaan, penaik taraf infrastruktur dan meningkatkan produktiviti bagi memastikan Malaysia terus kompetitif dan menjadi destinasi pilihan bagi pelabur-pelabur asing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jumlah pelaburan asing bagi sektor perkilangan pada tahun 2005 adalah RM17.9 bilion bagi tempoh 2001 hingga September 2006, jumlah pelaburan asing yang diluluskan adalah sebanyak RM91 bilion.

Ini mencerminkan tahap keyakinan para pelabur asing dengan iklim pelaburan Malaysia adalah menggalakkan. Mengenai pembangunan modal insan, pelan induk perindustrian ketiga atau *third industrial master plan* menitikberatkan keupayaan modal insan yang inovatif dan kreatif sebagai strategik utama sejajar dengan teras kedua Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan kreativiti dan inovasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae menyentuh mengenai penganjuran Malaysia International Halal Showcase atau MIHAS dan World Halal Forum yang telah membantu usaha Malaysia ke arah menjadi hab halal serata.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, penganjuran Malaysia International Halal Showcase atau MIHAS dan World Halal Forum adalah antara strategi pelaksanaan yang telah digariskan di bawah IMP3 dan akan dijadikan secara tahunan. Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk memberi peruntukan khas kepada MARTRADE bagi tujuan promosi penganjuran MIHAS 2007.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad telah menyentuh tentang sikap negara-negara maju yang telah menyebabkan kegagalan kepada rundingan liberalisasi perdagangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, rundingan pelbagai hala di buat WTO antara lain bertujuan menangani isu-isu halangan bukan tarif atau MPT.

Seperti piawaian yang ketat dan prosedur-prosedur import yang membebankan eksport dari negara-negara membangun. Rundingan-rundingan ini telah disambung semula baru-baru ini selepas ditangguhkan pada bulan Julai 2006. Malaysia akan terus memainkan peranan aktif

dalam rundingan ini agar isu-isu ini dapat ditangani demi memberikan manfaat khususnya kepada negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Isu serta cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat diambil perhatian dan akan disusuli sewajarnya, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**4.57 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat senator-senator yang telah mengambil bahagian seramai 12 orang yang telah pun membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, baru-baru ini. Ahli-ahli Yang Berhormat senator berkenaan ialah Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim, Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain dan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan memberi suntikan baru kepada sektor pertanian dengan peruntukkan dan strategi untuk meningkatkan pengeluaran pertanian, mengembangkan aktiviti pemprosesan, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat bagi membasmi kemiskinan, serta memperkukuh dan memperluaskan pemasaran. Bagi tujuan mencapai hasrat dan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM1.8 bilion telah dicadangkan bagi tahun 2007. Strategi perbelanjaan Bajet 2007 akan memperlengkap dan menambah baik asas-asas khidmat sokongan dan sistem penyampaian bagi menerajui pembangunan sektor agro makanan yang berdaya maju dinamik dan berdaya saing.

Strategik perbelanjaan adalah membina infrastruktur dan kemudahan logistik bagi menyokong produktiviti yang tinggi dan meningkatkan pendapatan petani. Meningkatkan amalan cara pertanian yang baik bagi menjamin kualiti dan keselamatan makanan bagi pasaran tempatan dan luar negara.

Meningkatkan produktiviti melalui teknologi baru, mekanisasi dan agro bio teknologi. Mengukuhkan aktiviti pemasaran dan perolehan laluan pemasaran dan pasaran global. Meningkatkan keluaran dan kecekapan kumpulan sasaran melalui latihan, aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi dan melahirkan agro usahawan industri asas tani dan pemprosesan hiliran. Daripada RM1.8 bilion yang dicadangkan untuk pembangunan sektor agro makanan, sebanyak 50% atau RM910 juta akan digunakan untuk memantapkan lagi sokongan yang meliputi penyediaan pinjaman iaitu RM250 juta, pembinaan infrastruktur pengairan dan saliran RM259 juta, peningkatan sistem penyampaian RM104 juta, peningkatan kecekapan pemasaran RM8.4 juta, pemantapan pertubuhan peladang RM95 juta, dan keupayaan penyelidikan RM78 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan memperkasakan sektor pertanian negara. Sektor pertanian negara boleh dikomersialkan dan dimanfaatkan melalui Lembaga Koperasi dan Pengkomersialan Kelapa dan Produk. Kementerian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang akan menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan dan unit-unit peladang bagi menggalakkan aktiviti pengkomersialan secara berterusan dan berteraskan koperasi. Berhubung dengan mengkomersialkan kelapa dan produk, pada tahun 2006 Jabatan Pertanian telah memulakan projek perintis untuk mengeluarkan dengan izin *virgin coconut oil* atau VCO yang melibatkan empat kawasan iaitu di Rengit, Johor, Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor, Bagan Datoh di Perak dan Pekan Nenasi di Pahang. Setiap kawasan melibatkan antara 20 hingga 30 peserta di mana setiap peserta dibekalkan dengan peralatan-peralatan untuk pemprosesan yang bernilai RM4,100 untuk seorang peserta.

Bagi setiap kawasan iaitu satu pusat pengumpulan bernilai RM68 ribu untuk tujuan pemprosesan lanjutan akan diwujudkan. Selain dari itu, MARDI telah menandatangani satu MOU dengan HRA Bio Segar Enterprise bagi membangunkan produk *toiletry* dan minyak urut aroma terapi daripada VCO. Setelah produk-produk berkenaan dihasilkan, demonstrasi dan tunjuk ajar akan diberikan kepada penduduk di Kampung Kota, Kuala Muda, Kedah. Produk-produk yang akan dihasilkan meliputi sabun dalam bentuk pepejal dan cecair serta minyak urut aroma terapi.

Mengenai usahawan tani, dalam melahirkan lebih ramai usahawan tani di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian melalui program pembangunan industri asas tani menyasarkan untuk:

- (i) melahirkan dan membangunkan seramai 10 ribu usahawan industri asas tani;
- (ii) memperolehi pendapatan minima iaitu RM2,000 sebulan; dan
- (iii) meningkatkan kualiti produk ke tahap global yang menepati persijilan antarabangsa sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah usahawan tani yang akan dibangunkan.

Usaha sedang di ambil bagi melatih usahawan tani untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengeluarkan produk-produk usahawan tani yang berkualiti. Kementerian

juga akan menyediakan infrastruktur asas dan pinjaman yang akan diuruskan dengan Bank Pertanian Malaysia dan Bank SME. Mengenai tanah-tanah terbiar, daripada semakan yang dibuat, terdapat kira-kira 34,360 hektar tanah pertanian yang terbiar.

Daripada jumlah tersebut, hanya 12,156 hektar sahaja yang sesuai untuk dibangunkan. Usaha-usaha untuk memulihkan tanah-tanah terbiar tersebut telah dilaksanakan melalui program dan aktiviti pengeluaran makanan secara tersusun oleh petani, usahawan, belia dan sektor swasta. Bagi menjayakan program pemulihan tanah terbiar ini, kerajaan menyediakan bantuan pada kadar RM5,000 sehektar bagi kerja-kerja pembersihan kawasan serta penyediaan infrastruktur asas seperti jalan masuk, sistem saliran dan sistem pengairan.

Selain itu, penerangan dan khidmat nasihat diberi kepada pemilik-pemilik tanah terbiar supaya tanah mereka diusahakan agar tidak menjadi sarang kepada perosak tanaman. Program pembangunan tanah terbiar dilaksanakan mengikut dua pendekatan seperti berikut:

- (i) usahawan individu atau syarikat menyewa tanah petani dan melaksanakan sendiri projek pertanian mereka. Di bawah kaedah ini, kerajaan menggalakkan skim perkongsian keuntungan di antara pengusaha dan pemilik tanah; Dan
- (ii) mengamalkan konsep pengurusan berpusat atau *central management* di mana pengusaha sama dan belia, usahawan, individu atau syarikat mendapat persetujuan pemilik tanah terbiar membenarkan tanah mereka disatukan untuk dibangunkan di bawah pengurusan berpusat.

Berhubung dengan cadangan untuk menambah pegawai dan kakitangan dan meningkatkan sistem penyampaian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memastikan jabatan dan agensi mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakan program-program pembangunan terutamanya di dalam bidang pengembangan untuk memberi khidmat nasihat kepada petani-petani. Untuk itu kementerian merancang urusan penempatan pegawai yang terlatih dan berkaliber di gred yang lebih tinggi di barisan hadapan bagi menggantikan kakitangan yang sedia ada.

Kementerian juga telah menstrukturkan semula organisasi, jabatan dan agensi bagi memastikan organisasi dapat beroperasi secara optimum, cekap dan berkesan. Penyusunan semula struktur organisasi jabatan ini melibatkan peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah dengan penambahan jawatan pegawai dan pegawai pengembangan di peringkat daerah. Pengisian jawatan-jawatan kosong sedia ada juga dilaksanakan supaya sistem penyampaian lebih berkesan dapat dilaksanakan.

Di samping itu, kementerian juga telah meningkatkan program-program latihan di kalangan kakitangan dan pegawai terutamanya di peringkat daerah untuk membimbing dan memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada kumpulan sasar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemasaran produk pertanian. Usaha memperkemas sistem pemasaran hasil pertanian supaya dapat bersaing di pasaran global telah dilaksanakan. Dan antaranya penubuhan tujuh Atase Pertanian di luar negara iaitu di The Hague, Netherlands, di Beijing, China, di Dubai, UAE, di Sydney, Australia, Bangkok, Thailand, Tokyo, Japan dan LA di Amerika Syarikat. Mengadakan strategi *alliance* dengan *hypermarket* yang mempunyai rangkaian pasaran di seluruh dunia. Ketiga, membangunkan dan memperkukuhkan logistik pasaran dari peringkat ladang hingga ke peringkat pengguna. Keempat, membangunkan kualiti produk supaya dapat memenuhi tahap kualiti yang ditetapkan oleh negara pengimport dan kelima, meningkatkan kegiatan misi pasaran dan pelaburan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ke luar negara.

Mengenai industri penternakan lembu dan *pig farming area*. Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pengharaman beta agonist dalam industri daging negara. Kementerian telah mengambil tindakan ke atas kes-kes penggunaan beta agonist dalam daging babi dan lembu.

Antara tindakan yang diambil untuk mengawal penggunaan beta agonist adalah seperti berikut:

- (i) mengawal pengimportan beta agonist melalui Akta Racun 1952. Bagi memperketat lagi kawalan ini, bahagian perkhidmatan farmasi Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan akan mengeluarkan arahan supaya makanan ternakan beta agonist dimasukkan di dalam perintah larangan.
- (ii) menjalankan pemantauan ladang ternakan yang lebih rapi oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang meliputi pemeriksaan semua ladang babi di seluruh Semenanjung iaitu berjumlah 670 ladang.
- (iii) Pengambilan sampel-sampel air kencing, air minuman dan makanan dan mengenal pasti pembekal dan pengimport *beta agonist* serta mengambil tindakan tegas ke atas penternak yang melanggar syarat. Maklumat terkini sejumlah 415 ladang telah diambil sampel dari jumlah 670 ladang. Keputusan awal menunjukkan setakat ini 15 ladang disahkan positif dan 15 ladang akan dilaksanakan ujian kepastian atau *confirmatory test*.

Notis amaran untuk kesalahan pertama telah dikeluarkan di mana ladang akan dikuarantin selama 30 hari. Bagi kesalahan kedua, ladang ternakan akan ditutup. Ketiga, mulai Januari 2007, semua ladang babi seluruh negara dimestikan mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan seterusnya menandatangani Perjanjian Akujanji tidak menggunakan *beta agonist* pada ternakan di ladang

mereka di hadapan *Commissioner of Oath*. Ini akan membolehkan penternak yang ingkar dikenakan hukuman yang lebih berat lagi.

- (iv) mempercepatkan pelaksanaan Akta Makanan Ternakan yang masih lagi di peringkat proses penggubalan. Akta ini boleh diguna pakai di seluruh negara. Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas semua ladang ternakan dan rumah sembelih bagi memastikan tiada *residue beta agonist* di dalam daging babi;
- (v) kawalan melalui bukti pembelian di mana penjual dikehendaki untuk menunjukkan inouis untuk melindungi mereka daripada disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan *beta agonist* di dalam daging babi. Inouis tersebut perlu mengandungi alamat ladang supaya boleh digunakan untuk mengesan ladang yang terlibat jika bersabit dengan tindakan undang-undang;
- (vi) mengambil tindakan tegas ke atas rumah sembelih haram dan menutup rumah sembelih yang tidak berlesen melalui penguatkuasaan dari pihak berkuasa tempatan; dan
- (vii) Jawatankuasa Bertindak *Beta Agonist* peringkat negeri dan peringkat kebangsaan bermesyuarat dengan lebih kerap bagi membincangkan langkah-langkah kawalan, pemantauan dan penyelesaian masalah berhubung dengan penggunaan *beta agonist*. Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak *Beta Agonist* di peringkat kebangsaan, Bil. 2/2006 telah selesai diadakan pada 18 Disember 2006.

Sejak tahun 2001, kementerian menjalankan pemantauan secara berterusan ke atas penggunaan *beta agonist* melalui pengambilan sampel dari abatur-abatur seluruh negara dan juga sampel-sampel dari daging-daging import luar negara. Hasil pemantauan mendapati bahawa daripada 359 sampel ternakan ayam dan 321 sampel lembu atau kerbau yang diuji didapati kedua-duanya adalah bebas daripada penggunaan *beta agonist*. Walau bagaimanapun, bagi ternakan babi didapati bahawa 188 sampel daripada 534 sampel yang diuji adalah positif dengan penggunaan *beta agonist*.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sektor akuakultur...

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih dengan memberikan data-data berkenaan dengan kegunaan *beta agonist* dan tadi itu 188 sampel masih ada kesan positif menggunakan *beta agonist* dan juga di pasaran ini tidak bebas dari kegunaan *beta agonist* dan juga 15 ladang sudah positif dan 15 lagi hendak buat ujian *confirmation*. Bolehkah ladang-ladang yang 15 yang ditentukan itu sudah tentu menggunakan *beta agonist* itu – nama-nama mereka itu diumumkan, nombor satu.

Nombor dua, mengapakah pemeriksaan yang dahulu tidak dapat mengesan kegunaan *beta agonist* sampai dekat 80% dahulu satu bulan, dua dahulu, daging yang dijual itu mengandungi *beta agonist*. Di manakah kegagalan sistem pemeriksaan itu dan juga bilakah daging di pasaran itu bebas daripada kegunaan *beta agonist*? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi, jawatankuasa ini adalah meliputi pelbagai kementerian dan jabatan dan baru-baru ini baru bermesyuarat pada 18 Disember. Jadi terima kasih Yang Berhormat. Satu, Yang Berhormat cadangkan supaya minta diumumkan ladang-ladang yang didapati positif dan pada masa yang sama kenapa tindakan sebelum ini lambat diambil.

Yang Berhormat, mengenai pengumuman ini biarlah nanti Jabatan Perkhidmatan Haiwan, mereka akan berbincang sebab selalunya ini kita memberi peluang supaya sekarang ini sudah ada jawatankuasa bertindak yang begitu aktif menjalankan tugas mereka tetapi kalau dengan cara ini yang 188 sampel didapati positif ini, jadi antara akan diumumkan atau tindakan tertentu akan diambil dahulu terhadap ladang-ladang yang berkenaan daripada mana sampel ini positif.

Mengenai kenapa memakan masa lama. Untuk makluman, memang sebenarnya kita bersama di dalam satu jawatankuasa tetapi oleh kerana banyak kes yang didapati macam berleluasa menggunakan *beta agonist*, oleh yang demikian sebab itu baru-baru ini sahaja Jabatan Perkhidmatan Haiwan betul-betul turun padang untuk mengambil tindakan. Sepatutnya ini di dalam satu jawatankuasa tetapi Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengambil keputusan, kita akan betul-betul turun padang mengambil tindakan di peringkat jabatan sendiri.

Jadi oleh yang demikian, Yang Berhormat, dengan baru tidak sampai sebulan atau dua bulan, inilah keputusan yang telah kita dapat ambil. Bermakna begitu cekap. Jadi sekarang ini untuk mengambil tindakan susulan. Namun demikian, Yang Berhormat, terima kasih di atas segala yang disebut oleh Yang Berhormat tadi sebab memang ini akan dicatat dan oleh kerana mesyuarat pada 18 Disember ini telah berjalan dan mereka akan menjalankan mesyuarat dengan begitu kerap dan mungkin satu daripadanya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi balik kepada pembangunan sektor akuakultur. Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya meningkatkan pengeluaran penangkapan udang harimau sehingga 200 juta metrik tan setahun untuk dieksport ke Amerika Syarikat dan Eropah amat dialu-alukan. Kementerian memang menggalakkan industri udang harimau iaitu udang harimau merupakan spesies ternakan utama dalam bidang akuakultur marin di Malaysia. Pengeluaran udang harimau daripada akuakultur pada tahun 2005 ialah kira-kira 22 ribu tan metrik yang bernilai RM522 juta.

Selain daripada udang harimau, pembangunan sektor akuakultur di Malaysia juga menghasilkan udang putih. Jumlah pengeluaran bagi kedua-dua spesis ini pada tahun 2005 ialah sebanyak 33,326 tan metrik yang bernilai RM675 juta. Kementerian Pertanian dan Industri

Asas Tani telah mengenal pasti udang harimau sebagai komoditi utama yang dapat meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada pendapatan eksport negara.

Sasaran pengeluaran yang ditetapkan pada tahun 2010 ialah sebanyak 180 ribu tan metrik yang bernilai RM4.5 bilion. Saiz pasaran eksport produk udang global dianggarkan lebih daripada 1 juta tan metrik bernilai RM36 bilion atau USD10 bilion. Udang harimau menyumbang kira-kira 50% syer pasaran produk udang global. Bagi Malaysia, destinasi eksport utama ialah ke Amerika Syarikat, Jepun dan Negara Kesatuan Eropah. Di bawah rangka kerja Rancangan Malaysia Kesembilan, ternakan udang harimau akan digalakkan melalui peruntukan kawasan khas untuk pembangunan projek di bawah pelan Zon Industri Akuakultur atau ZIA.

Sehingga kini lebih daripada 14 ribu hektar kawasan tepi pantai telah diperuntukkan sebagai ZIA, udang harimau. Kerajaan Persekutuan akan membantu kerajaan negeri membangunkan kawasan tersebut dengan membiayai kos pembinaan infrastruktur utama, menyediakan dana khas melalui Bank Pertanian Malaysia dan memberi khidmat sokongan teknikal. Ladang ternakan akan dibangunkan dengan menekankan aspek bio *security* bagi meminimumkan jangkitan penyakit.

Dalam usaha memenuhi permintaan di negara maju, program jaminan kualiti hasil akan dilaksanakan melalui Program Amalan Akuakultur yang baik. Program Promosi Pasaran juga akan dijalankan melalui penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di ekspo-ekspo antarabangsa seperti *European Seafood Show* di Brussels tahun 2007 dan *Middle East Fisheries* dan *An Aquaculture Show 2007*. Mengenai nelayan Orang-Orang Asli. Cadangan untuk memberi kelonggaran kepada nelayan-nelayan pantai dan bot-bot khususnya masyarakat Orang Asli supaya lesen mereka dipanjangkan dari tiga hingga lima tahun dan memohon LKIM atau kerajaan.

LKIM akan memantau dan membantu nelayan pantai khususnya nelayan-nelayan Orang Asli. Sebenarnya kementerian tidak mengabaikan masyarakat Orang Asli dan prihatin akan nasib mereka malah memberi lesen kepada semua. Tetapi lesen-lesen *vessel* menangkap ikan negara perlu diperbaharui setiap tahun kecuali *vessel* menangkap ikan jenis sampan lesennya sah sehingga tiga tahun. Peraturan ini ditetapkan untuk memastikan tiada *vessel* yang dilesenkan tetapi tidak beroperasi dan juga untuk memastikan *vessel-vessel* nelayan sentiasa berada di dalam keadaan baik dan layak untuk belayar atau *sea worthy*. Pihak LKIM sentiasa memantau dan memberi perhatian dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan terutamanya nelayan pantai.

Mengenai Kemudahan Skim Pinjaman oleh Bank Pertanian Malaysia. Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan cadangan supaya bantuan sumber modal dan pinjaman disediakan kepada petani-petani. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk program-program pinjaman mudah oleh Bank Pertanian Malaysia bagi

membolehkan petani melaksanakan projek-projek pertanian dan industri asas tani yang berskala besar. Program pinjaman tersebut ialah:-

<b>PROGRAM</b>	<b>PINJAMAN</b>
Skim Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera	RM100 juta
Skim Kredit Pengeluaran Makanan	RM100 juta
Skim Kredit IKS	RM100 juta
Skim Pembangunan Pertanian Bukan Makanan	RM 30 juta
Skim Pembiayaan Bot Perikanan	RM240 juta
Tabung untuk Makanan (3F)	RM300 juta

Bank Pertanian Malaysia juga menyediakan skim kredit termasuk untuk sektor bunga-bunga di mana kementerian ini melalui Bank Pertanian Malaysia telah menyediakan skim pinjaman untuk usahawan seperti berikut:-

<b>SKIM PINJAMAN</b>	<b>PERUNTUKAN</b>
Program Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah (bagi Bajet 2007)	RM 2 juta
Skim Pembiayaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian	RM 20 juta
Skim Kredit Mikro Pertanian	RM100 juta
Skim Kredit IKS	RM 30 juta
Modal Usahawan Tani	RM100 juta

Syarat-syarat adalah mudah:-

- (a) Faedah rendah
- (b) *Financing* dengan izin hingga 80%
- (c) Bayaran balik yang fleksibel

Bank Pertanian Malaysia telah pun merangka pelan peruntukan seperti berikut:-

- (i) peruntukan pinjaman oleh Bank Pertanian Malaysia bagi Rancangan Malaysia Kesembilan ialah RM830 juta. Bagi Bajet 2006 ialah RM135 juta dan Bajet 2007 ialah RM260 juta;
- (ii) peruntukan dana sama ada dari kerajaan atau dari wang simpanan orang awam adalah mencukupi;

- (iii) pertimbangan ke atas permohonan pinjaman adalah berasaskan projek *viability* dan penilaian mengikut 5C iaitu dengan izin semuanya *character, credibility, capital, condition* dan akhir *collateral*;
- (iv) keutamaan Bank Pertanian Malaysia ialah persediaan atau *readiness* peminjam. Cagaran bukan kriteria utama. Hingga kini hanya 36% pinjaman di Bank Pertanian Malaysia yang bercagaran penuh;
- (v) *delivery* iaitu cuba memuaskan keperluan pinjaman dengan sistem *delivery* yang terbaik mengikut piawaian MS ISO 9001/2000.
- (vi) Menetapkan tempoh pemprosesan pinjaman seperti berikut:-
  - a. Di peringkat cawangan 11 hari bekerja
  - b. Di peringkat pejabat negeri 24 hari bekerja
  - c. Di ibu pejabat 35 hari bekerja
  - d. Di peringkat Lembaga Pengarah 48 hari bekerja

Tuan Yang di-Pertua mengenai mengurangkan bil import dan menggalakkan eksport. Berhubung dengan cadangan supaya sektor pertanian negara dapat mengurangkan bil import dan menggalakkan eksport makanan. Dalam hal ini kementerian telah pun melaksanakan Pelan Imbangan Dagangan 2010 atau ringkasannya BOT Pelan 2010 bagi menangani kenaikan import untuk komoditi-komoditi agro makanan melalui peningkatan eksport barangan agro makanan termasuk produk-produk pemprosesan hiliran. Kerajaan juga telah melaksanakan dasar pedaging negara sektor ruminan bagi meningkatkan pengeluaran ternakan negara dan mencapai sara diri ke tahap 37% dalam tahun 2010 dan 40% menjelang tahun 2015 bagi daging lembu dan 10% pada tahun 2010 bagi daging kambing.

Mengenai bioteknologi pertanian oleh MARDI. Tuan Yang di-Pertua, cadangan terhadap langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memperkasa sektor pertanian dengan memperhebatkan penggunaan teknologi moden dan bioteknologi pertanian telah dilaksanakan. Aspirasi ini telah dikembangkan oleh MARDI. Bioteknologi telah dikenal pasti oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai teknologi tinggi yang berpotensi di dalam mentransformasikan sektor pertanian kepada yang maju dan berdaya saing.

Penggunaan bioteknologi adalah satu daripada kriteria pertanian baru yang menjadi matlamat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Bioteknologi mempunyai potensi tinggi bagi memperbaharui sektor pertanian kerana ianya dapat melahirkan proses yang lebih efisien serta kos efektif di samping produk-produk baru yang tidak dapat dijana melalui cara konvensional.

Pertanian mempunyai rantai nilai yang jelas yang bermula di peringkat pengeluaran, pemprosesan hinggalah pemasaran. Bioteknologi boleh di aplikasi di sepanjang rantai nilai tersebut bagi menjadikan keseluruhan proses yang lebih mantap. Bagi memastikan bioteknologi

dapat dimanfaatkan oleh sektor pertanian ianya mestilah dimulakan dengan penyelidikan yang *industry driven* dan diikuti dengan proses pengkomersialan yang efektif.

Di peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D) dua komponen kritikal diperlukan iaitu dengan pembangunan modal insan yang berpengetahuan dan kompeten serta pembangunan *state of the art* - prasarana dan kemudahan penyelidikan. Kedua-dua keperluan ini perlu dibangunkan serentak bagi menjamin *output* R&D yang berguna dan bermakna kepada industri pertanian dapat dijana. Aspirasi kerajaan yang ingin membangunkan pertanian baru dengan mengaplikasikan teknologi tinggi seperti bioteknologi memerlukan strategi dan mekanisme yang mantap.

Dasar Bioteknologi Kebangsaan telah mengenal pasti bioteknologi pertanian sebagai teras strategi yang utama. Institut Agro Bioteknologi Kebangsaan atau dengan izin *National Agro Biotechnology Institute* atau ringkasannya ABI akan ditubuhkan dan ditempatkan di MARDI sebagai tanda perkongsian bijak di antara dua kementerian iaitu MOSTI dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Peneraju bioteknologi dan pertanian negara. Kementerian memang telah yakin bahawa bioteknologi dapat meningkatkan kekayaan negara melalui produk baru dan tambah nilai yang dapat membangunkan industri pertanian dan makanan. Usaha R&D bioteknologi sedang giat dijalankan di semua institusi penyelidikan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam pelbagai aspek bioteknologi pertanian. Malaysia kaya dengan sumber kekayaan biodiversiti yang merangkumi tumbuhan, haiwan, mikro dan marin. Kesemuanya dapat dieksploitasi melalui bioteknologi untuk menjadi sumber kekayaan baru negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Skim Subsidi Padi. Saranan supaya pelaksanaan subsidi harga padi dan input-input pertanian dipantau pelaksanaannya adalah amat baik. Ini adalah cara bagi memastikan hasil padi bertambah dan petani mendapat faedah daripada dasar kerajaan. Oleh yang demikian, pelaksanaan Skim Subsidi Harga dan Skim Baja Padi sentiasa dipantau oleh kementerian bagi memastikan petani-petani mendapat faedah dan hasil padi bertambah.

Maklumat berkaitan dengan pesawah dan usaha yang dilakukan termasuk hasil, sentiasa dikemas kini oleh kementerian melalui agensi-agensi pelaksana iaitu BERNAS dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Isu pemborongan dan peruncitan beras oleh bumiputera yang masih lagi belum mencapai tahap yang membanggakan pada masa ini. Sebenarnya terdapat 1,688 pemegang lesen beras borong (LBB) di seluruh Malaysia yang aktif. Pecahan mengikut status adalah seperti berikut:

<b>Pemegang Lesen</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Bumiputera	672	44%
Bukan Bumiputera	919	56%

Manakala bagi pemegang lesen beras runcit terdapat 40,273 di seluruh Malaysia sehingga November tahun 2006. Pecahan mengikut status adalah seperti berikut:

<b>Pemegang Lesen</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Bumiputera	18,898	46.9%
Bukan Bumiputera	21,371	53.1%

Pihak kementerian sentiasa membuka peluang dan keutamaan kepada penyertaan dan permohonan daripada bumiputera yang berminat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Sudah hendak *roundup*. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ucapkan jutaan terima kasih atas segala saranan dan cadangan yang telah diberikan, dibangkitkan semasa membahar di dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Insya-Allah, dengan saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat, akan memantapkan lagi pembangunan pertanian di dalam negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat bukan berhenti kerana tersinggung.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia.

**5.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz binti Md Nawi telah mencadangkan supaya PERKESO membenarkan tuntutan pekerja yang mengalami kecacatan kekal boleh juga dibuat oleh ibu bapa pekerja tersebut. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, borang permohonan untuk sebarang tuntutan faedah PERKESO termasuk bagi kes kecacatan kekal boleh dikemukakan oleh wakil pekerja atau waris, yakni ibu bapa dengan syarat borang-borang tersebut lengkap di isi dan ditandatangani oleh pekerja terbencana. Walau bagaimanapun, dalam situasi pekerja itu tidak berupaya untuk menandatangani borang tuntutan itu, PERKESO boleh atas budi bicara membenarkan tuntutan yang dibuat oleh warisnya bagi pihak pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia menyiasat agensi swasta dan industri yang melantik anak tempatan sebagai pekerja kontrak dari setahun ke setahun dan

mereka tidak pula mendapat keistimewaan sebagai seorang pekerja, seperti kemudahan rawatan perubatan, hospital dan sebagainya. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa memastikan agar hak sama rata ini dapat dinikmati oleh semua pekerja tanpa mengira taraf perkhidmatan mereka, sama ada secara kontrak atau tetap.

Di bawah Undang-undang Buruh, semua majikan diwajibkan memberi perlindungan minimum kepada pekerja-pekerja mereka yang bergaji di bawah RM1,500, termasuklah memperuntukkan cuti sakit dan hospitalisasi. Cuti sakit yang diperuntukkan adalah 14 hari bagi pekerja yang bekerja kurang daripada dua tahun. Cuti sakit 18 hari akan diberi kepada mereka yang telah bekerja lebih daripada dua tahun tetapi kurang lima tahun. Bagi pekerja yang telah bekerja lebih daripada lima tahun, mereka akan diberi cuti sakit selama 22 hari. Sekiranya pekerja itu perlu dihospitalisasi, mereka layak mendapat 60 hari setiap tahun. Walau bagaimanapun, kemudahan rawatan perubatan adalah tertakluk kepada budi bicara majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah membangkitkan isu graduan yang menganggur dan mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia membuat satu perancangan guna tenaga bagi menangani isu siswazah menganggur dengan menubuhkan satu jawatankuasa dengan menggabungkan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia telah diminta oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk menubuhkan jawatankuasa teknikal mengenai pengangguran di kalangan graduan pada bulan Ogos 2006 yang lalu, dengan kerjasama dari Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kementerian juga bercadang untuk menjemput pihak Majlis Amanah Rakyat, yakni MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam (Jabatan Perkhidmatan Awam), serta kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk memantapkan lagi keanggotaan jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa ini diberi tanggungjawab untuk menyelaras data pengangguran di kalangan siswazah dari pelbagai sumber dan menyediakan satu sumber data rasmi.

Di antara keperluan pangkalan data tersebut adalah:

- (i) mendapatkan bilangan sebenar pengangguran siswazah pada satu-satu masa;
- (ii) melaksanakan analisis profil pengangguran di kalangan siswazah secara komprehensif, khususnya yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka;
- (iii) menggubal dasar dan strategi yang sesuai untuk menangani masalah tersebut;

- (iv) Kementerian Sumber Manusia juga akan bekerjasama dengan IPTA dan IPTS dalam konteks membantu menempatkan siswazah bekerja berdasarkan kepada kekosongan jawatan yang dilapur oleh majikan melalui *Job Clearing System*, termasuk melalui pesta pekerjaan di IPTA, IPTS; dan
- (v) membuat analisis bulanan mengenai kadar kekosongan jawatan yang terdapat di pasaran berbanding dengan penawaran sumber manusia, khususnya di kalangan siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini berharap bahawa selepas pelaksanaan sepenuh pangkalan data tersebut, trend penawaran dan permintaan pekerjaan negara akan menjadi lebih jelas, lebih pantas supaya dapat membantu, khususnya graduan IPTA, IPTS membuat perancangan yang bersesuaian untuk mengurangkan *mismatch* di kalangan siswazah.

Bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program, terutamanya untuk menyediakan latihan dalam bidang kemahiran untuk meningkatkan kebolehpekerjaan, *employability*, siswazah dalam pasaran pekerjaan. Di antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan pencari kerja mendaftar bagi mencari pekerjaan secara *online* melalui *Electronic Labour Exchange (ELX)* atau hadir di mana-mana pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan;
- (ii) mengadakan pesta pekerjaan, *job fair*, yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dari semasa ke semasa bagi membantu, menemukan pencari kerja dan majikan melalui temu duga terbuka. Panduan kerjaya dan maklumat pasaran buruh juga diberikan kepada mereka
- (iii) mengadakan ceramah-ceramah kerjaya di sekolah-sekolah, di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam usaha memberi penerangan mengenai keadaan pasaran buruh dan panduan bagi siswazah merancang kerjaya mereka;
- (iv) Skim Usahawan Siswazah di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta skim-skim di bawah kementerian lain juga diambil kira dan juga dihebahkan;
- (v) menyebarkan maklumat pekerjaan melalui *Career Information Centre* dalam laman web kementerian;
- (vi) melaksanakan program Skim Latihan Graduan (SLG) dengan menawarkan kursus-kursus yang memberi penekanan kepada kemahiran bekerja - *working skills* seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisis, keterampilan diri dan aspek-aspek pengurusan lain; dan

- (vii) menyediakan analisis pasaran pekerjaan - *supply and demand* berasaskan aktiviti dalam GCS dan laporan analisis jawatan kosong yang diiklankan di akhbar dan diedarkan kepada kementerian dan agensi yang relevan seperti Kementerian Pengajian Tinggi supaya dapat membantu menyediakan kursus silibus yang sesuai dengan kehendak pasaran pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Heng Seai Kie telah mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia menyemak semula Skim Latihan Graduan kerana ia dikatakan tidak berkesan di dalam mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Skim Latihan Graduan telah dilaksanakan semenjak tahun 2001 adalah merupakan salah satu strategi kerajaan untuk membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran graduan yang masih menganggur untuk memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan.

Terdapat sebanyak 13 program latihan yang telah dibangunkan dengan kerjasama wakil-wakil persatuan majikan, penyedia latihan dan majikan bagi memastikan ia relevan dengan keperluan semasa pasaran buruh. Input dari wakil majikan dan persatuan majikan amat penting bagi memastikan modul ataupun program latihan yang ditawarkan di bawah skim ini mampu menangani isu ketidaksepaduan '*skill mismatch*' antara kemahiran yang diperlukan oleh pasaran buruh dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan yang menjadi faktor pengangguran di kalangan graduan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan program latihan yang ditawarkan ini juga memberi penekanan kepada kemahiran bekerja - *working skills* seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisis, keterampilan diri dan aspek-aspek pengurusan lain yang mempunyai nilai tambah bagi memudahkan graduan mendapatkan pekerjaan terutama di sektor swasta.

Melalui skim latihan ini juga graduan dikehendaki mengikuti program sangkutan praktikal selama dua bulan yang dijalankan di premis-premis majikan sektor swasta. Pemilihan majikan dari sektor swasta untuk latihan sangkutan ataupun praktikal ini adalah merupakan salah satu strategi terbaru untuk memantapkan, mendedahkan graduan kepada realiti kerja di sektor-sektor swasta dan juga melanjutkan, meningkatkan daya saing graduan agar mampu menyanggah pekerjaan sektor swasta yang lebih banyak menawarkan pekerjaan dengan nisbah satu di sektor awam, 10 di sektor swasta.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, semenjak dilaksanakan pada tahun 2001, sehingga kini seramai 38,164 graduan telah diluluskan untuk mengikuti latihan di bawah skim ini dan mengikut *tresses study* yang kita buat, selepas enam bulan kesemua mereka boleh dikatakan majoritinya memperoleh pekerjaan iaitu mencapai tahap 86% manakala yang bakinya

adalah mereka yang ingin meneruskan latihan dan juga sambungan pelajaran di tempat-tempat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kajian keberkesanan skim ini telah dilakukan ke atas pelatih-pelatih yang telah menamatkan latihan bukan sahaja masa ini tetapi juga di bawah Skim Latihan Graduan 1 dan 2 yang kita dapati ia telah berjaya mendapatkan pekerjaan sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi dalam 86%.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa secara kesimpulannya pelaksanaan Skim Latihan Graduan kementerian ini telah berjaya membantu mengurangkan masalah pengangguran dan telah berjaya membantu mengurangkan pengangguran serta menempatkan mereka di banyak tempat pekerjaan dan menjadikan graduan lebih berdaya saing, lebih diyakini oleh majikan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih baik di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Sri Onn telah mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia mewujudkan kelas-kelas dewasa yang diiktiraf kepada pekerja bagi memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran dan melanjutkan pelajaran ke menara gading. Ini adalah sebagai suatu usaha untuk membantu pembangunan modal insan yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja dari semasa ke semasa telah mengadakan kursus kemahiran jangka pendek bagi tempoh di antara dua hingga lima minggu mengikut jenis kursus dan institut latihan di Jabatan Tenaga Manusia.

Kursus jangka pendek ini dibuka kepada semua golongan masyarakat yang berminat termasuk golongan pekerja tanpa mengira umur dan jantina dengan dikenakan bayaran tertentu. Bayaran kursus adalah percuma bagi penuntut sekolah yang mengikuti kursus latihan teknologi maklumat seperti Microsoft Excel dan bayaran di antara RM2,000 hingga RM3,000 bagi lain-lain kursus seperti *CNC Mailing, plastic injection moulding, gas welding, auto cat design*, penghawa dingin, penjaga jentera voltan rendah dan sebagainya.

Para peserta kursus jangka pendek ini akan menerima kehadiran setelah mengikuti kursus ini. Sijil ini juga dapat memberi nilai tambahan kepada setiap individu peserta dari segi peningkatan ilmu kemahiran mereka. Walau bagaimanapun sijil kehadiran ini adalah tidak setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran sebagai sijil kelayakan untuk bekerja di industri tempatan.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini SKM hanya layak diterima oleh pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa di ILJTM setelah mereka berjaya dalam peperiksaan yang tertentu. Tambahan pula hanya warganegara yang berumur 30 tahun dan ke bawah sahaja layak memohon kursus sepenuh masa ini. Sukacita dinyatakan bahawa bagi tempoh tahun 2000

sehingga 2005 seramai 28,521 peserta telah berjaya menyertai kursus kemahiran jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, meminta Kementerian Sumber Manusia mengemukakan maklumat mengenai bilangan pekerja-pekerja swasta dan bilangan syarikat swasta di Malaysia memandangkan jumlah graduan yang menganggur telah mencecah seramai 65,000 berbanding jumlah jawatan sektor awam sebanyak 1.3 juta dan sektor swasta sebanyak 10 juta.

Bagi maklumat Dewan yang mulia ini kementerian ini tidak mempunyai maklumat yang lengkap mengenai jumlah pekerja swasta dan bilangan syarikat swasta di Malaysia. Walau bagaimanapun, bilangan syarikat swasta yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja sehingga 15 Disember 2006 adalah sebanyak 578,000 majikan dan daripada 11.58 juta tenaga buruh di Malaysia. Daripada angka tersebut, hampir 1.3 juta bekerja dalam sektor awam dan hampir 2 juta merupakan pekerja asing dan selebihnya bekerja dengan sektor swasta dan secara bersendirian.

Di samping itu pengangguran graduan pada masa ini tidak begitu serius kerana daripada 44,895 orang yang berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia dan hampir 47% iaitu sebanyak 20,983 orang telah bekerja tetapi sedang mencari pekerja yang lebih banyak sesuai dengan minat dan kelayakan mereka. Maknanya pencari pekerja ini 53% yang baru dan 47% sebenarnya yang telah bekerja cuma dia tidak berapa kekal ataupun hendak mencari yang lebih kekal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya amat menghargai teguran, komen, cadangan dan pandangan yang membina tersebut dan akan mengambil perhatian serta tindakan sewajarnya terhadap isu cadangan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih. .

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

#### **5.49 ptg**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan setinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa membahaskan bajet tahun 2007.

Yang Berhormat Senator Mumtaz Mohd Nawi telah mengemukakan ulasan dan pandangan berkaitan peranan serta tanggungjawab kementerian ini. Beliau telah membangkitkan

isu mengenai keadaan pemecah ombak di pantai-pantai negeri Kelantan seperti pembinaan Benteng dan sebagainya dan menyarankan ia dikaji semula secara terperinci dengan kadar segera kerana dalam tempoh 10 tahun sehingga kini telah banyak kampung dan kawasan yang telah terhakis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di Jabatan Pengairan dan Saliran hanya satu insiden hakisan serius yang pernah berlaku di Pantai Timur yang berpunca dari pembinaan sebuah struktur pemecah ombak di muara sungai. Pemecah ombak ini telah didirikan untuk tujuan kemudahan layaran bot nelayan dan saliran air banjir. Malangnya kehadiran struktur ini telah menyebabkan hakisan pantai yang sememangnya sedang berlaku di pantai bersebelahannya. Ia menjadi lebih serius dan pantai tersebut ialah Pantai Sabak.

Dari fungsinya, reka bentuk struktur ini berjaya mengekalkan laluan bot nelayan dan mempercepatkan saliran air banjir dari bahagian hulu. Namun tahap keseriusan impaknya terhadap pantai bersebelahan telah melebihi apa yang telah dijangkakan. JPS telah mengambil iktibar daripada kes ini dan semenjak tahun 1996, JPS telah mempertingkatkan keperluan kajian *hydraulic* dan mengerakkan *sediment* sebelum melaksanakan sesuatu projek yang sama.

Pada tahun 2003, JPS sendiri telah mengambil inisiatif bagi mengenal pasti permasalahan tersebut dengan menjalankan kajian terperinci di kawasan yang bermasalah ini di Kelantan dan kajian tersebut dijangka siap sepenuhnya pada pengakhir tahun ini. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM7.35 juta untuk tujuan mengawal hakisan di pantai-pantai negeri Kelantan.

Saya kira saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut dalam perbincangan Bajet 2007 telah saya jawab dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak disentuh atau diperjelaskan, pegawai-pegawai saya telah diminta untuk mencatat kesemuanya dan akan memberi maklum balas dengan kadar yang segera. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

**5.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang perbincangan Bajet 2007, seramai 17 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan pelbagai perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap sektor pendidikan negara. Saya akan cuba memberikan jawapan kepada perkara-perkara utama yang dibangkitkan manakala terdapat beberapa isu yang dibahaskan telah pun dijawab dalam perbincangan lisan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Heng Seai Kie, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar dan Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya telah membangkitkan mengenai sistem pendidikan negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang meneliti dan berhasrat untuk menjadikan sistem pendidikan yang ada sekarang terlalu berorientasikan peperiksaan. Kita telah mengorak langkah awal dengan menggunakan pendekatan baru dalam melaporkan keputusan semua peperiksaan awam kita. Laporan telah dibuat berdasarkan pencapaian dalam setiap mata pelajaran dan prestasi cemerlang para calon selain menghebahkan kecemerlangan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum.

Dalam memorandum kepada Jemaah Menteri berkenaan, program kokurikulum juga kita telah menetapkan penempatan pelajar dalam kokurikulum sebagai salah satu merit bagi kemasukan pelajar ke sekolah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah teknik, program matrikulasi dan institusi pendidikan guru. Selain itu sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan mengkaji dan merintis saranan pihak tertentu untuk:

- Mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata-pelajaran tertentu di peringkat sekolah.
- Melihat semula sistem penggal dan menggantikan dengan sistem semester.
- Mengubah cara penilaian pencapaian daripada terlalu berasaskan kandungan (*content based*) kepada yang lebih berasaskan kemahiran (*skill based*) atau daripada yang bersifat ujian pencapaian (*achievement test*) atau kepada yang bersifat ujian kebolehan am (*general ability test*).
- Mencari kaedah pentafsiran yang mampu menggalakkan pembinaan keperibadian dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Seni dan Pendidikan Jasmani.
- Mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran misalnya dengan memperbanyakkan pendekatan pengurusan projek.

Tuan Yang di-Pertua, saya optimis mengatakan bahawa sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran kita dan cara kita mentafsir dan menilai pencapaian pelajar berubah, secara tidak langsung segala elemen *multi intelligences* seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya juga akan lebih menyerlah.

Ingin ditegaskan bahawa secara langsung atau tidak langsung elemen *multi intelligences* seperti kemahiran verbal-linguistic, logik-mathematic, visual-ruang, kinestetik, muzik, kemahiran interpersonal dan kemahiran berfikir Kritis dan kreatif seperti saranan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar ada diterapkan dalam mata pelajaran yang ditawarkan sekarang.

Mengenai budaya penyelidikan di sekolah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawar, Kementerian Pelajaran telah pun mengambil langkah-langkah proaktif untuk memupuk sikap ingin tahu dan keinginan dan meneroka melalui budaya penyelidikan di kalangan murid bermula seawal peringkat sekolah rendah lagi. Usaha yang telah dan sedang dilaksanakan melalui pendekatan *inquiry* yang terdapat dalam kokurikulum Sains iaitu pertemuan *inquiry discovery*, dengan izin adalah bermatlamat untuk merangsang sikap ingin tahu murid-murid. Murid-murid juga mengikuti kurikulum yang berasaskan aktiviti yang digariskan melalui dengan izin, *Suggested learning Activities* dalam sukatan pelajaran.

Kebanyakan aktiviti ini pula merupakan aktiviti yang bersifat *hands-on* dan *minds-on*. Oleh itu pengalaman pembelajaran di bilik darjah melalui aktiviti tersebut membolehkan murid secara langsung dipupuk dengan sikap ingin tahu dan keinginan meneroka untuk mendapat penemuan-penemuan baru.

Walaupun Kementerian Pelajaran tidak menetapkan jumlah peruntukan, namun bagi menggalakkan aktiviti ini berjalan dengan baik, guru-guru akan dibekalkan bahan sokongan seperti direktori sumber luar dalam pengajaran dan pembelajaran Sains. Guru boleh menggunakan direktori ini dan membawa murid melawat tempat-tempat tertentu untuk melihat keadaan sebenar sesuatu konsep yang dipelajari dalam kurikulum Sains. Melalui aktiviti seperti ini, sikap ingin tahu dan keinginan meneroka dapat dipupuk.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah menyentuh tentang memupuk perpaduan antara kaum. Budaya ini memang diterapkan kepada murid-murid sejak dari peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi. Penerapan tersebut dilakukan sama ada melalui kurikulum ataupun aktiviti kokurikulum. Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah berusaha memupuk perpaduan melalui memperkasa sekolah aliran perdana dan konsep Sekolah Wawasan.

Di samping itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan beberapa strategi telah dirancang untuk memantapkan perpaduan negara dan integrasi nasional. Antara strategi yang dikenal pasti ialah:

- (i) meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman rakyat Malaysia supaya menghormati Perlembagaan Malaysia;
- (ii) meningkatkan semangat patriotik melalui aktiviti kokurikulum seperti Kelab Rukun Negara, kempen cintakan warisan bangsa dan negara;
- (iii) menanamkan semangat hormat-menghormati dan peka terhadap sensitiviti masyarakat pelbagai kaum antaranya melalui kem motivasi, pertandingan, ceramah dan gotong-royong;

- (iv) memberikan kefahaman yang menyeluruh tentang semangat kejiranan dalam pembentukan perpaduan dan integrasi nasional; dan
- (iiv) mempergiatkan aktiviti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau RIMUP dengan mewujudkan Jawatankuasa RIMUP di semua peringkat. Dalam menjayakan program RIMUP ini, Kementerian Pelajaran juga akan mendapat kerjasama dan sumbangan daripada Jabatan Perpaduan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elemen mengenai semangat patriotik tersebut telah dimasukkan sebagai isu kandungan dalam beberapa mata pelajaran khususnya sejarah serta pendidikan sivik dan kewarganegaraan. Dalam mata pelajaran sejarah, murid didedahkan kepada latar belakang perkara tersebut berdasarkan rentetan peristiwa iaitu melalui tema, 'Pembinaan Negara dan Bangsa ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat' di tingkatan lima. Tema ini membincangkan tentang ke arah pembinaan sebuah negara dan bangsa yang merdeka dan berdaulat. Mata pelajaran pendidikan sivik dan kewarganegaraan turut membincangkan semangat patriotik dalam tema, 'Malaysia Negara Berdaulat' di tingkatan empat yang menekankan kepada unsur patriotik dan kedaulatan negara, sistem pemerintahan negara serta hak dan tanggungjawab warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain dan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membangkitkan mengenai pelaksanaan ICT. Sebenarnya pelaksanaan ICT di sekolah telah pun berlaku hampir di semua sekolah kita. Melalui pelbagai inisiatif ICT, sebahagian besar sekolah telah dilengkapi dengan komputer meja lebih kurang 130,000 buah dan *notebook* sekitar 140,000. Lebih 2,000 jadual perisian-perisian kursus. Manakala sekitar 200,000 guru telah kita pohon juga pernah dilatih untuk menggunakan perkakasan dan perisian ini.

Dalam tempoh lima tahun ini, kita akan memastikan nisbah komputer meja terhadap pelajar dan nisbah *notebook* terhadap guru berkurang. Menambah perisian kursus untuk lebih banyak mata pelajaran dan memantapkan latihan guru dan kursus pengurusan perubahan di sekolah-sekolah. Kementerian Pelajaran juga akan memberikan lebih tumpuan ke arah usaha memantapkan pelaksanaan projek-projek ICT sedia ada bagi menyokong dan menjayakan teras ketiga Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu merapatkan jurang pendidikan yang merangkumi aspek merapatkan jurang digital.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM180 juta telah diperuntukkan bagi keperluan menyumbangkan rangkaian dalaman atau LAN di sekolah. Langkah ini diyakini dapat mengatasi masalah jurang digital antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar. Sehingga 15 April 2006, sebanyak 9,320 buah sekolah telah selesai dipasang dengan infrastruktur rangkaian *SchoolNet*. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, perluasan rangkaian *SchoolNet* akan diteruskan untuk sekolah-sekolah baru. Usaha-usaha menaik taraf kemudahan

bekalan elektrik di sekolah-sekolah yang memerlukan diharap dapat membantu golongan pelajar dan guru pentadbir di kawasan pedalaman untuk setanding dengan sekolah-sekolah bandar dalam mendapatkan pengetahuan melalui penggunaan ICT.

Bagi memastikan anak-anak di kawasan luar bandar mendapat pendedahan pendidikan ICT sejak dari peringkat awal lagi. 2,400 kelas prasekolah telah pun dilengkapi dengan kemudahan komputer yang dapat memberi manfaat kepada hampir 61,000 kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun. Sehingga kini, terdapat 5,266 buah sekolah telah dilengkapi dengan program pengkomputeran. 8 buah sekolah sedang dalam pembinaan dan 91 sekolah lagi sedang dibekalkan dengan peralatan ICT. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian bercadang untuk membina makmal di 3,549 buah sekolah yang masih belum dilengkapi dengan kemudahan ICT. Pembinaan akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan pelaksanaan 744 buah makmal pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan pendidikan luar bandar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari terdapatnya jurang antara sekolah bandar dan luar bandar dalam perbagai aspek. Oleh demikian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran telah meletakkan pembangunan pendidikan luar bandar sebagai fokus kursus bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar supaya semua sekolah dan pelajar di luar bandar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. Kerajaan telah memperuntukkan RM1.15 bilion untuk program luar bandar bagi mengatasi masalah infrastruktur asas seperti bekalan elektrik 24 jam bagi hampir 900 sekolah yang masih memerlukan dan juga kepada 300 buah sekolah untuk mendapat bekalan air bersih di kawasan ini.

Bagi memastikan golongan di kawasan pedalaman ini benar-benar terbela, kerajaan telah menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Badan ini telah menyusun sejumlah strategi pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang efektif di kawasan luar bandar dan pengalaman yang turut dikenali sebagai projek-projek berimpak tinggi. Projek-projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan meliputi pelbagai aspek seperti aspek infrastruktur, peralatan, guru kurikulum dan program bantuan serta khidmat sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia juga akan meneruskan dan memantapkan lagi program-program bantuan tambahan kepada pelajar seperti Skim Baucar Tuisyen, Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, biasiswa, Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, bantuan makanan asrama, bantuan pengangkutan serta pembinaan asrama harian dan desa. Kementerian Pelajaran juga berusaha menambah baik sistem penyampaian bantuan-bantuan ini dan penyelarasan akan dibuat dengan pelbagai pihak agar bantuan-bantuan dapat diberikan dengan lebih bermakna selain dapat mengelak pertindihan dan pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae dan Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin menyentuh tentang penguasaan 3M dan keciciran pelajar. Kementerian Pelajaran menyedari terdapat murid-murid khususnya sekolah rendah masih tidak dapat menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pelajaran telah dan sedang berusaha melalui pelbagai tindakan untuk mengatasinya. Antaranya ialah memantapkan lagi Program Kelas Pemulihan Khas, menjalankan Program Rintis Kelas Pembelajaran Ringan KBSR, melaksanakan Program Kelas Intervensi Awam Membaca dan Menulis atau KIA 2M.

Menjalankan kajian status terkini pelaksanaan pemulihan khas, pelaksanaan program pemulihan khas tahap satu, mengadakan Program Pemulihan 3M Pasca UPSR atau PROTIM, mengadakan lebih banyak kelas pra sekolah, melaksanakan program pendidikan khas kanak-kanak bermasalah pembelajaran khusus atau dyslexia, menjalankan Program Rintis Masalah Pembelajaran Murid Autisme dan melancarkan Projek Gerak Gempur 3M oleh Jabatan Pelajaran Negeri.

Selain itu, kita juga akan mempertingkatkan kelas pemulihan di luar bandar iaitu sebanyak 5,000 kelas bagi memperkukuhkan penguasaan 3M dan memperluaskan penawaran mata pelajaran vokasional kepada 480 sekolah luar bandar bagi meningkatkan peluang pelajar kurang cenderung akademik agar murid terus mendapat pendidikan bagi mengelakkan berlakunya keciciran.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas yang cacat pendengaran dan autisme yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, untuk makluman, antara langkah kerajaan menyediakan peruntukkan adalah untuk melaksanakan dua jenis program pendidikan khas yang disediakan iaitu sekolah pendidikan khas dan program pendidikan khas integrasi di sekolah-sekolah biasa.

Buat masa ini, bilangan kelas pendidikan khas bagi sekolah rendah dan menengah adalah sebanyak 344 buah manakala bilangan kelas melalui program pendidikan khas integrasi bagi sekolah rendah dan menengah adalah sebanyak 2,318 buah. Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan program-program baru iaitu program pendidikan khas kanak-kanak bermasalah pembelajaran khusus *dyslexia* dan program rintis masalah pembelajaran murid autisme telah dijalankan di sekolah Setapak Kuala Lumpur yang melibatkan penyertaan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, program pendidikan khas yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran memang bertujuan untuk membolehkan para pelajar berdikari. Guru-guru yang mengendalikan kelas-kelas pendidikan khas tersebut adalah guru terlatih dalam pendidikan asas pengurusan dan guru-guru ini juga diberi latihan dalam perkhidmatan sebelum mengajar murid dalam program pendidikan khas. Selain itu, terdapat juga guru-guru yang mendapat latihan asas

dalam bidang pendidikan khas dan bilangan guru yang diambil untuk dilatih adalah mengikut keperluan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid-murid berkeperluan khas yang tidak cemerlang akademiknya boleh meneruskan persekolahan dalam bidang teknik dan vokasional supaya mereka memiliki kemahiran asas untuk memasuki alam pekerjaan yang bersesuaian. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 Kementerian Pelajaran telah memohon peruntukan untuk menaik taraf kelas-kelas pendidikan khas sedia ada dan juga membina kelas-kelas pendidikan khas yang baru. Selain itu Kementerian Pelajaran juga memohon peruntukan bagi pembelian peralatan-peralatan program pendidikan khas.

Seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, Kementerian Pelajaran juga sedar bahawa masalah untuk memastikan guru-guru dapat di hantar ke kawasan luar bandar dan pedalaman. Tiada gunanya kita mengadakan infrastruktur yang canggih jika tiada guru yang dapat di hantar di kawasan ini. Guru merupakan golongan yang paling penting dan yang berada di barisan paling hadapan bagi melaksanakan segala dasar dan perancangan kita.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-9, lebih tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti tinggi iaitu mereka yang benar-benar memahami hasrat dan matlamat negara. Empat strategi utama yang dirangka untuk memartabatkan profesion keguruan, iaitu yang pertama memantapkan aspek pemilihan, yang kedua memantapkan karier perguruan, yang ketiga memperbaiki persekitaran kerja guru dan yang keempat meningkatkan keyakinan serta rasa bangga para guru terhadap profesion keguruan.

Berkaitan dengan penempatan guru siswazah pendidikan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Kementerian Pelajaran bersama Kementerian Pengajian Tinggi telah membuat penyelarasan mengenai masalah graduan bidang pendidikan dari institusi pengajian tinggi. Tawaran jawatan kepada graduan tersebut adalah berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan yang sesuai dengan opsyen mereka. Ambilan dilakukan melalui proses temu duga dan penempatan hanya akan diberi apabila mereka lulus temu duga tersebut. Kementerian Pelajaran telah pun mengadakan penyelarasan keperluan guru dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menangani masalah ini dan membuat unjuran keperluan guru berdasarkan opsyen dan keperluan pada masa hadapan.

Berhubung dengan memartabatkan bahasa Melayu seperti saranan Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw, sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan akta-akta yang berkaitan dengan bahasa Melayu, kerajaan telah dan sedang berusaha untuk memelihara kedudukan dan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara ini. Walaupun kerajaan sedang melaksanakan pengajian sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, tidaklah bermakna kerajaan akan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa

pengantar utama seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan cadangan pindaan akta bagi penguatkuasaan melalui undang-undang berhubung penyalahgunaan bahasa Melayu bertujuan memperkasakan bahasa kebangsaan. Setelah akta tersebut diluluskan, Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan kuasa yang diberikan itu dilaksanakan dengan cekap dan telus. Kerajaan telah banyak melaksanakan usaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dan digunakan secara meluas. Usaha-usaha termasuk melalui arahan, ulasan, nasihat, panduan, bimbingan, latihan dan pengawasan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung sekolah agama rakyat seperti yang disentuh oleh Puan Mumtaz binti Md Nawi, Kementerian Pelajaran menyedari peranan semua sekolah termasuk sekolah agama dan arus pembangunan negara. Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran tidak pernah mengabaikan pembangunan prasarana pendidikan bagi semua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran sama ada sekolah kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan, termasuklah sekolah-sekolah agama.

Sehubungan itu juga kerajaan menyarankan supaya sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah agama negeri berdaftar dengan Kementerian Pelajaran sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Sekolah agama bantuan kerajaan akan menikmati bantuan sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh seperti yang dinikmati oleh sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang lain. Dari segi bantuan per kapita, sekolah agama bantuan kerajaan juga akan mendapat kadar bantuan per kapita yang sama dengan sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Sehingga kini, terdapat 101 sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat telah berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran sebagai sekolah agama bantuan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah membangkitkan mengenai penolakan orang bukan Melayu ke sekolah kebangsaan kerana dikatakan terlalu Islamik. Untuk makluman sekolah kebangsaan adalah merupakan sekolah aliran perdana untuk semua kaum. Dari segi kurikulum, mata pelajaran pendidikan Islam, hanyalah untuk murid-murid beragama Islam seperti dalam Akta Pendidikan 1996. Manakala murid-murid yang bukan beragama Islam tidak dipaksa untuk mengikuti mata pelajaran tersebut. Sebaliknya mereka mengikuti mata pelajaran pendidikan moral.

Dari segi ko-kurikulum pula, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak membenarkan sama sekali aktiviti-aktiviti yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama lain. Berdasarkan tinjauan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah faktor lain yang menyebabkan ibu bapa bukan Melayu tidak hantar anaknya ke sekolah kebangsaan khususnya mereka mahukan anak-anak mereka mempelajari bahasa ibunda.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran telah meletakkan agenda memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai fokus utama dalam usaha menarik minat kaum lain untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan. Melalui sesi persekolahan 2007, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Cina akan mula dirintis di 150 buah sekolah kebangsaan manakala bagi mata pelajaran bahasa Tamil pula akan dirintis di 70 buah sekolah kebangsaan.

Berhubung dengan pendidikan murid-murid Orang Asli seperti dibangkitkan oleh Tuan Osman bin Bungsu sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Pelajaran telah merangka pelbagai program pembangunan pendidikan luar bandar yang turut meliputi pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli. Hasil daripada pelaksanaan perancangan pendidikan tersebut kadar penyertaan murid-murid Orang Asli telah menunjukkan peningkatan. Pada peringkat rendah *enrollment* murid-murid Orang Asli telah meningkat daripada 21,704 pada tahun 2000 kepada 26,210 pada tahun 2005. Pada peringkat menengah pula *enrollment* murid-murid Orang Asli telah meningkat daripada 5,971 pada tahun 2000 kepada 8,490 pada tahun 2005.

Penumpuan terhadap kepentingan pendidikan bagi kaum Orang Asli sentiasa ditingkatkan. Pada tahun 2006 Kementerian Pelajaran telah menjalankan program *outreach* pendidikan khas bagi mengenal pasti kanak-kanak yang berkeperluan khas dan pemulihan khas di kawasan pedalaman termasuk murid-murid Orang Asli. Di samping itu, lawatan kerja jawatankuasa bertindak bagi menangani isu-isu pendidikan anak Orang Asli juga dilaksanakan.

Hasil daripada program tersebut, Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti tindakan susulan yang akan diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid sekolah Orang Asli. Antaranya mewujudkan *cluster* kecemerlangan sekolah bagi kategori sekolah Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Tasik Chini, Sekolah Kebangsaan Luchang dan Sekolah Kebangsaan Kota Perdana untuk meningkatkan prestasi sekolah-sekolah tersebut supaya dapat bersaing dengan sekolah-sekolah lain. Pelan tindakan untuk ketiga-tiga buah sekolah telah disiapkan.

Yang kedua, sekolah kebangsaan Bandar Dua Paloh Inai Pekan telah dijadikan sebagai projek rintis asrama berpusat bagi sekolah model khas komprehensif untuk menampung murid-murid di sekitar kawasan sekolah yang mengalami masalah pengangkutan ke sekolah, murid-murid Orang Asli yang cemerlang dan murid-murid berkeperluan khas. Kurikulum sekolah rendah untuk murid-murid Orang Asli diubahsuai mengikut keperluan dan persekitaran mereka dan Kementerian Pelajaran akan membuka lima buah kelas integrasi pendidikan khas di Sekolah Kebangsaan Luchang, sekolah kebangsaan Kota Perdana dan Sekolah Menengah Kebangsaan FELDA Chini (2) pada sesi persekolahan 2007.

Mengenai aduan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kelewatan pembayaran kepada pengusaha pengangkutan yang membawa murid-murid Orang Asli ke sekolah, Kementerian

Pelajaran bersama dengan jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan berbincang dan mengenal pasti punca masalah yang timbul dan tindakan sewajarnya akan dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut. Kita tidak mahu disebabkan beberapa perkara yang dibangkitkan ini boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat menyokong penuh dan mengalu-alukan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pemansuhan yuran peperiksaan awam bagi UPSR, PMR, SPM dan STPM di sekolah kerajaan iaitu di sekolah kerajaan bantuan penuh dan sekolah bantuan kerajaan termasuk juga sekolah agama bantuan kerajaan. Walaupun dengan pemansuhan ini kerajaan akan menanggung perbelanjaan yang tinggi sebagai kos pengurusan dan pengendalian peperiksaan tersebut tetapi keprihatinan kerajaan sudah tentu melegakan ibu bapa atau penjaga terutama kepada mereka yang amat memerlukan.

Begitu juga dengan bantuan biasiswa seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu dan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy minta Kementerian Pelajaran menetapkan syarat pendapatan kasar keluarga sebanyak RM1,000 sebulan sebagai salah satu syarat kelayakan pelajar sekolah menengah untuk menerima biasiswa kecil persekutuan. Had pendapatan ini dikira wajar sebagai golongan yang berpendapatan rendah dan layak menerima bantuan.

Selain daripada itu, pelajar mestilah memiliki kebolehan akademik dan kokurikulum yang cemerlang. Dengan kriteria sedia ada Kementerian Pelajaran pula menyediakan peruntukan berjumlah RM140.6 juta setahun bagi menanggung pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima. Manakala sejumlah RM35.6 juta disediakan bagi pelajar tingkatan enam setiap tahun. Dianggarkan 200,000 pelajar dianugerahkan bantuan biasiswa dan 30,000 pelajar di anugerah biasiswa kecil persediaan universiti. Cadangan untuk menaikkan kadar biasiswa kecil persekutuan daripada RM50 kepada RM70 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2007 amatlah dialu-alukan dan bersesuaian dengan keadaan masa kini di mana kos sara hidup semakin meningkat.

Isu kebersihan tandas sekolah pun telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok. Memang diakui persekitaran sekolah yang kondusif kepada pembelajaran sentiasa ceria dan nyaman akan mendorong warga sekolah dan masyarakat menikmati serta berbangga dengan sekolah mereka. Dalam memastikan tandas-tandas di sekolah berada di tahap yang bersih, Kementerian Pelajaran telah melantik syarikat melalui tender untuk pembersihan tandas sekolah serta memperuntukkan bajet di bawah belanja mengurus setiap tahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

Tuan Yang di-Pertua, isu memperkasakan sekolah kebangsaan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini kerajaan akan terus berusaha memperkasa sekolah kebangsaan kerana yakin bahawa

sekolah kebangsaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan, kerjasama dan semangat cintakan negara di kalangan anak-anak kita.

Selain komponen fizikal kerajaan juga akan memastikan agar komponen bukan fizikal di sekolah kebangsaan ditambah baik. Kerajaan akan berusaha menjadikan sekolah kebangsaan lebih beraspirasi nasional, meningkatkan pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar, membangunkan budaya sekolah yang cemerlang, meningkatkan kualiti kepimpinan pengurusan dan guru-guru menyumbangkan nisbah guru dari pelbagai etnik serta meningkatkan penglibatan dan rasa kepunyaan ibu bapa serta komuniti terhadap sekolah kebangsaan. Sebagai salah satu langkah untuk menarik minat ibu bapa bukan Melayu terhadap sekolah kebangsaan kerajaan akan mempakejkan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat? Sebab ini sudah berulang.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sedikit lagi sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bab ini sudah berulang.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih. Kerajaan akan mempakejkan semula pelaksanaan pengajaran mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan seperti yang saya sebutkan tadi. Bagi menarik minat ibu bapa pelajar Islam pula, kerajaan merancang untuk memperluaskan pelaksanaan pengajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain atau J-QAF ke sebanyak 4,568 buah sekolah lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ini merupakan tambahan kepada pelaksanaan 1,221 buah sekolah pada Rancangan Malaysia Kelapan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang disentuh oleh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk kejayaan dan gemilang dalam sektor pendidikan negara. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai penjelasan sambungan kepada kupasan saya tadi memang dalam hal ehwal manusia ada urusan atau perkara-perkara yang boleh dimuktamadkan dengan cakap, tetapi ada urusan-urusan yang tidak boleh dimuktamadkan dengan cakap. Hanya boleh dimuktamadkan oleh undi pilihan raya keputusan dalam Parlimen. Jadi banyak mana cakap pun tidak muktamad. Dia hanya dimuktamadkan dengan undi.

Sebab itulah sama ada pihak yang mengganggu saya cuba tahan supaya melicin perbahasan dan pihak yang menggulung pun kadang-kadang saya terpaksa mengganggu sedikit semata-mata hendak memperingati bahawa sebagai institusi demokrasi dan Parlimen, Dewan Negara merupakan institusi demokrasi, ini lah satu tempat yang tidak ada muktamad dalam

percakapan hanya ada muktamad dalam pengundian. Jadi kita cakaplah ala kadar untuk memudahkan pengundian. Terima kasih. Saya jemput Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Terima kasih

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya pesanan-pesanan yang membawa kita terima daripada Tuan Yang di-Pertua yang begitu arif. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007 khususnya tentang perkara-perkara yang di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan iaitu KeKKWa. Saya ucap terima kasih dengan ikhlas teguran dan nasihat dan cadangan yang sudi disampaikan oleh mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim menanyakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh FINAS bagi menangani masalah kakitangan yang tidak mencukupi. FINAS telah menyusun semula struktur organisasinya sejajar dengan Dasar Perfileman Negara 2005. Penyusunan semula ini melibatkan penambahan bahagian dan unit di FINAS. Secara tidak langsung jumlah kakitangan FINAS juga telah bertambah dan ini telah memantapkan fungsi FINAS untuk ke arah membantu memartabatkan industri perfileman negara. Buat masa ini FINAS mengandungi enam bahagian iaitu bahagian pengurusan, pemasaran, kemudahan produksi, kejuruteraan, latihan perfileman, penyelidikan dan pembangunan. Dan sebelas unit iaitu pentadbiran, kewangan, sumber manusia, promosi, skrip dan produksi, dana dan insentif, operasi, penyelenggaraan, latihan dan juga pembangunan dan penyelidikan.

Berhubungan dengan kakitangan yang sedia ada ialah pengurusan dan profesional 23 orang, sokongan 91 orang dengan jumlah 114 orang perbandingan dengan 15 orang, 53 orang dan jumlah 68 orang masing-masing untuk tahun 2005.

Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Syeikh Fadzir mencadangkan supaya FINAS memberikan definisi jelas mengenai filem yang diklasifikasikan sebagai filem haram atau filem yang tidak mendapat kelulusan dari FINAS. Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi FINAS adalah untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan filem di Malaysia. Di dalam Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981, pindaan 1984 tiada diperuntukkan bagi pengklasifikasian filem atau meluluskan sesebuah filem untuk di tayangkan. Pengklasifikasian filem adalah tugas Lembaga Penapisan Filem iaitu LPF di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn mencadangkan supaya industri kraf tangan desa dikembangkan bagi mewujudkan lebih banyak

peluang ekonomi kepada para pengusahanya terutamanya sempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Kraf tangan Malaysia sentiasa ...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat. Saya ingin tanya Yang Berhormat tentang iklan-iklan dalam televisyen adakah di bawah FINAS? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Sebenarnya iklan-iklan bukan dalam satu kementerian sahaja sebab iklan-iklan ini dia ada satu kementerian khusus untuk menjaga piawaian dan sebagainya. Tetapi baru-baru ini ada satu jawatan kuasa khas yang terdiri daripada beberapa kementerian iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menggariskan iaitu panduan-panduan untuk iklan-iklan yang akan disiarkan dia media cetak dan juga media elektronik.

Berbalik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, Kraf tangan Malaysia sentiasa memberi penekanan pembangunan kawasan, daerah atau kampung untuk bergiat dalam pengeluaran kraf secara komersial melalui projek 'satu daerah satu industri' iaitu SDSI. Projek SDSI, projek kraf ini bermula pada tahun 2003 di mana sebanyak 20 kampung daerah telah dibangunkan sebagai pusat pengeluaran kraf. Melalui projek ini usahawan telah diberi bimbingan dan bantuan dari aspek latihan kemahiran, pemantapan kualiti dan produktiviti, pembangunan produk dan sistem pengeluaran, pembangunan promosi dan pasaran serta pembangunan prasarana pengeluaran. Melalui pelaksanaan projek ini ia dapat membantu meningkatkan pendapatan usahawan kraf di kampung dan daerah.

Pencapaian projek SDSI yang dilaksanakan oleh Kraf tangan Malaysia adalah seperti berikut, untuk tahun 2003 ada 20 projek SDSI dengan penjualan RM0.3 juta. Tahun 2004 projek SDSI 51 dengan penjualan RM10.5 juta. Tahun 2005 projek SDSI berjumlah 50 dengan penjualan RM10 juta. Untuk tahun 2006 sehingga bulan November, ada 54 projek SDSI dengan penjualan berjumlah RM16.6 juta. Pada tahun 2007, kraf tangan Malaysia mensasarkan 58 projek SDSI dibangunkan dengan sasaran jualan sebanyak RM19 juta.

Itulah sahaja setakat ini perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan saya harap jawapan yang diberikan telah menjawab perkara-perkara yang disentuh oleh mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya meminta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

6.42 ptg

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

perbahasan bajet tahun 2007 yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Segala pandangan, cadangan, mahupun teguran Ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan, diperhalusi dan dijadikan panduan dalam merangka dasar dan menyusun program yang sesuai untuk kumpulan sasar kementerian sehingga ke akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah Wan Omar, Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah Abd. Samad, dan Yang Berhormat Senator Lee Chee Keong telah membangkitkan mengenai isu wanita khususnya ibu tunggal dan ibu tunggal. Penekanan khusus terhadap kebajikan mereka terutama yang berada di bawah garis kemiskinan serta mempunyai tanggungjawab sentiasa diberi perhatian sewajarnya melalui jabatan kebajikan masyarakat. Bantuan kewangan bulanan disalurkan kepada keluarga miskin termasuk ibu tunggal seperti bantuan kanak-kanak, bantuan am dan bantuan sekolah.

Melalui bantuan kanak-kanak dan bantuan am, ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM400.00 sebulan, rakyat dipertimbangkan sama ada bantuan kanak-kanak iaitu sebanyak RM100.00 sehingga maksimum RM450.00 sebulan bagi satu keluarga atau bantuan am sebanyak RM80.00 sehingga maksimum RM350.00 sebulan bagi satu keluarga. Bagi bantuan sekolah, ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM500.00, rakyat dipertimbangkan bantuan mengikut kadar sebenar yuran sekolah, yuran peperiksaan, buku tambang pengangkutan dan pakaian seragam yang diberi setahun sekali. Selain bantuan berbentuk kewangan, kementerian secara intensif menjalankan program jangka panjang bagi membantu ibu tunggal berdikari dari sudut ekonomi melalui usaha-usaha pembangunan kapasiti dan keupayaan ibu tunggal dan anak-anak mereka. Program inisiatif kemajuan wanita IQ dan Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT) dapat memberi, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ibu tunggal dan anak-anak mereka untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan usaha niaga sendiri bagi menjana pendapatan keluarga.

Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee pula mengesyorkan pemantauan khusus diberikan kepada anak-anak yang berkeliaran serta mencadangkan agar satu modul keibubapaan khas diadakan. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, mengambil usaha meningkatkan lagi penyertaan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti pendidikan keibubapaan agar ibu bapa mempunyai kemahiran mengawasi perkembangan dan aktiviti sosial anak-anak. LPPKN mempunyai modul keibubapaan anak remaja iaitu Program Mutiara Kasih untuk membantu ibu bapa memahami dan menangani perilaku anak-anak remaja. Kursus ini menekankan tentang tanggung jawab ibu bapa kepada anak-anak. Bagaimana memahami dan berkomunikasi dengan anak serta merancang masa hadapan anak secara positif.

Untuk para remaja, Modul Permata Kasih banyak diguna pakai untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bersama pihak sekolah seperti kem permata kasih, ceramah di sekolah-sekolah

dan sebagainya. Selain itu, pusat remaja LPPKN *Cafe At Teen* yang baru diwujudkan di Kuala Lumpur dan Butterworth merupakan antara usaha kementerian untuk menggalakkan para remaja ke arah cara hidup yang sihat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, satu inisiatif baru iaitu program *Parenting At Work* akan dilancarkan pada awal tahun 2007 untuk memberi pendidikan dan kemahiran keibubapaan kepada ibu bapa yang bekerja. Program perintis akan dilaksanakan di sektor-sektor kerajaan melalui jabatan-jabatan dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ia merupakan satu program yang bertujuan meningkatkan kesedaran, pengetahuan serta panduan cara hidup gaya keibubapaan kepada masyarakat khususnya ibu bapa bekerja. Justeru kementerian mengambil pendekatan untuk melaksanakan kursus ini di tempat kerja dan akan memastikan program ini dijayakan oleh kedua-dua ibu dan bapa demi kepentingan anak-anak seterusnya keluarga mereka.

Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah turut membangkitkan cadangan melanjutkan tempoh cuti bersalin 60 hari kepada 84 hari di dalam sektor awam. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian sebelum ini memang telah mengambil langkah untuk melanjutkan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari selaras dengan ketetapan Pertubuhan Buruh Antara Bangsa yang dibuat melalui Konvensyen C183, *Maternity Protection Convention 2000*, dengan izin.

Untuk maklumat Yang Berhormat, buat masa ini kementerian menangguhkan cadangan ini buat sementara waktu. Ini memandangkan hasil perbincangan yang telah dibuat dengan kementerian-kementerian serta pihak-pihak yang terlibat. Terdapat kekhuatiran sekiranya tempoh 84 hari tersebut diluluskan, majikan akan kurang berminat untuk mengambil wanita sebagai pekerja. Namun ini, tidak bermakna kementerian tidak berhasrat untuk meneruskan cadangan tersebut. Kementerian akan membuat kajian lebih lanjut mengenai tempoh cuti bersalin ini bagi membuktikan keraguan pihak-pihak yang berkenaan tidak berasas.

Cadangan perlanjutan tempoh cuti bersalin ini juga memerlukan kajian dan pertimbangan lebih mendalam dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak dalam sektor awam sebelum ia dapat dikuatkuasakan. Ini adalah untuk memastikan pelanjutan cuti tersebut tidak mendatangkan implikasi yang negatif kepada pihak-pihak yang terlibat. Antara aspek yang perlu dipertimbangkan sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan adalah dari segi kewangan, produktiviti dan daya saing sesebuah organisasi serta impaknya kepada negara terutama dalam bidang kritikal seperti pendidikan, perubatan, penyelidikan, pengurusan tertinggi pentadbiran dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Heng Sei Kie mengesyorkan supaya suami mencarum sebahagian daripada pendapatan kepada isteri-isteri yang tidak bekerja. Cadangan supaya diwujudkan skim potongan 10% daripada pendapatan suami untuk di carum ke dalam akaun isteri secara automatik dan mendapatkan pelepasan cukai. Cadangan ini

merupakan satu cadangan yang baik bagi menjaga kebajikan suri rumah wanita. Walau bagaimanapun cadangan ini perlu dikaji dan diteliti dengan mendalam memandangkan tidak semua suami bekerja makan gaji.

Seterusnya kementerian juga diminta supaya menggalakkan majikan terutama dari sektor swasta agar menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak untuk kemudahan ibu bapa yang bekerja. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui JKM telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Institusi 1985. JKM telah menjalankan pelbagai usaha untuk menarik minat para majikan di sektor kerajaan dan swasta bagi menubuhkan taska di tempat kerja. Sebagai galakan, pihak kerajaan memberikan majikan sektor swasta pengecualian cukai sebanyak 10% ke atas kos keseluruhan pembinaan bangunan untuk taska bagi tempoh selama 10 tahun. Ini adalah selaras dengan Perenggan 42(2) Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai tahun tafsiran 1994. Di samping itu JKM juga telah mengadakan perbincangan dengan persatuan majikan-majikan Malaysia untuk mendapatkan pandangan dan cadangan supaya pihak majikan sektor swasta dapat menyediakan kemudahan taska yang berkualiti.

Berkaitan dengan isu taska ini Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad menyarankan supaya Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak Pindaan 2006 diluluskan dan ianya perlu memberi penekanan kepada asas kekeluargaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan terhadap Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, iaitu Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak Pindaan 2006 telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat dan akan dibentangkan di Dewan Negara pada mesyuarat ini.

Pindaan tersebut dibuat bertujuan untuk memperkemaskan aspek pengurusan dan pemantauan agar kualiti pusat penjagaan kanak-kanak terjamin dan aspek pembangunan dan penjagaan awal kanak-kanak tidak diabaikan.

Berhubungan dengan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie agar para pekerja mencarum pendapatan kepada akaun ibu bapa mereka. Ianya adalah merupakan satu cadangan yang baik walaupun begitu cadangan ini perlu diteliti dan diperhalusi dengan lebih mendalam kerana kementerian berpendapat tanda penghargaan tidak semestinya dibuat melalui pemberian wang ringgit semata-mata. Keprihatinan anak-anak terhadap ibu bapa boleh dilahirkan dengan pelbagai cara.

Contohnya meluangkan masa berkualiti bersama ibu bapa, memupuk perasaan kasih sayang, menghormati dan memberi perhatian terhadap ibu bapa mereka. Dalam hubungan ini kementerian amat memandang berat kesejahteraan golongan warga emas dan menyediakan pembiayaan pelbagai program dan aktiviti untuk pertubuhan atau persatuan warga emas. Ini termasuklah dengan mewujudkan pusat jagaan harian warga tua yang dikendalikan oleh NGO dengan bantuan JKM. Sebagai alternatif kepada rumah-rumah orang tua di mana anak-anak

boleh menghantar ibu bapa mereka, sewaktu mereka keluar bekerja dan mengambil ibu bapa mereka semula setelah mereka pulang bekerja.

Ini bagi menggalakkan anak-anak supaya mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa mereka yang telah tua. Dengan adanya pusat-pusat jagaan harian ini, golongan warga emas ini boleh berinteraksi dan melakukan pelbagai aktiviti produktif sesama mereka sekali gus mengelakkan kesunyian yang boleh memberi kesan psikologi yang negatif kepada mereka.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah membangkitkan beberapa isu, pertamanya mengenai tenaga kerja wanita yang masih kecil dan ketinggalan berbanding kaum lelaki. Kementerian menyedari bahawa guna tenaga wanita di sektor pekerjaan relatifnya masih rendah berbanding dengan guna tenaga lelaki.

Namun begitu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat guna tenaga wanita di sektor pekerjaan telah semakin meningkat berbanding 10 tahun sebelum ini. Pada tahun 1995, guna tenaga wanita adalah sebanyak 44.7% atau 2.69 juta berbanding keseluruhan jumlah tenaga kerja. Pada tahun 2000, guna tenaga wanita telah meningkat kepada 47.2% atau 3.34 juta dan seterusnya meningkat lagi pada tahun 2004 dengan 47.3% atau 3.73 juta guna tenaga wanita di sektor pekerjaan. Ini mencerminkan perubahan yang positif kepada wanita di dalam trend guna tenaga di sektor pekerjaan. Bagi memastikan penglibatan wanita di semua sektor ditingkatkan, kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk meningkatkan kapasiti wanita di seluruh negara. Pada tahun 2005, sebanyak RM2,882,520 telah diagihkan kepada 86 buah NGO untuk menjalankan 135 program pembangunan kapasiti.

Seramai 17,492 orang peserta telah mendapat manfaat daripada pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan merangkumi latihan kemahiran dan program kesedaran untuk wanita dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, literasi, undang-undang, teknologi maklumat dan komunikasi, jahitan dan kraf tangan. Selain itu, kementerian melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga juga telah melaksanakan Program Ringgit Bestari di 219 kawasan Parlimen seluruh negara khusus untuk meningkatkan kapasiti wanita di bidang ekonomi dan pengurusan kewangan. Seramai 15,284 orang peserta telah dapat manfaat daripada program ini.

Dalam hal yang sama, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain turut membangkitkan mengenai isu kekurangan siswazah-siswazah wanita di sektor pekerjaan. Kementerian sememangnya memandang serius masalah pengangguran di kalangan siswazah dan pelbagai program pembangunan kapasiti untuk wanita sedang dan telah dilaksanakan. Selain itu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga diberi peruntukan bagi melaksanakan program-program yang bersesuaian. Seperti mana kita sedia maklum, pelbagai kriteria akan dipertimbangkan untuk seseorang siswazah sama ada lelaki atau wanita menjawat sesuatu jawatan yang dipohon di sektor pekerjaan di antaranya bidang ijazah yang bertepatan dengan skop kerja jawatan yang dipohon, keyakinan diri, sikap dan sebagainya. Kementerian percaya sekiranya seseorang graduan wanita itu mempunyai kriteria-kriteria dan kualiti yang

bertepatan dengan skop kerja jawatan yang dipohon, maka mereka akan diterima masuk ke sektor-sektor pekerjaan berkenaan.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain juga membangkit isu berkaitan diskriminasi terhadap golongan wanita berstatus ibu yang dikatakan sukar mendapat pekerjaan dan dinaikkan pangkat. Dalam hal ini, kementerian yakin urusan mendapatkan pekerjaan dan kenaikan pangkat sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta tidak berlandaskan kepada status seseorang sama ada beliau merupakan seorang ibu, ibu tunggal, bapa tunggal, berkahwin atau bujang. Perkara utama yang diberikan pertimbangan adalah prestasi kerja, komitmen terhadap kerja, keyakinan diri dan aspek-aspek lain yang membolehkan tugas tersebut dilaksanakan dengan lebih baik.

Walau bagaimanapun, kementerian menyedari akan bebanan terhadap pekerja wanita yang terpaksa menanggung beban kerja dan pada masa yang sama terpaksa memikul tanggungjawab sebagai seorang ibu. Dengan sebab sedemikianlah, kementerian telah mencadangkan supaya pusat-pusat asuhan kanak-kanak ditubuhkan di setiap jabatan dan agensi kerajaan bagi mewujudkan suasana yang lebih kondusif bagi pekerja wanita yang berstatus ibu untuk melaksanakan tugas mereka. Cadangan ini juga telah dipanjangkan kepada pihak-pihak swasta bagi memastikan persekitaran yang lebih baik disediakan kepada pekerja wanita supaya kualiti perkhidmatan mereka dapat ditingkatkan.

Isu kesaksamaan *gender* turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menerima pakai *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* dengan izin ringkasnya CEDAW pada 5 Julai 1995. Melalui usaha yang berterusan, kerajaan telah memberi penekanan kepada aspek perundangan bagi memelihara kebajikan dan kepentingan wanita serta melindungi mereka daripada didiskriminasikan.

Kementerian ingin memaklumkan bahawa di antara kejayaan yang hendak dicapai adalah pindaan terhadap Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan pada Ogos 2001 iaitu dengan memasukkan perkataan gender untuk menjamin supaya tidak ada sebarang diskriminasi berasaskan gender dibenarkan. Bagi menjamin hak wanita terpelihara, tidak kira apa statusnya di sisi undang-undang langkah berterusan akan diambil oleh kementerian bagi meliliti dan menyemak undang-undang bagi memastikan tidak ada unsur mendiskriminasikan wanita selaras dengan obligasi yang digariskan oleh CEDAW.

Kementerian telah melaksanakan pelbagai program kesaksamaan gender di semua peringkat terutamanya di peringkat akar ubi. Pada tahun 2006 kementerian melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga telah melaksanakan program Gender Agenda di 219 kawasan Parlimen seluruh negara dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta di seluruh negara mengenai kesaksamaan gender. Program ini telah memberikan manfaat kepada lebih 5,285 orang peserta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain turut menyarankan agar Kementerian memantau keberkesanan dasar penempatan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan. Dasar sasaran sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan, di dalam sektor awam, merupakan antara dasar yang diperjuangkan oleh pihak Kementerian dan telah beberapa kali dibangkitkan sebelum ini.

Peringkat pembuat keputusan sektor awam adalah pegawai yang menjawat jawatan utama sektor awam iaitu JUSA. Di bawah dasar ini, pegawai-pegawai wanita yang berkelayakan dan menepati syarat-syarat dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan JUSA. Pelantikan wanita tidak akan dibuat semata-mata untuk memenuhi kuota tetapi berdasarkan kebolehan dan merit mereka. Walaupun peratusan wanita di peringkat pembuat keputusan masih belum mencapai sasaran 30%, jumlah wanita yang dilantik ke peringkat JUSA adalah amat menggalakkan di mana terdapat peningkatan hampir empat kali ganda daripada 82 orang pada tahun 2000 kepada 314 orang pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain turut menyentuh mengenai keganasan terhadap wanita dan Program Deru Ombak. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberikan penekanan terhadap usaha untuk memberikan pendidikan, bimbingan dan bantuan kepada wanita mengenai cara-cara mengatasi, mengharungi dan melindungi diri dari menjadi mangsa keganasan termasuklah keganasan rumah tangga, penderaan, rogol, cabul, sumbang mahram, gangguan seksual dan sebagainya. Program Deru Ombak Fasa 1 dan Fasa 2 adalah merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai usaha membanteras keganasan terhadap wanita serta membantu mangsa-mangsa yang terlibat di dalam kes-kes keganasan melalui penubuhan Pasukan Sukarelawan Ombak di seluruh negara.

Walaupun statistik menunjukkan peningkatan di dalam bilangan kes-kes keganasan yang dilaporkan, ia tidak semestinya menunjukkan kurangnya keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian. Kementerian percaya setidak-tidaknya wanita akan mendapat sedikit sebanyak manfaat daripada program yang dianjurkan khususnya kepada wanita yang terlibat dengan kes-kes keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad menyentuh mengenai isu perceraian. Untuk maklumat Yang Berhormat, berdasarkan sumber daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), statistik perceraian adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Islam</b>	<b>Bukan Islam</b>
2002	13,841	3,793
2003	15,543	3,318
2004	16,509	3,291
2005	13,465	3,804

Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat yang dijalankan oleh LPPKN pada tahun 2004, punca atau sebab utama terjadinya perceraian di antaranya adalah disebabkan tiada persefahaman, pasangan tidak bertanggungjawab, campur tangan mertua dan sebagainya.

Mengenai isu gejala sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad...

**Tuan M. Munusamy:** Mohon, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Cuma saya tertarik dengan angka-angka perceraian yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya dalam soal lisan juga saya telah meminta soalan ini mengikut kaum tetapi kita juga dapat bumiputera dan bukan bumiputera. Adakah kementerian mempunyai statistik perceraian bagi setiap kaum? Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan M. Munusamy. Sebenarnya angka-angka ini kita ambil dengan JPN (Jabatan Pendaftaran Negara) yang pendaftaran perkahwinan ini adalah di bawah kuasa mereka dan setakat ini kita tidak ada angka-angka atau statistik mengikut kaum. Kita hanya ada statistik ikut kaum Islam dan bukan Islam.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertarik dengan statistik tadi tentang puratanya setiap tahun ada lebih kurang 18,000 hingga 20,000 kes perceraian. Apakah pihak kementerian cuba tinjau balik tentang masalah anak-anak? Adakah perangkaan daripada perceraian tersebut melibatkan mungkin anak dua orang atau tiga orang akan menjadikan setiap tahun jumlah anak yang menjadi mangsa perceraian sekitar 40,000 hingga 60,000 anak-anak yang kehilangan ataupun terpisahnya masalah yang menjurus kepada masalah sosial. Maksud saya di sini jumlah anak-anak daripada *family* yang bercerai setiap tahun.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob. Saya tidak ada angka ini dan saya perlukan notis. Mengenai isu gejala sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob, kementerian setakat ini tidak mempunyai program khusus bagi menangani masalah penagihan dadah seperti yang dijalankan oleh Agensi Dadah Kebangsaan. Walaupun begitu, kementerian sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah NGO dalam pelaksanaan pelbagai program pencegahan gejala sosial dan pembangunan masyarakat. Kementerian menyalurkan pelbagai jenis bantuan kepada NGO sama ada dalam bentuk geran tahunan mahupun bantuan bagi menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan. Beberapa program khusus turut dijalankan melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di bawah JKM. Penubuhan pusat aktiviti kanak-kanak di bawah Pasukan Perlindungan Kanak-kanak juga menjadi tempat sumber

maklumat dan pusat invokasi kepada orang awam dan persatuan-persatuan masyarakat berkaitan permasalahan sosial dalam masyarakat setempat.

Melalui program memasyarakatkan institusi iaitu program yang melibatkan penyertaan orang awam dalam program pemulihan di institusi pemulihan akhlak JKM. Ia dapat memberikan ruang kepada persatuan-persatuan masyarakat setempat terlibat secara aktif, membuat lawatan ke institusi pemulihan akhlak dan memberikan pandangan dalam meningkatkan usaha pemulihan kanak-kanak yang lebih berkesan dan mengelakkan gejala sosial yang berulang. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan gejala sosial dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian oleh pihak kementerian dalam melaksanakan program dengan lebih lancar dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

#### **7.08 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sangat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha program dan strategi kementerian. Masa depan ekonomi negara begitu bergantung kepada sejauh mana kita dapat menerapkan input sains, teknologi dan inovasi di dalam budaya kerja seterusnya dalam semua sektor ekonomi. Usaha ini memerlukan minat dan gandingan semua. Saya akan menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan Bajet 2007 yang lepas. Pertama isu ICT. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin ada mencadangkan supaya kementerian-kementerian berkaitan agar mencari kaedah yang sesuai bagi membantu siswazah-siswazah yang menceburi bidang yang berkaitan ICT.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui MDeC telah menjalankan program-program untuk membangunkan sumber manusia terutama siswazah-siswazah yang menceburi bidang ICT. Pada September 2005, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah menyatakan di dalam Mesyuarat IAP dengan izin *International Advisory Panel MSC ke-9* bahawa jurang pekerja berilmu (*knowledge workers*) akan diatasi melalui penubuhan MSC ICT *Talent Development Institute* dengan izin. Justeru itu, MDeC telah menubuhkan *MSC Malaysia K-Workers Development Institute* (MSC Malaysia KDI) untuk membimbing sumber manusia yang berpotensi agar mereka menjadi pekerja mahir ICT bertaraf dunia. Inisiatif MSC Malaysia ini memainkan

peranan yang penting dalam mempromosikan Malaysia supaya menjadi sumber utama bagi pekerja-pekerja berbakat ICT di rantau ini.

MSC Malaysia KDI kini telah pun menjalankan pelbagai aktiviti dan projek melalui program pembangunan pekerja mahir seperti MSC Malaysia Undergraduate Skill Program (USP), MSC Malaysia Graduate Training Program (GTP), MSC Malaysia Joke Camp, MSC Malaysia Professional Enhancement Program (PEP) dan MSC Malaysia EK-Workers Investor Impact Program (EKWIIP).

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya program ini adalah bertujuan untuk menyediakan graduan-graduan dengan pengalaman bekerja dan pendedahan yang relevan bagi mengisi kekosongan yang sedia ada di pasaran sama ada di syarikat tempatan mahupun syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa. Selain daripada program yang telah disebutkan di atas, pada mesyuarat IAP MSC ke-9 yang berlangsung dari 8 hingga 9 September 2005 di Pulau Pinang, MDeC telah mengadakan Ekspo Kerjaya di mana seramai 3,491 graduan telah mendaftar diri dan seramai 2,223 graduan telah menghadiri temu duga.

Ekspo Kerjaya ini telah berjaya memberikan pendedahan kepada para siswazah tentang peluang pekerjaan yang ada di pasaran. Selain daripada itu MDeC juga telah menubuhkan Bumiputera ICT Entrepreneur Development (BIED) bagi menjalankan program untuk membimbing para siswazah untuk menceburi bidang perniagaan yang memberi fokus dalam industri ICT. Program tersebut adalah usaha sama dengan MARA bagi menjayakan MDC-MARA ICT E-Entrepreneur Program ataupun MADEP.

Selain daripada MARA, MDeC juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MACD), institut pengajian tinggi dan institusi kewangan dalam menjayakan projek-projek seperti National Unipreneur Development Program (NUDP), National Incubator Network Program, Start Your Own Business in ICT Program (MBC), AMCHM iaitu Young Enterprise Program (YE) bagi persediaan untuk menyediakan para siswazah yang lebih cenderung untuk menceburi bidang perniagaan terutamanya dalam sektor ICT.

Isu kedua, isu Program Angkasawan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib ada memaklumkan mengenai terdapatnya laporan negatif dari sesetengah pihak yang mencemburui Malaysia dalam Program Angkasawan Negara dengan mengatakan ianya adalah satu pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Program Angkasawan Negara adalah salah satu projek di bawah Program *Off Set*, perolehan 18 buah pesawat Sukhoi 30MK oleh Kementerian Pertahanan. Oleh kerana ianya adalah program timbal balas, maka tiada aliran tunai dilakukan. Kerajaan hanya menanggung kos pentadbiran sahaja. Program ini merangkumi latihan dua orang calon angkasawan di Yurigagari Research Center and Cosmonaut Trainee (DDTC). Dua orang calon, seorang daripadanya akan melancarkan ke International Space Station (ISS) pada Oktober 2007 akan datang untuk melakukan beberapa penyelidikan di ISS.

Program Angkasawan Negara adalah satu program yang memberi *impact* ataupun impak jangka panjang kepada negara. Ini adalah satu-satunya program yang akan memartabatkan Malaysia di mata dunia, seterusnya meletakkan Malaysia dalam kumpulan kecil negara-negara yang berkeupayaan tinggi dalam bidang aero angkasa. Melalui Program Angkasawan Negara ini, akan diwujudkan satu program yang merangsang *scientist*, masyarakat awam dan generasi muda di samping mencetus inovasi dalam bidang sains atau sektor industri tertentu.

Justeru itu kerajaan berpendapat Program Angkasawan Negara adalah unik bagi rakyat Malaysia yang mempunyai visi dan keinginan untuk menerokai angkasa kerana ia akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang berstrategi dan berdaya saing dalam bidang sains, teknologi dan pembangunan sosioekonomi dalam menjayakan Wawasan 2020. Program ini akan memberikan inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk berjaya dan bersama-sama menjadikan impian adalah satu kenyataan.

Seterusnya isu R&D, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz bin Md Nawi ada menyarankan supaya insentif yang lumayan diberikan kepada masyarakat Malaysia yang berjaya menghasilkan R&D yang boleh diketengahkan dan dikomersialkan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan agar lebih ramai rakyat Malaysia dapat menghasilkan penemuan-penemuan R&D yang berjaya dikomersialkan.

Baru-baru ini kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah memperkenalkan Anugerah Inovasi Negara sempena Pelancaran Majlis Inovasi Negara. Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada sumbangan dan pencapaian individu syarikat dan institusi yang berjaya menghasilkan R&D dan inovasi yang memberikan impak kepada ekonomi dalam hidup dan kebajikan orang ramai. Penerima Anugerah Inovasi Negara ini diberikan sejumlah wang tunai dari RM20,000 sehinggalah RM100,000 mengikut kategori inovasi iaitu inovasi peringkat sekolah, inovasi akar umbi, inovasi perkhidmatan dan inovasi produk.

Selain daripada itu, pelbagai pencapaian lain juga diberikan seperti Anugerah Sains Negara, Anugerah Pereka Cipta Negara dan Anugerah Saintis Muda Negara. Semua penerima anugerah ini diberikan sejumlah wang tunai. Pemberian anugerah-anugerah ini dijangka dapat terus mendorong serta menggalakkan penglibatan lebih ramai Malaysia dalam aktiviti R&D dan inovasi.

Seterusnya, isu paten. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad ada menyentuh isu paten dan biodiversiti negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian biodiversitinya yang tersendiri pada ketika ini sedang mengembangkan potensi yang ada menerusi penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bioteknologi di peringkat tempatan. Menerusi paten, produk-produk penyelidikan yang dihasilkan boleh dihasilkan, boleh dilindungi berdasarkan hak eksklusif penemuan ataupun reka cipta tersebut.

Malaysia menerima pakai Akta Paten 1983 dan yang disesuaikan dengan perjanjian-perjanjian antarabangsa. Antara undang-undang antarabangsa yang mempunyai undang-undang paten tempatan ialah Paris Convention On Intellectual Property Protection, Patent Corporation Treaty 1970 (PCT) dan juga Perjanjian Harta Intelek Berkaitan Perdagangan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) iaitu Perjanjian Harta Intelek Berkaitan Perdagangan (Trade Related Intellectual Property Rights Agreement – TRIPS).

Pada masa yang sama, Malaysia juga merupakan ahli kepada Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) dan Convention on Biological Diversity (CBD). Di bawah WIPO dan CBD, satu standard antarabangsa telah diwujudkan dalam melindungi *traditional knowledge* ini. Antaranya:

- (i) dasar undang-undang dan peraturan yang hendak diwujudkan yang menyentuh *traditional knowledge* dan sumber-sumber berkaitan hendaklah dengan penglibatan komuniti asal dan selepas;
- (ii) *access* kepada *traditional knowledge* dan sumber-sumbernya hanya boleh dilakukan dengan persetujuan dari komuniti asal dan setempat; dan
- (iii) komuniti asal dan setempat berhak untuk menentukan bentuk perkongsian faedah yang diperolehi.

Oleh yang demikian, sebarang bentuk perjanjian yang baru yang ingin ditandatangani di peringkat wilayah atau *regional* bagi memantau perkembangan dan memperakukan *traditional knowledge pathology* ini tidak lagi perlu kerana kita telah *diprotect* dengan perkara-perkara yang telah dinyatakan. Maklumat lanjut berkaitan perkara ini bolehlah didapatkan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai kementerian yang bertanggungjawab menjaga paten.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad juga supaya diadakan dana khas untuk pendaftaran paten. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pemohon-pemohon geran penyelidikan seperti *Science Fund* yang diuruskan oleh MOSTI boleh memohon dana untuk membiayai kos bagi pendaftaran paten sekiranya penyelidikan yang dilaksanakan didapati berpotensi untuk menghasilkan produk ataupun teknologi dan inovasi ataupun layak dipatenkan. Proses pendaftaran paten berkenaan boleh dilakukan menerusi Jabatan Pendaftaran Paten (MOIPO).

Seterusnya isu bioteknologi, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Majid bin Mahap yang mencadangkan supaya kaedah bioteknologi digunakan bagi membantu dalam meningkatkan lagi pengeluaran hasil padi bukit di Sabah.

Pandangan ini adalah *very specific*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat penyelidikan untuk mendapatkan hasil yang lebih tinggi untuk padi melalui kaedah bioteknologi termasuklah implikasi ke atas padi bukit boleh dilaksanakan sebenarnya dengan cara *gen* dengan izin yang terlibat di dalam memberikan hasil yang tinggi untuk padi boleh

dikenal pasti dan mampu diklonkan ataupun didapati dari sumber asal *gen* tersebut. Ini semuanya berkaitan dengan *gen* dan DNA. Menerusi kaedah bioteknologi ini baka padi yang baik berpotensi dihasilkan. Langkah mendidik pengguna untuk memahami bioteknologi dan faedahnya akan dipertingkatkan supaya aplikasi bioteknologi yang mendatangkan faedah seperti di atas dapat kita manfaatkan sepenuhnya di negara ini. Kementerian ini meletakkan keutamaan terhadap penyelidikan agro bioteknologi dan menyediakan pelbagai dana untuk menyokong inisiatif ini seperti dana sains *sciences fund* dan menerusi inisiatif penyelidikan dan permohonan R&D yang dilaksanakan oleh Institut Agro Bioteknologi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya MOSTI sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan dari Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat membantu kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk menjawab.

## 7.22 petang

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2007 yang menyentuh mengenai beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz binti Md Nawi berkenaan dengan cadangan supaya diadakan perkhidmatan feri tambang murah dari Kota Bharu ke Malaysia Timur dan mewujudkan sebuah Lembaga Feri bagi menguruskannya. Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai sebarang halangan ke atas cadangan supaya diadakan perkhidmatan feri tambang murah daripada Kota Bharu ke Malaysia Timur. Namun demikian mengikut rekod Kementerian Pengangkutan sehingga kini tidak ada sebarang cadangan permohonan daripada mana-mana syarikat swasta untuk mengendalikan perkhidmatan feri untuk sektor laluan berkenaan. Halangan utama yang dihadapi oleh pengusaha feri adalah laluan berkenaan tidak *viable*, tidak kos efektif dan faktor masa perjalanan laut daripada Malaysia Barat ke Malaysia Timur lebih-lebih lagi dengan adanya syarikat-syarikat penerbangan tambang murah.

Mewujudkan Lembaga Feri adalah tidak perlu memandangkan penguatkuasaan dan pemantauan perkhidmatan feri pada masa ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Jabatan

Laut dan Lembaga Pelabuhan. Jika perkhidmatan feri yang berkaitan terletak di bawah hak pelabuhan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi berkenaan siapakah yang sepatutnya melakukan rondaan di lebuhraya dan kenyataan bahawa JPJ didapati tidak melakukan rondaan di lebuhraya. Jabatan Pengangkutan Jalan bersama dengan Polis Diraja Malaysia melalui pasukan peronda lebuhraya juga pasukan peronda lebuhraya syarikat pembekal konsesi lebuhraya seperti PLUS ronda sentiasa bersama-sama menjalankan rondaan di lebuhraya bagi memastikan undang-undang jalan raya dipatuhi di samping membantu pengguna-pengguna lebuhraya yang memerlukan bantuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pasukan peronda lebuhraya PDRM memberi penumpuan kepada kesalahan lalu lintas yang membabitkan pemanduan kenderaan melebihi had laju dan juga memotong menggunakan laluan kecemasan. JPJ pula memberi penumpuan kepada kesalahan lalu lintas membabitkan kenderaan perdagangan yang membawa muatan melebihi had yang dibenarkan. Pasukan peronda lebuhraya syarikat pemegang konsesi lebuhraya memberi penumpuan kepada aktiviti-aktiviti bantuan kepada pengguna lebuhraya seperti mengawal lalu lintas kenderaan rosak dan sebagainya.

Bagi tahun 2004 sebanyak 4,354 buah kenderaan telah diperiksa oleh JPJ di lebuhraya di mana 21 daripadanya telah diberi amaran dan 331 telah di saman. Bagi tahun 2005 pula sebanyak 1,578 kenderaan telah diperiksa oleh JPJ di lebuhraya di mana 272 daripadanya telah diberi amaran dan 307 pula telah di saman. Bagi tahun 2006 iaitu sehingga bulan Oktober 2006 sebanyak 1,422 buah kenderaan telah diperiksa oleh JPJ di lebuhraya di mana 206 daripadanya telah diberikan amaran dan 362 telah di saman.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar mengenai cadangan supaya kerajaan membesarkan tempat letak kereta di stesen-stesen LRT, perkhidmatan bas transit LRT setiap 15 minit, sistem LRT dipanjangkan di Lembah Klang dan Subang. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak operator LRT iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad telah mengambil tindakan seperti berikut.

- (i) Tempat letak kereta di stesen-stesen LRT ditambah secara berperingkat melalui pengambilan tanah atau tapak baru atau meningkat kemudahan dan bilangan letak kereta yang sedia ada.
- (ii) Menambahkan bilangan bas-bas transit sehingga mencapai tahap 15 minit setiap perjalanan dari stesen ke stesen LRT.
- (iii) Kajian memanjangkan laluan LRT1 STAR dari terminal Sri Petaling ke Puchong dan Subang. Dari terminal LRT2 Kelana Jaya ke Subang Jaya juga Utara Subang Jaya USJ dijalankan oleh SPNB dan dijangka siap

pada akhir tahun 2006. Pelaksanaan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkhidmatan komuter dari Kota Baharu ke Gua Musang KTMB setakat ini masih belum mempunyai sebarang perancangan bagi meluaskan perkhidmatan komuter ke luar kawasan Lembah Klang. Buat masa ini perkhidmatan komuter hanya terdapat di kawasan Lembah Klang sehingga ke Seremban. Sebarang pelaksanaan hendaklah dikaji *viability* nya contohnya dari segi anggaran jumlah penumpang yang dijangka menggunakan perkhidmatan komuter tersebut. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat akan diambil kira sekiranya perkhidmatan komuter diperluaskan ke seluruh negara pada masa akan datang. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk membuka laluan baru dari Mentakab terus ke Kuala Lumpur kerajaan akan mengadakan kajian lanjut berkenaan dengan cadangan tersebut sebelum sebarang keputusan dibuat.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk menggantikan enjin-enjin kereta api dengan yang baru KTMB sedang dalam proses menaikkan taraf enjin kereta api dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Proses pembelian stok kereta dan koc baru membaik pulih koc yang lama dan sebagainya sedang aktif dijalankan pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang ada membangkitkan beberapa pertanyaan mengenai isu-isu yang melibatkan MAS. Keuntungan suku ketiga bagi tahun 2006 sebanyak RM240 juta yang diumumkan oleh MAS baru-baru ini bukan hanya berpunca dari penyusunan semula laluan penerbangan dan pengurangan operasi syarikat. Antara lain syarikat tersebut juga mengambil usaha penjimatan termasuk pengurangan kos pekerja, kos pengiklanan, kos operasi *inflight* dan penjimatan kos melalui penyelenggaraan yang lebih cekap.

Merujuk kepada perkhidmatan ke Mulu dan Bintulu ketiadaan perkhidmatan MAS adalah disebabkan pihak kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan ini disediakan oleh syarikat Fly Asian Express iaitu FAX. Dalam hal ini didapati syarikat FAX telah mengekalkan perkhidmatan ke Mulu dan Bintulu seperti yang pernah disediakan oleh MAS terdahulu..

**Tuan Tan Bon You:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya minta ganggu sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terpanggil untuk membawa perkara ini kepada perhatian Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri kerana perkara-perkara yang saya akan sebutkan ini telah menjejaskan imej Parlimen, MAS dan juga negara kita kerana ia melibatkan sistem perhubungan nasional. Yang Berhormat Timbalan Menteri kejadian ini berlaku kepada saya sendiri pada 16 Disember 2006 semasa saya mengiringi Timbalan Pengerusi Dewan Perundingan negara China dan delegasinya yang ingin melanjutkan kunjungan hormatnya untuk berlepas ke Pulau Pinang dengan penerbangan MH1140.

Tetamu, VIP dan delegasinya yang menunggu di bilik selama lebih sejam tidak dimaklumkan tentang pembatalan penerbangan sehingga berjalan jauh untuk sampai ke pintu lima baru diberitahu bahawa pesawat yang bakal dinaiki masih berada di Pulau Pinang atas sebab-sebab teknikal. Apa yang menjadi kemusykilan saya ialah kaki tangan yang bertugas di bilik VIP tidak dimaklumkan mengenai pembatalan tersebut untuk mengelakkan berjalan jauh itu. Insiden ini telah mengakibatkan bahawa pengurusan MAS adalah tidak cekap. Ia juga memalukan Parlimen sebagai tuan rumah sebagai delegasi tersebut. Apakah tindakan MAS untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi? Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang ada beberapa insiden yang telah berlaku di tempat lain. Perkara ini telah kita bangkitkan di dalam pertemuan di antara kementerian dengan MAS dan saya amat kesal apa yang telah berlaku kepada Yang Berhormat dan rombongan Yang Berhormat ini. Insya-Allah saya akan kemukakan lagi kepada pihak MAS dalam perbincangan dalam masa yang terdekat ini saya berharap hanya sabar sedikit. Saya akan bawa perkara ini kepada pihak MAS.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi ke jawapan Yang Berhormat ini.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Saya cuma hendak mengucapkan terima kasih sahaja atas perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat mengenai tanggungjawab kementerian yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Ahli-ahli Yang Berhormat masa telah pun cukup saya tangguhkan dewan sehingga jam 10.00 pagi besok.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam]***